

Volume I
No. 45



Monday
28th December, 1964

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

EXEMPTED BUSINESS (Motion) [Col. 5765]

MOTION—

The Development Estimates, 1965 [Col. 5767]

Committee:

Heads 100 and 205 [Col. 5834]

Head 101 [Col. 5843]

Heads 103, 104, 105, 155 and 181 [Col. 5846]

Heads 106, 107, 108, 109, 113 and 157 [Col. 5869]

Heads 111, 112, 114, 156 and 206 [Col. 5899]

Head 115 [Col. 5909]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT

(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

First Session of the Second Dewan Ra'ayat

Monday 28th December, 1964

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence, Minister of National and Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Home Affairs and Minister of Justice, DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Health, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister for Sarawak Affairs, DATO' TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ the Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Minister of Information and Broadcasting, ENCHE' SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ the Minister of Lands and Mines, TUAN HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ the Assistant Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' SULAIMAN BIN BULON (Bagan Datoh).
- „ the Assistant Minister of Culture, Youth and Sports, ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).

- The Honourable the Assistant Minister of Education,
- ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG (Sarawak).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, K.M.N., P.J.K. (Krian Laut).
- „ ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN GUL AHMAD MIANJI (Pasir Mas Hulu).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ ENCHE' ABU BAKAR BIN HAMZAH (Bachok).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kelantan Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ CHE' AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ ENCHE' ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ ENCHE' JONATHAN BANGAU ANAK RENANG (Sarawak).
- „ ENCHE' CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHEN WING SUM (Damansara).
- „ ENCHE' CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ ENCHE' CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- „ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- „ ENCHE' STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN, A.M.N. (Raub).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' IKHWAN ZAINI (Sarawak).

The Honourable ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).

- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN (Sarawak).
- „ ENCHE' KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- „ ENCHE' KHOO PENG LOONG (Sarawak).
- „ ENCHE' KOW KEE SENG (Singapore).
- „ ENCHE' EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ ENCHE' LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ ENCHE' LIM HUAN BOON (Singapore).
- „ ENCHE' LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- „ ENCHE' JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- „ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, P.M.K. (Pasir Puteh).
- „ ENCHE' MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ ENCHE' MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jelebu-Jempol).
- „ ENCHE' MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ ENCHE' MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ ENCHE' MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ ENCHE' MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- „ DATO' NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.M.J.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' NG FAH YAM (Batu Gajah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ ABANG OTHMAN BIN HAJI MOASILI (Sarawak).
- „ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- „ ENCHE' S. RAJARATNAM (Singapore).
- „ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ ENCHE' RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB, P.I.S. (Muar Pantai).

The Honourable ENCHE' SIM BOON LIANG (Sarawak).

- „ ENCHE' SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ ENCHE' SNAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ ENCHE' SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ ENCHE' SULEIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAI KUAN YANG (Kulim-Bandar Bharu).
- „ ENCHE' TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ ENCHE' TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ ENCHE' TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ ENCHE' YEH PAO TZE (Sabah).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

ABSENT:

The Honourable the Prime Minister, Minister of External Affairs and Minister of Youth, Culture and Sports, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).

- „ the Minister for Local Government and Housing, ENCHE' KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ the Minister without Portfolio, ENCHE' PETER LO SU YIN (Sabah).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of National and Rural Development and Assistant Minister of Justice, ENCHE' ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ ENCHE' ABDUL RAHIM ISHAK (Singapore).
- „ ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ O.K.K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING (Sarawak).
- „ ENCHE' E. W. BARKER (Singapore).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHIA THYE POH (Singapore).
- „ ENCHE' C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ ENCHE' S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).

The Honourable ENCHE' GANING BIN JANGKAT (Sabah).

- „ DR GOH KENG SWEE (Singapore).
- „ DATO' SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ ENCHE' JEK YEUN THONG (Singapore).
- „ ENCHE' KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
- „ DATU KHOO SIAK CHIEW, P.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' LEE KUAN YEW (Singapore).
- „ ENCHE' AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ DATO' LIM KIM SAN, D.U.T., J.M.K., D.J.M.K. (Singapore).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- „ ENCHE' MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- „ DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).
- „ ENCHE' ONG KEE HUI (Sarawak).
- „ ENCHE' ONG PANG BOON (Singapore).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN WOK (Singapore).
- „ ENCHE' SANDOM ANAK NYUAK (Sarawak).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
- „ ENCHE' SNG CHIN JOO (Sarawak).
- „ DATU DONALD ALOYSIUS STEPHENS, P.D.K. (Sabah).
- „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ ENCHE' TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ DR TOH CHIN CHYE (Singapore).
- „ ENCHE' TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ PENGHULU FRANCIS UMPAU ANAK EMPAM (Sarawak).
- „ ENCHE' WEE TOON BOON (Singapore).
- „ ENCHE' STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).
- „ ENCHE' YONG NYUK LIN (Singapore).

PRAYERS

(Mr Speaker in the Chair)

EXEMPTED BUSINESS

(MOTION)

The Deputy Prime Minister (Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussain: Mr Speaker, Sir, I beg to move,

That notwithstanding the provisions of Standing Order 12 (1), this afternoon's

sitting of the House shall be resumed at 3 p.m. instead of 4.30 p.m.

The Minister of Transport (Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir: Mr Speaker, Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That notwithstanding the provisions of Standing Order 12 (1), this afternoon's sitting of the House shall be resumed at 3 p.m. instead of 4.30 p.m.

MOTION

THE DEVELOPMENT ESTIMATES, 1965

Order read for resumption of debate on Question, "That pursuant to Standing Order 67C the following Motion be referred to a Committee of the whole House:

That this House resolves that a sum not exceeding \$801,156,724 be expended out of the Development Fund in the year 1965 and that to meet the purposes of the Heads and sub-heads set out in the second column of the statement laid on the Table as Command Paper No. 37 of 1964 there be appropriated the sums specified against such Heads and sub-heads in the tenth and eleventh columns in respect of Heads 100-153 and the eighth and ninth columns in respect of Heads 155-210."

Mr Speaker: Ahli² Yang Berhormat, saya suka hendak memberi tahu, hari ini bahathan di-atas perkara yang di-hadapan kita ini ia-lah sampai pukul 12.00 sahaja, sa-lepas pukul 12.00 itu hendak-lah kita dengar jawapan² daripada Menteri²; oleh kerana masa ini sangat pendek terpaksa-lah di-buat bagitu. Dan Ahli² Yang Berhormat apabila berbathath tolong-lah pendek²kan sedikit bahathan.

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Yang di-Pertua, menyambong ucapan saya pada sa-belum Dewan ini berehat tiga hari dahulu, saya telah menyatakan bahawa sa-nya Malaysia bahagia tidak dapat kita bangunkan sa-kira-nya perekonomian antara kaum di-dalam negeri kita atau dalam negara kita ini tidak dipersaibangkan. Suara orang Melayu, baik di-luar atau di-dalam Dewan ini, telah di-buktikan minta Kerajaan mengambil bahagian yang tegas bagi memperbaiki keadaan itu. Tidak boleh kita nafikan bahawa orang Melayu-lah perekonomian-nya lemah dalam negara ini dan bagitu juga bumiputera di-Sabah dan di-Sarawak. Jadi kita berharap Kerajaan akan berusaha sa-daya upaya-nya bagi merapatkan kejirangan—dua jurang yang dalam yang kita harap dengan usaha baharu yang telah di-tegaskan oleh Kerajaan itu akan dapat memperbaiki keadaan ini demi kepentingan negara kita seluruh-nya. Dalam usaha memberi nafas dan

nadi yang baharu kepada RIDA, saya mengeshorkan supaya RIDA ini di-satukan dengan Jabatan Melayu di-Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan di-chadangkan juga Bank Ra'ayat itu di-satukan juga di-dalam penyusunan baharu ini dibawah satu pembenaan yang saya shorkan, jika nama-nya sesuai, Kementerian Pembangunan Melayu dan Bumiputera.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, ketegasan dalam masaalah ini harus-lah di-perlakukan oleh Kerajaan kerana bukan sahaja Malaysia bahagia tidak akan kita dapat bangunkan di-dalam negara kita ini, tetapi mungkin kalau persaibangan ekonomi ini tidak di-perbaiki, tumpah darah mungkin berlaku pada masa yang akan datang. Demi kepentingan bersama, saya sendiri dan tuan² juga tidak akan berhajat perkara ini berlaku, tetapi jikalau di-biarkan dengan tidak ketegasan yang betul² kita lakukan, mungkin perkara ini berlaku. Tidak boleh kita nafikan, Tuan Yang di-Pertua, kejadian yang berlaku di-Singapura itu ada kait-mengait sedikit sa-banyak dengan apa yang saya chakapkan ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh sedikit berhubung dengan bahasa kebangsaan. Saya berharap kepada Kerajaan, pada tahun yang akan datang, bahawa sa-nya tahun 1967 ada-lah satu masa tidak jauh dari kita. Ketegasan Kerajaan dalam masaalah ini harus di-utamakan dan di-tunjukkan bukan sahaja kepada negara luar tetapi kepada ra'ayat dan kakitangan kita. Boleh-lah saya chontohkan, Tuan Yang di-Pertua, pada satu ketika CUEPACS telah membuat satu keputusan bahawa sa-nya CUEPACS akan menggunakan bahasa kebangsaan dalam urusan Persatuan-nya bila tahun 1967. Menjadikan bahasa kebangsaan menjadi urusan CUEPACS dalam tahun 1967 itu, bukan-lah perkara besar tetapi daripada ucapan² itu menandakan bahawa sa-nya CUEPACS tidak mempunyai keperchayaan bahasa kebangsaan tidak boleh di-jalankan sa-belum tahun 1967, sedangkan CUEPACS ada-lah di-wakili oleh

Pegawai dan kakitangan Kerajaan. Jadi usaha itu walau pun tidak sa-chara langsung kita nampak dan kita terbayang bahawa CUEPACS sendiri pada usaha Kerajaan hendak menjadikan bahasa rasmi bahasa kebangsaan ini tidak sa-chara langsung atau pun bersunggoh²an.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil sedikit pandangan bahawa sa-nya perusahaan² dalam negeri kita ini juga harus mengambil satu langkah yang utama bagi memaju dan mengusahakan perlaksanaan bahasa kebangsaan itu. Di-dalam negeri kita, Tuan Yang di-Pertua, ada berbagai² perusahaan yang kita benarkan sa-bagai perusahaan perintis dan sa-bagai tumbuh dalam negara kita ini tetapi biar-lah saya ambil satu dua contoh, Tuan Yang di-Pertua. Itu perkara yang kita hari² nampak dan kita gunakan.

Di-depan saya, Tuan Yang di-Pertua, ada dua kotak rokok yang dikeluarkan oleh dua perusahaan—M.T.C./Rothman dan rokok tidak boleh hidup jika tidak ada kotak api. Kotak api ini di-buat khas untuk Sharikat Patterson Simon Berhad menggunakan advertising-nya—pengiklan-nya dalam bahasa kebangsaan, “Pengurus api untuk menghisap rokok, di-liputi lilin.” “Pengurus api keselamatan, tahan lembab”. Ini satu sharikat, “Rothman King Size”. Bukan pada rokok sahaja, Tuan Yang di-Pertua, di-mana² di-tepi jalan raya kita ternampak symbol advertising-nya, apa kata dia, “The best tobacco money can buy”. Ini satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, sharikat rokok di-Tanah Melayu ini mengaku di-antara lain²-nya, “Made in Malaysia”, itu sahaja. Boleh-lah kita bandingkan, boleh-lah ra’ayat menimbangkan atas usaha dua tiga sharikat ini,—hari²—pada hal rokok di-hisap oleh ra’ayat negara Malaysia. Kita tidak sentoh kalau sa-kira-nya rokok ini hendak di-hantar ka-Eropah, ka-Afrika Selatan dan lain² tempat. Rokok ini di-hisap oleh ra’ayat negara ini, mengapa tidak boleh di-jadikan di-chap dengan bahasa kebangsaan? Di-chap dengan bahasa kebangsaan tidak merendahkan harga rokok ini, tetapi

lebih menyakinkan ra’ayat chintakan pada bahasa-nya. Saya tidak tahu, barangkali ada pehak yang bertanggung-jawab, tetapi saya dengar dalam sharikat² ini ada orang Melayu yang menjadi Director dan Pengerusi, mengapa perkara yang bagini di-lakukan tidak di-sebut²kan dan tidak di-berhentikan.

Saya tidak hendak berchakap banyak, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya menghormati kehendak Tuan Yang di-Pertua, ini chuma tiga chontoh sahaja. Jika saya di-beri masa yang lebih banyak, saya akan memberi chontoh lebih lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Sa-lain daripada itu saya suka hendak berchakap sedikit, Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah pemuda. Beberapa hari dahulu Yang Berhormat Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan telah menjawab ucapan saya dengan sa-chara tidak langsung, bukan-lah kewajiban yang di-tentukan bagi Kementerian-nya bagi memperbaiki keadaan pemuda ini, kerana Kementerian ini mesti-lah berhubung rapat dengan lain² Kementerian seperti Kementerian Buroh, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan lain² lagi. Jadi saya mengambil peluang pada pagi ini Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri bahawa sa-nya dalam negeri kita ini ada 60% lebih pemuda. Di-dalam pembukaan tanah baharu di-Jengka, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya memperuntukkan tanah bagi pemuda², kerana mengikut keadaan tanah² Persekutuan sekarang ini tidak mengizinkan pemuda yang belum berumah tangga mengambil bahagian yang penting dalam perusahaan itu.

Saya yakin dan perchaya Yang Berhormat Menteri akan menjawab bahawa pemuda ini boleh di-benarkan bila mana mereka telah berumah-tangga. Tetapi soal-nya bila mana berumah-tangga, jikalau keadaan tidak mengizinkan berumah-tangga. Jadi saya merayu kepada Menteri Yang Berhormat bagaimana yang saya katakan tadi, bahawa negeri Pahang, Yang Berhormat Menteri Besar Pahang

telah pun menyatakan persetujuan-nya dan menguntukkan 500 ekar tanah yang di-peruntukkan khas bagi pemuda. Saya mengeshorkan sa-mula bahawa sa-nya peruntukan tanah bagi pemuda ini, bukan sahaja-lah di-buat saperti mana yang saya katakan, kerana memberi tanah tetapi saya memohon-lah di-adakan latehan² yang tertentu bagi pemuda supaya mereka bukan sahaja dapat tanah untuk milek mereka sendiri tetapi akan dapat mengikuti keadaan negara kita ini dalam perkembangan politik dan sosial kita.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya memberi peluang kepada Ahli² Yang Berhormat yang lain², jadi sa-belum saya dudok saya memohon izin dan terima kaseh.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang sedang membahathkan Anggaran Belanjawan pembangunan negara kita untuk tahun 1965. Sudah bertahun² kita telah membahathkan Anggaran Pembangunan ini dan kita perlu memandang jauh kahadapan supaya tiap² Anggaran Belanjawan bagi Pembangunan Negara ini dapat disesuaikan dengan keperibadian negara kita yang sudah merdeka ini. Memang, Tuan Pengerusi, negara² yang baharu munchol berusaha membangunkan diri mereka itu sendiri, diri negara itu sendiri. Jadi, asas² pembangunan bagi negara itu mustahak-lah di-tujukan kepada satu bentok yang baharu, yang sesuai dengan peribadi negara kita.

Saya mengambil kesempatan pada pagi ini untuk menyampaikan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar. Mengikut apa yang saya baca dalam surat khabar baharu² ini Menteri Pembangunan Luar Bandar telah mengemukakan satu perubahan yang besar dalam bentuk RIDA, perubahan besar didalam asas² bagi membaiki ekonomi orang² Melayu di-luar² bandar. Sunggoh pun begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengemukakan beberapa masaalah mengenai soal² yang tersebut khusus-nya. Kita dapati dalam negara kita yang telah merdeka hampir 10 tahun ini, pesaka² penjajahan maseh banyak terdapat di-sana

sini, terutama di-lapangan ekonomi yang kadang² merupakan penunggu² yang berpuaka di-dalam sendi masharakat kita sendiri. Penunggu² berpuaka, pesaka peninggalan penjajahan di-lapangan ekonomi itu, Tuan Yang di-Pertua, walau pun kita terpaksa mengakui bahawa hendak mengubah kedudukan structure ekonomi di-dalam negeri ini, akan memakan masa yang panjang, akan tetapi soal pokok yang mengenai panghalang² dalam pelaksanaan ranchangan ekonomi dan pembangunan negara itu, perlu-lah di-atasi dengan sa-berapa segera yang boleh. Yang saya maksudkan dengan puaka² atau penunggu² yang berpuaka itu, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah sistem ekonomi yang sa-kurang²-nya menyekat pergerakan dan kemajuan ekonomi dari sudut ra'ayat ramai, atau sistem ekonomi yang sa-kurang²-nya dapat kita perhatikan menjadi persaingan di-dalam kehendak² ekonomi di-luar bandar. Ini satu masaalah yang harus di-fikirkan.

Baharu² ini saya terbacha—oleh kerana saya banyak urusan tidak dapat hadir dalam Dewan ini—saya mengikut dari siaran radio dan surat² khabar bagaimana Timbalan Perdana Menteri atau Menteri Pembangunan Luar Bandar telah memberikan satu gambaran yang saya perchaya gambaran itu ada-lah satu gambaran yang boleh di-katakan nyata, ia-itu memberi perbandingan tentang ekonomi luar bandar dan ekonomi dalam bandar. Timbalan Perdana Menteri telah menyatakan bahawa Ranchangan Pembangunan Luar Bandar, atau boleh di-sifatkan sa-bagai gerakan ekonomi luar bandar, ada-lah merupakan lebeh socialist daripada dasar socialism itu sendiri. Di-samping itu gerakan ekonomi sa-chara liberal, sa-chara bebas di-beri napas yang lebeh banyak untuk kehidupan dalam alam perdagangan di-dalam bandar², ia-itu memberi peluang kepada modal² luar sambil mengusahakan timbul-nya modal² kebangsaan dalam negeri. Ini satu gambaran yang terang dan nyata. Sunggoh pun begitu, Tuan Yang di-Pertua, satu masaalah yang harus kita fikirkan, apa-kah tidak ada per-tentangan dalam hasrat dan apa-kah

tidak ada pertentangan di-dalam kehendak dan chita² tentang perkembangan, kemajuan ekonomi luar bandar sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Timbalan Perdana Menteri sa-bagai lebeh socialist, dengan perkembangan ekonomi capitalist sa-chara bebas dan merdeka di-dalam bandar itu sendiri. Kalau kita perhatikan dengan lebeh teliti, Tuan Yang di-Pertua, dapat-lah kita mengambil satu kesimpulan bahawa ini merupakan satu persaingan yang maha hebat, walau bagaimana sa-kali pun perkembangan ekonomi luar bandar yang di-sifatkan lebeh socialist akan menghadapi zaman kekechiwaan, kalau sa-kira-nya perkembangan ekonomi dalam bandar di-lepaskan tali dengan sa-bebas²-nya seperti layang² yang tidak berteraju.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, terpaksa-lah soal ini di-kaji sa-mula. Masaalah ini mesti di-rangkaikan satu persatu dengan chermat-nya. Satu langkah yang berani perlu di-fikirkan dan di-ranchangkan daripada masa sekarang ini, terutama-nya dalam masaalah membangunkan ekonomi luar bandar, apa yang di-namakan lebeh socialist atau lebeh apa lagi pun, itu ada-lah masaalah nama, tetapi masaalah yang paling besar ia-lah memperbaiki ekonomi luar bandar. Kita tahu bahawa dalam Anggaran Belanjawan bagi pembangunan ini boleh di-katakan lebeh daripada sa-paroh-nya di-tumpukan kapada pembangunan luar bandar, akan tetapi seperti pernah saya sebutkan dalam Rumah yang mulia ini beberapa tahun yang telah lalu bahawa walau sa-banyak mana sa-kali pun di-churahkan wang kita untuk pembangunan luar bandar, tetapi maseh tidak memikirkan kapada asas² dan kehendak² ekonomi luar bandar itu sendiri, maka ada-lah di-bimbangkan bahawa penchurahan tenaga kita ka-arrah itu tidak akan dapat menghasilkan seperti apa yang kita chita²kan.

Kita telah mengeluarkan wang beratus² juta ringgit pada tiap² tahun kerana pembangunan luar bandar dan ini memang di-sambut dengan penoh hati dan penoh semangat oleh orang² pendudok luar bandar. Memang kita akui mereka mahu jalan². Memang

kita akui mereka mahu sa-barang kemudahan bagi faedah mereka sendiri sa-bagai warganegara yang berhak mengechap sama nekmata kemerdekaan dan kedaulatan yang telah di-chapai. Ini kita mesti akui dan pehak kami juga mengaku², tetapi di-samping itu, Tuan Yang di-Pertua, pernah di-kemukakan supaya di-adakan satu ranchangan ekonomi yang boleh menimbulkan keadaan ekonomi masing² ra'ayat di-luar bandar itu sesuai dengan kemudahan² yang di-berikan kapada mereka. Masaalah soal pokok yang mesti di-fikirkan.

Ranchangan Pembahagian tanah kapada ra'ayat ada-lah satu ranchangan yang mulia dan patut di-beri kepujian, tetapi tidak semua ra'ayat nanti yang akan di-beri tanah, sebab tanah terbatas, dan tidak-lah patut kita tumpukan bahawa masaalah membangunkan ekonomi ra'ayat luar bandar dengan hanya sa-mata² berhabit dengan tanah dan dengan demikian timbul-lah satu tiori bagaimana yang di-sebutkan oleh Professor Ungku Aziz bahawa ranchangan ekonomi yang di-bentok oleh zaman penjajahan itu ia-lah mengalirkan kedudukan orang² Melayu di-luar bandar ka-arrah satu jurusan sa-mata², ya'ani jurusan kaum tani, atau peladang sa-mata², sedangkan jurusan yang lain di-beri aliran kapada gulungan² puak² yang lain yang sama² kita mengetahui nasib mereka di-lapangan ekonomi. Ini ada-lah satu kemujoran yang tidak pernah di-sangka oleh nenek² mereka pada masa yang telah lalu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, satu asas yang sa-kurang²-nya dapat di-fikirkan sa-bagai satu asas untuk menjadi bahan kajian bagi satu surohanjaya yang patut di-tubuhkan oleh pehak Kementerian ini, yang saya fikir anggota² surohanjaya itu sa-kurang²-nya hendak-lah ada di-antara-nya Professor Ungku Abdul Aziz dan Ahli Yang Berhormat dari Jerai, yang telah banyak mengemukakan tiori² ekonomi dan ranchangan² ekonomi bagi negeri ini, terutama sa-kurang²-nya dalam Dewan yang mulia ini, ia-itu suatu asas memberi hak otonomi kapada sharikat² bekerjasama

di-kawasan luar bandar. Tentu-lah, Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini akan tertanya apa-kah bentuk dan chorak hak otonomi itu. Ini saya chuba memberi satu gambaran yang sa-berapa rengkas yang boleh ia-itu-lah—tetapi saya sa-kali lagi saya tekankan, Tuan Yang di-Pertua, dasar ini tidak dapat terlaksana kalau tidak ada keberanian—keberanian bagi melaksanakan asas dan dasar itu dari sudut kewangan, keberanian dari sudut bertindak, sebab saya katakan keberanian dari sudut bertindak kemungkinan besar pehak Kerajaan akan menghadapi keritik² atau lebeh dari itu dari kalangan² yang sa-lama ini dapat mengechap nikmat dari kedudukan ekonomi negeri ini yang tidak terator—ekonomi ini sa-bagai negara pusaka peninggalan penjajah, ia-itu satu hak otonomi yang memberi kuasa² pengedaran dan pengeluaran hasil² ekonomi luar bandar kepada badan² sharikat bekerjasama yang ditubuhkan dari kalangan penduduk² luar bandar.

Saya tidak menyebut kalimah orang Melayu, sebab nanti di-fikir atau di-pandang oleh gulungan yang lain sa-bagai satu chadangan yang perkauman—chukup-lah dengan mengatakan penduduk² luar bandar. Penduduk² luar bandar di-arahkan menubuhkan sharikat bekerjasama dari sa-genap jurusan yang mengenai lapangan ekonomi, sama ada jurusan pengeluaran hasil atau jurusan pengedaran hasil² untuk kepentingan penduduk² luar bandar, dan ini akan bersamaan-lah dengan fikiran² yang di-keluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerai tentang mustahak-nya di-tubuhkan Bank Ra'ayat dan sa-bagai-nya, dan ini semua telah mendapat perhatian yang lebeh luas dan mendapat sambutan yang lebeh baik daripada Dewan yang mulia ini. Kalau ini dapat di-laksanakan, Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya persaingan antara kehendak² ekonomi luar bandar dengan dalam bandar itu akan dapat di-ketepikan sa-kurang²-nya buat sementara waktu, sebab apabila hak otonomi untuk menjalankan sa-genap rancangan ekonomi pengeluaran hasil dan pe-

ngedaran hasil di-beri kepada penduduk² di-luar bandar pada masa itu champor tangan daripada kehendak² kuasa ekonomi dalam bandar terbatas. Segala sa-suatu kesemua-nya melalui hak otonomi yang di-beri kepada sharikat bekerjasama.

Tuan Yang di-Pertua, sa-kali lagi saya katakan bahawa chara yang saperti ini ia-lah chara yang terlalu radical. Akan tetapi, kalau benar² Kerajaan memikirkan nasib penduduk luar bandar dan terutama-nya terpaksa saya sebutkan nasib orang² Melayu, bukan sa-golongan kechil orang² Melayu yang hendak kita angkatkan taraf daripada ahli share biasa kepada director dan ahli² pemodal yang besar, tetapi nasib sa-golongan besar orang Melayu yang sa-lama ini tidak mendapat peluang untuk menjadi pemodal atau untuk menjadi saudagar² besar. Kalau kita berchakap untuk ekonomi orang Melayu, Tuan Yang di-Pertua, jangan-lah kita menumpukan pandangan kita kepada soal pekerjaan atau pun soal² perniagaan sa-chara langsung. Kita pandang sekarang ini timbul gulungan² menubuhkan berbagai sharikat atau sa-bagai-nya atau pun memandang kepada beberapa orang yang tertentu yang bernasib baik oleh kerana kedudukan-nya baik atau oleh kerana nama-nya baik dapat menjadi director atau pun pengarah pada mana² sharikat yang besar yang mendapat peluang yang baik dan kita puji kerana peluang itu dapat kapada-nya. Bukan kapada itu sahaja yang kita patut tumpukan, tetapi tumpukan-lah keselurohan-nya kepada nasib orang² Melayu di-luar bandar, atau lebeh tegas buang kalimah Melayu, penduduk² luar bandar.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya kalau langkah yang berani ini dapat di-amalkan atau sa-kurang²-nya, saya minta saperti yang saya katakan tadi, di-tubuhkan satu surohan-jaya pada langkah yang pertama, mengkaji asas² ini, sama ada mungkin di-laksanakan atau tidak dengan di-dudoki dalam jawatan-kuasa itu oleh pakar² yang sentiasa memerhatikan kedudukan perjalanan dan perkembangan ekonomi negeri ini, maka saya perchaya bahawa negara kita akan

dapat menghadapi suatu zaman chua-cha yang terang bagi kedudukan perimbangan ekonomi antara penduduk negeri ini.

Sudah banyak Ahli² Dewan ini berchakap dan sudah-lah di-bahathkan bahawa pertentangan kedudukan antara yang “berada” dengan “tidak berada” itu akan memberi satu gambaran yang burok kepada nasib negara kita pada masa akan datang. Ini tidak payah saya ulangi lagi dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana sama² kita ma’alum bahawa sa-lagi yang “berada” dengan “tidak berada” itu maseh jauh jarak-nya, maka sa-lama itu-lah negara kita tidak akan dapat menghadapi zaman gemilang walau pun Malaysia termasuk negara yang nombor dua kaya-nya atau pun ma’amor-nya di-sabelah Asia ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentoh sedikit tentang soal yang mesti di-selesaikan satu demi satu yang di-sebutkan tadi, ia-itu apa-kah pembangunan yang dilakukan oleh negara kita ini dapat disesuaikan dengan kehendak² ekonomi negara, sa-kurang²-nya untuk 10 tahun yang akan datang, dan apa-kah sudah di-fikirkan dan di-ranchangkan tentang nasib pembangunan negara sekarang dengan hubungan perkembangan ekonomi dan kemajuan atau kemundoran kewangan, yang saya maksudkan dengan soal kewangan ini ia-lah dari segi nilai kewangan. Saya memerhatikan, Tuan Yang di-Pertua, gejala² yang tidak baik yang mula’ menjalar dalam masyarakat kita sekarang ini. Kita dapat memerhatikan bahawa bayang² hantu devaluesi atau bayang² hantu devaluation sudah mula’ menjalar, mungkin perkara ini untuk sementara waktu, mungkin perkara itu ia-lah terlibat daripada kenaikan chukai² dalam negeri ini yang mana saudagar² mengambil kesempatan menaikkan harga barang², yang sama sa-kali tidak menyentoh dengan kenaikan chukai itu.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kesemua-nya ini mungkin, tetapi mungkin juga kita akan menghadapi zaman ini kalau Kerajaan tidak menghadapi kemungkinan itu. Semua-nya mungkin.

Tetapi, apa-kah langkah Kerajaan bagi menghadapi kemungkinan itu. Tuntutan kenaikan gaji dari sa-genap jurusan datang, kerana tuntutan kehidupan dari sa-genap jurusan yang timbul harga barang meningkat naik, dan dengan demikian, sa-chara tidak langsung, kedudukan matawang kita dalam negeri ini merosot ka-bawah sedikit demi sedikit. Kalau hal yang demikian ini di-benarkan berlalu dengan bebas dengan lenggang² kangkong sahaja, 10 tahun akan datang penyakit devaluesi bagi kewangan negeri kita ini akan bermaharajalela. Betul nilai matawang kita dengan luar negeri maseh tetap terjamin dan ini tidak-lah perkara yang bagitu ganjil.

Tuan Yang di-Pertua, Indonesia yang sedang konferantasi dengan kita ini dari sudut nilai pertukaran biasa atau pertukaran rasmi matawang-nya dengan matawang Amerika atau matawang Malaysia kita tidak bagitu jauh dan tidak bagitu besar lebeh kurang barangkali \$1.00 wang kita, 15 rupiah nilai rasmi, tetapi nilai “black market” atau nilai “pasar gelap”, yang sa-benar²-nya nilai yang hakiki beribu² rupiah jika di-bandingkan dengan satu dolar Amerika.

Tentu-lah kita katakan bahawa negara kita tidak akan meleset bagitu jauh dan saya pun yakin tidak akan sampai kepada peringkat itu, akan tetapi jika ini semua-nya—soal² gejala yang tidak sehat ini tidak di-atasi, saya perchaya sa-kurang²-nya kita akan menghadapi kelohan yang besar—akan mengeloh-lah kita melihatkan bagaimana dengan sa-chara laju melonchor ka-bawah nilai² mata wang kita menghadapi devaluation kewangan kita sendiri pada zaman depan. Jadi ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, perkara² di-samping kita memikirkan Budget atau Estimates untuk pembangunan negara kita di-zaman hadapan, di-samping memikirkan Estimates Pembangunan tahun 1965 dan di-samping memikirkan Estimates Pembangunan untuk Ranchangan Malaysia Yang Pertama tahun 1966 hingga 1970, maka kesemua-nya itu mesti di-kaitkan satu persatu-nya dengan kehendak² pengawalan daripada kejatohan perkembangan ekonomi negara kita.

Sa-lama ini negara kita bergantung kepada getah dan sa-lama negeri kita bergantung kepada timah dan sadikit sa-banyak pergantungan kita kepada hasil² yang lain, dan kita tahu bahawa penyakit timah tidak sa-lama²-nya dia merupakan timah bila semua sudah di-keluarkan akan tinggal pasir, dan penyakit getah pun kita sudah tahu sekarang ini bagaimana kita menghadapi getah² tiruan walau pun kita dapat menjamin dalam sa-peringkat ini—sa-peringkat umur getah yang baharu di-tanam ini maseh dapat di-pertahankan lagi kehendak² ekonomi di-sudut getah, akan tetapi soal ini semua-nya akan memberikan satu gambaran baharu kepada kita bahawa nasib negara kita pada zaman hadapan tidak boleh lagi semua sa-kali di-gantungkan kepada kedudukan getah dan bijeh—ini semua kita sudah tahu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di-samping mengalu²kan peruntukan pembangunan yang di-kemukakan oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar ini, maka ini-lah perkara² yang saya kemukakan sa-kurang²-nya dapat menjadi bahan berfikir bersama untuk menghadapi zaman hadapan negara kita pada masa akan datang.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengalu²kan ucapan yang di-buat oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar atas chadangan²-nya bagi tahun 1965. Anggaran Pembangunan yang di-bentangkan itu ia-lah satu anggaran bagi menyudahkan ranchangan² lima tahun yang telah di-ranchangkan pada tahun 1960 dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pehak kawasan saya berasa shukor dan terima kaseh atas segala ranchangan yang telah di-buat boleh di-katakan 80 peratus daripada ranchangan² yang telah di-hadapkan kepada pembangunan luar bandar ini telah di-jalankan dengan baik. Jadi yang tinggal 25 peratus lagi, Tuan Yang di-Pertua, dengan segala perbelanjaan yang di-hadapkan pada tahun hadapan, saya perchaya bagi kawasan saya dapat di-ranchangkan dan di-jalankan 100 peratus sa-bagai-

mana kehendak yang telah di-jalankan—yang di-kehendaki oleh ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ranchangan ini—Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ada-lah satu ranchangan yang betul² baik dan di-kehendaki oleh ra'ayat. Jadi segala pengalaman yang telah lampau—ranchangan lima tahun ka-hadapan besok—maka bantuan² itu dapat-lah menepati atau mengawas segala ranchangan² yang telah kita hadapi. Saya suka hendak memberi sadikit pandangan ia-itu dalam meranchangkan berkenaan dengan hal perindustrian di-negara kita di-mana Yang Berhormat telah menitek beratkan, saya memandang patut-lah ia-itu industry²—perusahaan²—di-sebarkan di-seluruh tanah ayer kita, tidak-lah sa-bagaimana yang telah kita buat ia-itu kita menumpukan ka-kota besar ini sahaja atau kota² kechil, tetapi saya maksudkan biar-lah di-sebarkan ka-seluruh tanah ayer supaya bukan sahaja kita dapat feadah daripada industry² tetapi juga dapat faedah di-sekeliling negara² luar bandar menikmati segala ranchangan² ini di-buat di-negeri² di-luar bandar terutama perburohan, yang kedua daripada barang² mentah yang dapat di-salorkan melalui industry² ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya juga memberi pandangan. Kita telah melancharkan ranchangan² menghasilkan barang makanan di-tanah ayer kita ini pada masa yang telah lampau ia-lah chara—kaedah²—di-tempat itu sahaja, kalau kaedah di-tempat itu besar macham negeri Kedah dan Perlis, kita tumpukan-lah atau di-tempat² saya, tidak dapat di-buat besaran² yang di-tumpukan kepada chara² yang telah di-buat pada masa penjajah dahulu.

Tetapi rasa saya patut dapat kita fikirkan bagaimana kita menggunakan ia-itu macham di-negeri saya, sungai² yang besar yang boleh di-gunakan untuk meninggikan atau melebehkan lagi—mengadakan barang² makanan seperti padi. Umpama-nya macham mana saya telah lihat negara² yang maju, mereka menggunakan ayer sungai yang besar ini untuk faedah atau mengalirkan ayer² ka-tempat² yang patut dapat di-alirkan dan

dengan chara itu pak² tani kita dapat menumpukan lebeh giat lagi dalam perusahaan berkenaan dengan hal menanam padi dan sa-bagai-nya.

Umpama-nya, di-negeri saya, Tuan Yang di-Pertua, ada sungai² yang boleh di-gunakan saperti sungai di-Ulu Pahang—Sungai Tembeling—di-mana kalau satu chara irrigation di-adakan, seluroh tanah daripada Tembeling sampai Kuantan, Kemaman boleh di-gunakan untuk berchuchok tanam, sebab ini saya telah lihat negara² yang besar menggunakan chara² modan dapat di-gunakan ayer² ini.

Dan lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, yang menarek hati saya sangat ia-lah chadangan Menteri Pembangunan Luar Bandar ia-itu bank ra'ayat untok pak² tani kita di-luar bandar. Ini saya alu²kan, Tuan Yang di-Pertua, kerana ia-lah di-idami oleh ra'ayat. Sebab pada masa yang lampau, perkara² sangat besar untok memajukan segala chara untok meninggikan lagi taraf² pertanian ini, maka modal wang-lah yang besar sa-kali, Tuan Yang di-Pertua. Maka dengan ada-nya ranchangan bank ra'ayat ini dapat-lah pak² tani ini menggunakan chara² ia-itu short term policy dia atau long term policy dia terhadap segala pembangunan luar bandar kita. Jadi, ini-lah saya sa-kali lagi menguchapkan terima kaseh atas ranchangan Kerajaan ini dan pengakuan juga telah di-buat oleh Menteri Kewangan kita jika bersungguh² ra'ayat di-luar bandar berkehendakkan bantuan wang maka beliau—Kerajaan—tidak ragu² memberi bantuan ini, mengikut ucapan beliau pada beberapa hari dahulu di-dalam Dewan ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menumpukan lagi ia-itu bagaimana-kah kita hendak membaiki keadaan² tanah yang di-mileki oleh orang² di-luar bandar pada masa ini ia-itu tanah² yang tidak dapat di-majukan sa-lain ranchangan tanah F.L.D.A., sa-lain daripada tanah pinggir dan juga tanah berkumpul—ada lagi banyak tanah² yang di-mileki oleh pak² tani atau orang² kampung yang tidak dapat di-majukan. Jadi, saya harap dapat di-fikirkan bagaimana-kah kita hendak menjayakan tanah² mereka

ini yang pada masa ini saya tengok ia-lah chuma tiap² tahun orang² ini membayar hasil tetapi tanah ini maseh lagi hutan. Satu sebab yang pertama ia-lah, yang saya katakan tadi, modal. Tetapi kalau dapat di-ranchangkan ia-itu dalam siasat daripada Pejabat Pertanian bagaimana-kah tanah² itu boleh kita adakan perusahaan² yang boleh memberi faedah yang besar. Pada masa yang lampau, Tuan Yang di-Pertua, kampung² itu di-tanam sa-pokok ini satu pokok, sa-pokok lagi satu pokok yang tidak memberi faedah, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau dapat Pejabat Pertanian ini menyiasat keseluruhan di-daerah. Itu saya tahu, di-tempat saya, Tuan Yang di-Pertua, banyak kumpulan² tanah yang sa-macham ini dan dapat di-siasat bagaimana-kah dapat tuan punya tanah itu menggunakan tanah itu dan mendapat faedah yang besar, sa-lain daripada ranchangan² Kerajaan yang telah kita adakan dan di-jalankan.

Jadi, sa-kali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu²kan ia-itu Ranchangan Lima Tahun yang penyudah ini dan saya membentangkan hasil² yang telah jaya di-daerah saya, saya tidak hendak membentangkan satu persatu bagaimana jalan raya dan sa-bagai-nya, yang memberi faedah besar, sebab pada masa lampau saya telah beruchap dalam hal ini. Lagi sa-kali saya mengalu²kan dan mudah²an segala ranchangan yang di-bentangkan ini akan lebeh maju dan memberi faedah kepada ra'ayat. Sekian, terima kaseh.

Dato' Nik Ahmad Kamil (Kota Bharu Hilir):

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri ini ia-lah hendak mengalu²kan usul yang telah di-bawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sa-bagai Menteri yang bertanggung jawab berkenaan dengan Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Ada pun usul yang di-bawa ini ia-lah meliputi belanjawan yang di-kehendaki bagi menamatkan Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua yang akan tamat pada tahun hadapan. Daripada perhatian saya yang sengkat, saya berasa gembira melihat bahawa, boleh di-katakan, sa-bahagian yang

besar dari niat² dan tujuan Kerajaan pada masa memulakan Rancangan Lima Tahun yang Kedua itu sudah-lah di-laksanakan dengan puas hati, tetapi ada banyak lagi yang ketinggalan. Walau pun begitu, dengan chadangan Kerajaan mengadakan lagi Rancangan Pembangunan bagi tahun 1966 ka-atas, meliputi Malaysia, saya berharap apa yang ketinggalan lagi itu akan di-sambongkan.

Pada hari Yang Amat Berhormat mengemukakan usul-nya itu, jikalau tidak salah ingatan saya, dia kata, dia tidak suka-lah melibatkan diri-nya dengan berbath pada segi beberapa ism—Kominism baik, socialism baik atau pun conservatism baik. Keterangan ini ia-lah kerana sebab dia perchaya yang pembangunan atau kemajuan yang kita hendak dirikan bagi negara kita ini tidak boleh di-sandarkan kapada mana² satu ism yang di-ma'alumkan itu, bagaimana kata-nya, pembangunan luar bandar kita itu tidak-lah berdasarkan socialism. Tetapi oleh sebab kita hendak membukakan usaha² saperti kilang, pada fahaman saya, di-sandarkan kapada free enterprise. Jadi perasaan saya, sa-bagai satu negara yang baharu munchol sa-buah negara yang merdeka, berdaulat, berumur hampir² baharu 10 tahun, saya chukup menyertai apa² chadangan Kerajaan yang kita tidak sandarkan kemajuan kita kapada mana² ism, tetapi saya akan chukup menyokong, jikalau kita bersandar kapada kemahuan dan kehendak kita sendiri, kalau di-benarkan saya menggunakan satu perkataan, kita sandarkan perdirian atau pun pembangunan negara kita ini kapada Malaysiaism. Itu dia kehendak kita, tidak payah kita menirukan ism daripada mana² negara lain.

Sekarang saya perhatikan, kita berselari mendirikan pembangunan, sama ada di-luar bandar meliputi hamba ra'ayat yang miskin² dan juga mengadakan beberapa perusahaan di-dalam bandar². Negara Tanah Melayu dahulu mashhor di-katakan mengasaskan perdirian ekonomi-nya kapada pertanian—Agricultural Economy. Hanya semenjak 10 tahun yang lepas, semenjak kita merdeka, baharu-lah kita

menggalakkan pembukaan beberapa perusahaan, satu sebab daripada-nya ia-lah kerana hendak menjimatkan wang ringgit kita daripada membawa barang² daripada luar negeri. Yang kedua-nya ia-lah kerana hendak mengadakan pekerjaan² bagi pemuda² kita yang makin sa-hari sa-makin bertambah. Gerakan ini sangat terpuji. Tetapi saya hendak mengeshorkan, bagi timbangan Kerajaan, jangan-lah sa-lari, bagaimana kata orang—rail keretapi, di-sabelah satu, di-sini satu. Tetapi saya berharap akan sampai masa-nya bahawa perekonomian kita pada bab rural dan urban, pada bab pertanian dan bab industrialisation satu hari akan bertemu supaya faedah daripada satu boleh di-gunakan bagi yang lain itu dan sa-balek-nya. Jikalau sa-kira-nya kita hendak mendirikan ekonomi hamba ra'ayat kita di-kampung² sa-mata² berdasarkan kapada pertanian sahaja, sa-lama itu-lah ra'ayat² kita di-kampung akan ketinggalan ka-belakang. Oleh sebab itu bagi pehak diri saya sendiri mengalu²kan niat dan chita² baik Kerajaan hendak mendirikan apa yang di-katakan Federal Industrial Development Authority dan juga memberi rupa dan nyawa atau jiwa baharu kapada RIDA. Sebab walau pun RIDA, semenjak telah di-dirikan beberapa tahun dahulu, telah bersunggo² melaksanakan apa² tugas-nya tetapi banyak-lah kekurangan-nya bagaimana yang telah di-cheritakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat, dan pehak Kerajaan sendiri pun, saya perchaya, tidak-lah chukup puas hati dengan perjalanan RIDA. Oleh itu saya berharap dengan keadaan rupa baharu yang akan di-beri oleh Kerajaan kapada RIDA, maka RIDA itu akan lebeh² lagi menjadi satu badan yang akan membawa faedah kapada hamba ra'ayat kita di-kampung².

Sa-sabuah negara, Tuan Yang di-Pertua, bergantung kekayaan-nya kapada apa yang di-namakan ekonomi ia-itu ia-lah asal-nya daripada bumi, daripada bumi-lah terdiri kekayaan, sama ada kekayaan yang akan di-dapati dari bawah bumi atau dalam bumi atau kekayaan yang boleh di-dirikan di-atas muka bumi. Maka

shukor-lah kita di-negara Malaysia kita ini sudah kita menekmati daripada apa² yang di-kurniai Allah di-dalam bumi dan di-muka bumi. Tetapi walau pun begitu sa-belum ra'ayat sa-sabuah negara itu boleh mengambil faedah dengan sa-penoh-nya daripada apa nekmata yang telah di-kurniai Tuhan kapada kita, maka kena-lah kita ber-ikhtiar mendirikan ra'ayat itu supaya mereka itu penoh dengan kesihatan dan mempunyai akal fikiran yang baik supaya boleh bekerjasama mendirikan negara kita ini sa-bagai sa-buah negara yang paling baik sa-kali di-Tenggara Asia ini dan di-sini-lah saya berharap pehak Kerajaan dan, memang saya telah ketahuī, pehak Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah² yang chukup, tetapi saya minta pehak Kementerian Kesihatan mengambil langkah yang lebeh² lagi pada ka-wasan² di-kampong² terutama sa-kali di-kawasan di-hulu², di-lembah² sungai, bukan sahaja di-tempat saya di-Pantai Timor tetapi di-negeri² lain juga. Jikalau kita perhatikan daripada Penyata² yang di-buat oleh Registrar General Beranak dan Mati, maka dari sa-tahun ka-sa-tahun penduduk² kita di-negara ini telah bertambah. Ini menunjukkan telah terbukti banyak daripada langkah² yang telah di-buat oleh pehak Kementerian Kesihatan seperti mengadakan kelinik² di-kampong² dan mengadakan bidan² yang berpengalaman. Jadi keadaan kematian anak² yang baharu beranak itu sudah menjadi kurang dan penduduk² kita tidak kurang daripada 200,000 lebeh sa-tahun bertambah. Tetapi ada juga di-kawasan² kechil dan jauh² daripada bandar yang berkehendakkan lagi pertolongan yang lebeh² daripada Kementerian Kesihatan seperti kelinik² dan bidan². Sebab ma'alum-lah mereka itu dudok jauh, jalan pun tidak ada. Jikalau bergerak barangkali harus bergantung kapada sungai dengan perahu sahaja.

Berkenaan dengan pertanian, memang kita ketahuī Kerajaan telah mengambil beberapa langkah, terutama sa-kali menggalakkan tanaman padi dua kali sa-tahun dan daripada rekod² yang kita dengar telah berpuluh² ribu ekar telah dapat kita mengetam padi dua

kali sa-tahun dan ranchangan itu akan di-tambah lagi. Dan juga saya ada bacha dalam surat khabar kelmarin mengatakan Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama mengatakan ada satu padi rahsia yang akan di-kemukakan pada awal tahun hadapan. Ini semua perkara yang kita puji, tetapi ada banyak lagi yang boleh Kementerian itu memberi pertolongan dengan chara² ajaran dan juga pertolongan bagaimana chara mereka itu boleh mendapatkan lebeh² lagi hasil daripada usaha mereka, seperti menolng lagi di-mana² tempat yang ta' di-beri pertolongan berkenaan dengan, mithal-nya, sa-bagaimana yang saya sebutkan dahulu pertolongan baja², dan juga hendak-lah kita perluaskan lagi apa yang di-katakan Agricultural Extension Scheme supaya boleh kita mengajar petani² kita atas chara² pertanian yang chukup modern.

Berkenaan dengan chadangan F.L.D.A. bagi membuka tanah² di-negeri² di-sabelah pantai barat, saya perchaya oleh sebab sekarang ini telah ada kerjasama di-antara Kerajaan Negeri saya sendiri dengan Kerajaan Pusat, maka saya berharap akan di-dapati satu kesimpulan, atau persetujuan berkenaan dengan F.L.D.A. bagi membuka tanah di-sabelah negeri pantai timor—negeri saya. Dan juga chadangan Kerajaan hendak mendirikan sa-batang jalan raya yang baharu yang di-katakan Timor-Barat yang akan melalui sa-belah selatan negeri saya itu, saya perchaya akan membuka lagi negara yang boleh di-katakan miskin, tetapi yang saya ta' faham, apa-kah niat, atau pun ingatan Kerajaan Pusat berkenaan dengan pembukaan jalan ini, oleh sebab saya ada dengar khabar mengatakan jalan ini, sa-bagaimana plan, atau susunan yang di-atorkan dahulu akan melintasi satu bahagian kawasan yang besar yang sekarang ini telah di-serahkan kuasanya kapada sa-buah company. Saya harap, dan ra'ayat Kelantan suka mendengar daripada Kerajaan Pusat, apa-kah chadangan Kerajaan Pusat untuk mendirikan jalan ini.

Sa-bagai satu pertanyaan yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, baharu² ini Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri

dengan rombongan²-nya telah mengadakan lawatan yang chukup berjaya ka-negara² Amerika dan Canada dan semenjak kembali-nya Yang Teramat Mulia itu, saya sendiri faham ada juga mission, atau surohanjaya² yang telah datang melawat ka-Ibu Kota kita, daripada Canada dan daripada Amerika Sharikat, telah berunding dengan pegawai² kita akan beberapa masaalah tentang apa-kah pertolongan, atau sokongan yang kedua² negara itu boleh memberi kepada negara kita. Memang saya sendiri ketahui ia-itu telah menjadi satu dasar Kerajaan kita tidak kita akan meminta sedekah daripada mana² negara pun. Dasar kita ia-lah kita hendak memperluaskan lagi perniagaan dan kita tidak berkehendakkan pertolongan perchuma, ia-itu dengan ringkas-nya di-katakan dalam bahasa Inggeris: Trade, not Aid. Jadi, pada fahaman saya, rombongan² yang datang daripada Canada dan Amerika ini ialah perundingan-nya berkenaan dengan perkara² masaalah pertahanan dan lain²-nya, seperti melateh orang² kita, membeli barang² alat perkakas² supaya boleh mengokohkan lagi chara pertahanan kita, tetapi dukachita semenjak mereka itu sampai ka-mari sehingga masa ini, belum lagi ra'ayat negara ini mendapat tahu apa-kah keputusan, atau hasil yang telah di-chapai daripada rundingan² itu.

Saya fikir ini telah sampai masa-nya bagi pehak Kerajaan kita menerangkan kepada ra'ayat negara ini, apa-kah chadangan, atau pertolongan yang kita akan boleh dapat daripada sana, sama ada dari Kerajaan Amerika Sharikat, atau pun Kerajaan Canada.

Berkenaan dengan pertolongan dan bantuan daripada Australia dan New Zealand, kita memang ketahui—itu ta' payah kita soalkan. Mereka telah keluaran dengan terus terang apa-kah chara² pertolongan yang mereka akan hulorkan kepada negara kita ini.

Sa-kadar itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan sa-kali lagi saya menyokong dengan 'am-nya akan usul yang telah di-bawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu.

Enche' Mohamed Zahir bin Haji Ismail (Sungei Patani): Yang Berhor-

mat Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak berchakap sedikit sahaja, ia-itu bersangkut-paut dengan RIDA yang telah di-sebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang akan di-beri satu semangat baharu, perubahan baharu dan barangkali dengan nama baharu. Jadi, dengan ada-nya perubahan di-dalam RIDA ini, kita berharap pada masa hadapan, RIDA boleh menjalankan kerja² sebagaimana yang kita kehendaki, ia-itu hendak meninggikan taraf hidup orang² di-dalam kampong² supaya sa-imbang dengan orang² yang dudok di-dalam bandar.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, perkara yang pada fikiran saya patut RIDA, di-dalam perubahan yang baharu ini, menumpukan perhatiannya, ia-lah hendak memberi pelajaran² di-dalam hal ehwal perniagaan, dengan kerana, pada fikiran saya, pelajaran atau pun kepandaian di-dalam perniagaan, lebeh baik dan lebeh di-utamakan daripada wang modal dan pada fikiran saya kepandaian di-dalam perniagaan, kebolehan di-dalam perniagaan, ada-lah satu modal yang penting sa-kali di-dalam perniagaan untuk hendak mencapai kejayaan di-dalam perniagaan² yang di-jalankan itu. Jadi, jikalau sa-kira-nya di-dalam RIDA yang akan di-susun ini, kita tumpukan lebeh perhatian kepada pelajaran² yang bersangkut-paut dengan perniagaan, saya rasa harapan ada lebeh untuk RIDA itu akan berjaya, umpama-nya, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, RIDA—Dewan Latehan RIDA sedang di-uruskan oleh RIDA pada masa sekarang ini di-Petaling Jaya, dan pada pengetahuan saya Dewan Latehan ini telah pun berjaya mengeluarkan penuntut² yang mempunyai kebolehan² yang menjalankan perniagaan dengan senang dan kita—orang² ramai mempunyai harapan kepada mereka itu. Jadi, jikalau sa-kira-nya RIDA boleh memperluaskan kerja², atau pun meluaskan, memberi pelajaran kepada pegawai², kepada orang² di-luar bandar dengan mengadakan latehan² yang sa-umpama ini tentu lebeh lagi.

Umpama-nya, Tuan Yang di-Pertua, kita mengadakan Dewan Latehan ini

pada tiap² buah negeri dan tiap² buah pekan yang besar di-seluruh Malaysia ini, dan jika sa-kira-nya pada tiap² tahun kita boleh mengeluarkan sa-banyak, kata-lah, 5,000-6,000 penuntut² yang lulus, umpama-nya, Certified Accountant, Cost Accounting, yang mengetahui book-keeping, import dan export, business letter-writing, banking facilities dan lain², jadi, saya rasa kita ada harapan yang lebeh dan orang kampung dapat berjaya di-dalam perniagaan, tetapi sa-balek-nya, Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang ini orang² yang mahir dalam perkara² ini sangat-lah kurang. Jadi, kalau sa-kira-nya kita boleh membuat kerja² yang saya sebutkan tadi saya mempunyai kepercayaan penoh ia-itu kita boleh berjaya dalam lapangan iktisad. Dewan Latehan RIDA pada masa sekarang ini hanya mempunyai 181 penuntut sahaja, jadi pada fikiran saya tidak-lah menchukupi. Saya harap supaya Kerajaan, dalam menyusun samula RIDA ini, membanyakkan bilangan penuntut² itu supaya lebeh banyak lagi penuntut² yang belajar dan lulus dalam hal ehwal perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, sa-perkara lagi yang saya hendak sebutkan berkenaan dengan ucapan wakil dari Batu yang mengatakan Padi Cultivators Control of Rent, Security of Tenure Ordinance, 1955, belum lagi di-laksanakan. Saya berasa dia itu silap, Tuan Yang di-Pertua, dengan kerana negeri Kedah telah pun di-laksanakan undang² ini dengan chukup elok-nya, dan undang² ini di-laksanakan semenjak tahun 1956 lagi di-negeri Kedah, jadi, chakapan yang di-sebut dalam Dewan ini ada-lah silap dengan kerana pada fikiran saya dia tidak membuat penyiasatan yang chukup. Tuan Yang di-Pertua, hanya dalam undang² ini sa-bagai undang² baharu ada kekurangan²-nya. Jadi, saya harap supaya Menteri yang berkenaan membaiki Padi Cultivators Control of Rent, Security of Tenure Ordinance, 1955, ini. Umpama-nya, mengadakan satu badan yang melaksanakan kerja². Umpama-nya, kalau sa-kira-nya tuan tanah itu tidak menjalankan kerja² atau pun tidak menjalankan hukuman² yang di-keluarkan oleh lembaga padi atau pun padi committee di-tempat itu,

maka dia hendak-lah di-hukum. Pada masa sekarang ini tidak ada pejabat yang hendak menjalankan kuat-kuasa itu. Polis kata itu bukan kerja dia, Pejabat Tanah kata itu bukan kerja dia. Jadi, pada masa sekarang ini pelaksanaan hendak membawa sa-saorang yang melanggar undang² ini tidak ada siapa yang hendak menjalankan-nya walau pun mana² pejabat pun. Jadi, hendak-lah kita menetap dan menentukan hal ini.

Yang kedua, berkenaan dengan masa perjanjian itu yang di-kehendaki di-adakan di-antara tuan tanah dengan orang menyewa. Pada masa sekarang ini hanya di-adakan perjanjian itu selama satu tahun sahaja. Sunggoh pun orang yang menyewa tanah itu hendak membaharu² bagi tahun hadapan, ada mempunyai hak, tetapi kalau sa-kira-nya di-adakan satu tahun sa-kali, ini sangat-lah menyusahkan bagi pehak orang menyewa, tuan tanah dan Pejabat Tanah yang menyimpan semua rekod perjanjian sewa itu.

Sa-perkara lagi nampak-nya kekurangan di-atas undang² ini tentang hukuman² yang di-keluarkan oleh committee atau pun Padi Tribunal. Umpama-nya, kalau sa-kira-nya tuan tanah itu telah masok ka-dalam tanah dengan kekerasan, kemudian di-hukum supaya tuan tanah itu serahkan balek tanah itu kepada penyewa tanah itu, kemudian tidak ada siapa yang hendak pergi suroh dia keluar. Dalam undang² ini tidak ada sebut, tidak ada court bailiff, kerana committee itu ia-lah di-laksanakan di-dalam pejabat². Jadi committee itu selalu-nya di-lantek sa-orang Pegawai Daerah atau Penolong Pegawai Daerah dan dua orang lagi daripada orang pereman; itu-lah pejabat-nya. Jadi, tidak ada macham court bailiff atau mata², saman umpama-nya, pergi minta tuan tanah itu keluar atau pun jikalau sa-kira-nya tuan tanah itu tidak mahu keluar, memaksa dia keluar. Jadi, tidak ada peruntukan di-dalam undang² ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu-lah yang saya minta supaya Kerajaan memerhatikan keadaan undang² ini dengan kerana ada negeri² yang tidak menjalankan kuat-kuasa undang² itu.

Sa-tahu saya negeri Kelantan belum menjalankan kuat-kuasa undang² ini, tetapi negeri Perlis telah pun menjalankan kuat-kuasa undang² ini.

Yang akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan fragmentation of estates. Oleh sebab kawasan saya kawasan kebun getah, saya berasa fragmentation of estates ini ada-lah menjadi satu kerugian yang besar kepada orang² yang bekerja dalam estate itu. Akan tetapi, kalau sa-kira-nya kita hendak mengeluarkan undang² mengatakan tidak boleh tanah itu di-kecil²kan, itu pun tidak kena juga. Jadi, kalau sa-kira-nya, Tuan Yang di-Pertua, kita mengadakan satu peratoran ia-itu kebun² yang besar² itu hanya boleh di-jual kepada Co., Ltd sahaja. Jadi, boleh-lah si-pembeli itu menjalankan kerja² perniagaan di-atas estate itu mengikut estate juga. ia-itu mempunyai labour line, E.P.F., hospital dan lain², atau pun boleh kita menghadkan ia-itu tuan estate itu menjual kebun² mereka kepada sharikat bekerjasama sahaja. Jadi, kita boleh meneruskan kerja² sa-bagai satu estate yang mempunyai segala amenities yang boleh di-beri kepada orang² yang bekerja di-dalam estate itu. Sa-kian-lah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Redza bin Haji Mohd. Said (Rembau-Tampin): Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga di-sini bangun mengalu²kan peruntukan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Sungguh pun peruntukan ini, saya rasa, tentu-lah tidak menchukupi, tetapi memadai-lah bagi mengisi sa-tengah² kehendak ra'ayat di-luar bandar. Saya hendak berchakap di-sini berkenaan dengan pembenaan hospital di-Negri Sembilan. Saya memang berasa bangga yang pembenaan itu telah di-mulakan pada tahun ini, tetapi saya merayu kepada Kementerian ini supaya pembenaan itu di-samakan dengan kelinik² memeriksa orang sakit. Sekarang ini pemeriksa orang sakit ada-lah di-bandar, tetapi hospital-nya jauh lebih kurang 1½ batu daripada tempat memeriksa orang sakit. Dengan chara itu saya tengok bermacam² kesusahan yang di-tanggung oleh ra'ayat yang

sakit. Bagitu juga kaki²-tangan di-hospital itu, maka sentiasa-lah di-kelinik itu ada sedia dua tiga ambulan bagi mengangkat orang sakit. Itu-lah saya merayu kepada Kementerian ini supaya di-satukan tempat kelinik memeriksa orang sakit itu dengan hospital besar yang akan di-bena itu.

Satu perkara lagi saya hendak berchakap berkenaan dengan Pembangunan Luar Bandar, di-mana di-negeri saya banyak scheme²—satu daripada-nya Group Settlement Scheme yang di-jalankan oleh pentadbiran negeri. Saya bagitu juga merayu kepada Kementerian ini supaya mengambil aleh settlement yang kecil² yang diperintah oleh Negeri ini supaya di-jalankan oleh F.L.D.A.—scheme yang macham mana berjalan sekarang. Saya nampak banyak-lah bagi mudzarat dan banyak-lah tidak menepati kehendak² ra'ayat. Jadi sa-kira-nya Pembangunan Luar Bandar ini di-jalankan dengan satu pentadbiran daripada Kerajaan Pusat tentu-lah ada lebih kebajikan-nya lagi.

Satu perkara lagi berkenaan dengan Guru Dewasa; ini sedikit saya minta izin Tuan Yang di-Pertua, minta tadbirkan dengan satu pentadbiran macham mana yang di-jalankan oleh Guru Dewasa Ugama. Sa-kira-nya dapat di-satukan pentadbiran ini—Guru Dewasa Ugama dan Guru Dewasa yang biasa itu di-satukan pentadbiran-nya—maka penyelia² itu boleh di-satukan atau pun di-naikkan sa-kali elaun² Pengelola Ugama itu walau pun benda ini di-jalankan oleh pentadbiran Negeri, tetapi nampak oleh saya sa-makin lama sa-makin tidak berjaya dan akhir-nya boleh jadi tertutup sendiri, Tuan Yang di-Pertua.

Pada akhir-nya sa-kali, saya menyentoh sedikit berkenaan dengan Menteri Pengangkutan. Di-kawasan saya, banyak taxi² yang tidak menepati janji, pada hal memang-lah kita ketahu² taxi² yang di-hadiahkan—di-bagikan kepada orang² yang punya lesen itu di-kehendaki dudok di-kawasan itu bagi menyenangkan orang di-kawasan itu, tetapi nampak-nya taxi² itu maseh ada berumah tangga di-Kuala Lumpur ini.

Saya berharap-lah dan merayu kepada Kementerian ini supaya yang pertama di-ambil—di-rampas balek lesen taxi itu atau pun di-bagi amaran yang keras supaya dapat-lah orang² di-kampong menikmati menggunakan taxi² yang di-untokkan bagi kampong itu.

Pada akhir sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kementerian Lombong atau Kementerian Tanah supaya membekukan segala tanah² yang akan di-keluarkan bagi perusahaan² kayu atau bagi pembalak². Nampak-nya sa-kira-nya tidak ada di-jalankan satu usaha yang tegas supaya tanah² yang di-keluarkan, sama ada dengan jalan tender atau pun dengan jalan peruntukan di-tiap² negeri, maka tentu-lah tidak dapat orang² berniaga kechil atau pun pembalak² yang baharu chuba hendak berniaga, tidak dapat dia menjalankan usaha-nya kerana telah di-sekat, di-ampang oleh pembeli² yang besar. Ini saya merayu sunggoh² supaya di-matikan atau pun di-bekukan tanah² hutan. Sekian-lah, Tuan Yang di-Pertua.

Enche' Edmund Langgu anak Saga (Sarawak): Mr Speaker, Sir, in welcoming the Development Estimates for 1965, I would like to touch on rural development. First of all, I would like to draw the attention of the Honourable Minister of National and Rural Development to find out ways and means of helping the people living along the Sarawak border who cannot do their work normally because of being threatened by the Indonesian aggression and propaganda. Some of these people, Sir, are not able to tap their rubber or to plant padi near the border and, of course, this makes their living standard poorer. I feel that the people living along the Sarawak border should get suitable help in developing their lands, etc. Owing to their conspicuous groups, Sir, the Rubber Planting Scheme "B" that we have in Sarawak may not be suitable to these people because it needs a large number of holders, but other schemes may be suitable. So, I would like to appeal to the Ministry concerned to look at this matter seriously so that appropriate action may be taken.

Now I come to the Ministry of Information and Broadcasting. In view of the rapid and important changes of world situation, I feel that certain sections of Malaysia's people should be well informed by means of information or broadcasting. Now, if I am correct, we have only four languages in our Ibu Pejabat Penerangan dan Penyiaran in our Capital here. Sir, I understand that during the last Solidarity Week there were some important messages which were not broadcast or published in Dyak due to the fact that there was no Dyak service in the Information and Broadcasting Headquarters in Kuala Lumpur here. In addition to that, there are some news from the Capital which Dyak listeners and readers might be interested in but are not broadcast or published in Dyak at the moment. In this particular respect, Sir, I feel that the Honourable Minister of Information and Broadcasting should pay his kind attention to this matter so that some new posts for Dyak service may be created, both in the Information and Broadcasting Headquarters in Kuala Lumpur, for the benefit of about half a million Dyaks in Malaysia.

Now, I come to the Ministry of Health. By knowing that there are ten vacancies for doctors in the Medical Department in Sarawak, I would like to suggest that the Ministry concerned should employ some foreign doctors, on contract basis first, in order to meet the present requirements. In Sarawak, there are some Form V students who financially cannot continue their study up to University level where they can be trained as doctors. In this case, I feel that these students can be helped by the Government to further their study up to a qualified standard which will enable them to be trained as doctors. This is not merely my theory, Sir, but that is our practice, as one of our Primary Six pupils was sent abroad to further his studies for some years, and he is expected to be a doctor in a few more years. Sir, in this way the replacements of foreign doctors with local doctors in Sarawak can be met in ten more years or so. Thank you.

Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar (Sabak Bernam): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Tuan Yang di-Pertua dapat-lah saya bersama² menchampioni perbahathan berkenaan dengan Pembangunan Negara ini. Lebih dahulu, saya suka menyampaikan ucapan sa-tinggi² tahniah pada Menteri Pembangunan Negara yang telah menyediakan lebih daripada 8 ratus million ringgit bagi menyiapkan kerja kemajuan luar bandar lima tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat² tertarik hati dengan ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Pembangunan Negara berhubung dengan rancangan bagi mengadakan Rancangan Aneka Tanaman² ya'ani bukan-lah sahaja akan menanam getah dan membuka tanah dengan besaran² di-negeri Pahang yang akan di-tanam terutama sa-kali di-tanam dengan kelapa sawit. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini ada-lah sangat² menarek perhatian saya dan saya per-chaya akan di-beri sambutan yang baik daripada seluroh gulongan ra'ayat kerana tanaman kelapa sawit ini ada-lah satu tanaman yang lebih² lagi menguntungkan daripada tanaman getah yang sa-lama ini.

Tuan Yang di-Pertua, di-atas rancangan menanam kelapa sawit ini, suka-lah saya memberi perhatian kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara ini ya'ani di-negeri Selangor ini ada satu bidang tanah yang luas dan yang sangat sesuai untuk di-tanam dengan kelapa sawit mengikut report² yang telah di-buat oleh Pegawai Soil Scientist. Tanah itu ia-lah letaknya di-Sabak Bernam, Tuan Yang di-Pertua, yang mengandongi lebih kurang 20,000 ekar dan tanah itu telah di-pereksa dan di-dapati ada-lah sabagai satu tanah yang terbaik sa-kali di-dalam Tanah Melayu ini. Jadi oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sangat-lah kepada Kementerian ini akan dapat membuka tanah yang ada di-Sabak Bernam itu ia-itu di-Mukim Sungai Panjang.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam soal pembangunan ini saya suka menyampaikan ucapan terima kaseh saya

kapada Menteri Kebajikan 'Am yang mana beliau telah mengadakan satu undang² ya'ani bagi menghapuskan pelachoran di-dalam negeri ini dengan mengadakan Pusat² Pemulehan Akhlak. Tuan Yang di-Pertua, soal pelachoran ini telah menjadi di-mana² juga negeri, hanya kita dapat membezakan pekerjaan² yang sa-rupa ini, ada banyak atau pun sedikit. Tuan Yang di-Pertua, soal pelachoran ini telah menjadi satu penyakit pada masyarakat umat manusia di-mana² juga di-dalam negeri di-dalam dunia ini. Tuan Yang di-Pertua, hanya satu sahaja saya berharap kapada Kementerian ini, sa-sungguh-nya mengikut cherita² daripada orang² yang faham di-atas perbuatan² ini bahawa pelachoran ini bukan-lah hanya di-lakukan oleh pelachor² itu sahaja tetapi ada mengandongi majikan² yang tertentu dan juga, ibu² ayam atau pun jurulateh² pelachor ini yang menjalankan kerja² yang terkutok ini. Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berharap-lah kapada Kementerian ini apabila menyediakan undang² nanti, bukan sahaja akan dapat menangkap pelachor ini tetapi akan dapat membasmikan sama sa-kali kapada majikan² yang membuat pekerjaan ini dan juga kapada agent² yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, di-sini saya suka menarek perhatian Kementerian Buroh. Saya sangat² menguchapkan terima kaseh kapada Kementerian Buroh ini di-atas kerja² bagi mengatasi penganggoran di-dalam negeri ini. Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu saya suka-lah mengeshorkan saya harap kalau dapat, Kementerian Buroh ini mengadakan satu pendaftaran penganggoran ini dengan menggunakan pendaftaran berkereta. Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran penganggor² hanya di-adakan Pejabat di-dalam bandar² sahaja. Jadi bagi tiap² kawasan luar bandar, tiap² daerah, tidak ada Pejabat Pendaftaran Buroh ini bagi kesenangan penganggor² yang ingin hendak mendaftarkan diri atau pun untuk mencari kerja di-dalam Pejabat Buroh ini. Jadi saya berharap Kementerian ini akan dapat-lah kiranya mengadakan Pejabat² Pendaftaran berkereta, bergerak, daripada satu daerah ka-satu daerah.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-nya di-sini saya suka menyampaikan ucapan terima kaseh saya kepada Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama yang telah berjaya mengadakan dengan membuat satu benteng ia-itu di-kawasan Sungai Bernam, di-kawasan saya sana, yang daripada tahun 1965 ini menye-diakan belanja sa-banyak \$200,000 bagi menjayakan kawasan itu yang bakal dapat mengeluarkan tanah lebeh daripada 4,000 ekar. Tuan Yang di-Pertua, bagi perengkat yang pertama, ranchangan ini telah pun siap, tetapi malang-nya hanya separoh sahaja daripada kawasan ini yang telah siap di-sukat. Jadi oleh kerana itu, saya di-dalam Dewan yang mulia ini suka-lah merayu kepada Kementerian Tanah dan Galian yang mana saya dapat tahu banyak pegawai² sukat yang pada masa ini sudah tidak bekerja dapat-lah di-hantar di-dalam kawasan Sungai Bernam ia-itu dalam kawasan tiga sana untuk menyelesaikan tanah² ini supaya di-sukat dan dapat di-keluarkan dengan sa-berapa segera-nya.

Tuan Yang di-Pertua, di-sini saya suka masok kapada Head S. 126 ia-itu Belanja Pekan² Sari ada sa-banyak \$600,000 bagi tahun 1965 ini. Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara saya suka hendak sampaikan ia-itu satu kampung di-dalam kawasan saya yang sangat² maju, penduduk²-nya menge-luarkan hasil² dari kampung tetapi tidak lagi mempunyai Pekan Sari ia-itu Kampung Sungai Haji Derani. Saya harap sangat-lah kira-nya Kementerian ini akan dapat memberi keutamaan kapada kampung² ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu-lah sahaja ucapan yang dapat saya sampaikan di-dalam perbahathan ini dan saya sudahi dengan berbanyak² terima kaseh.

Enche' Khoo Peng Loong (Sarawak): Mr Chairman, Sir, from the Development Plan, I find that there is not enough assistance given to the padi planters in Sarawak. Taking the break-down earnings for each kind of industry, padi planters derive the lowest income with a higher population

working in it, and I quote from the Sarawak Development Plan, 1964-1968.

Industry	Number of persons engaged in industry	Net output \$'000	Net output per head \$
Rice	170,000	22,000	130
Other agriculture ..	70,000	164,000	2,300
Mining and quarrying ..	2,400	34,000	14,400
Manufacturing	10,000	33,000	3,200
Building and construction	4,600	10,500	2,300
Electricity and water supplies	530	3,900	7,300
Transport	5,000	21,500	4,300

In the padi industry, the earning per person is very low—\$130—and the 170,000 people engaged in it will be the natives living in the *ulu*². They need advice and assistance very badly from the Government in order to raise their standard of living. If the Government will not give them more grants, Sir, there is no chance for them to have a better standard of living in the future. I hope and urge the Honourable Minister to look into this matter with urgency. Thank you.

Enche' Harun bin Abdullah (Baling):

Tuan Yang di-Pertua, sa-telah kita mendengar ucapan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar serta pengakuan yang telah di-buat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya dapati ra'ayat seluruh-nya, terutama sa-kali orang Melayu, ada-lah menyambut baik di-atas segala ucapan dan ranchangan yang telah di-hamborkan oleh Yang Berhormat² itu di-dalam Dewan ini. Sa-benar-nya ranchangan yang telah di-uchapkan oleh Yang Amat Berhormat itu ia-lah satu ranchangan baharu dan chita² baharu di-dalam bidang kita hendak memajukan negara kita ini walau pun ranchangan Kemajuan Luar Bandar telah di-jalankan semenjak beberapa tahun yang lalu, tetapi pada pendapat saya ranchangan² yang telah di-jalankan itu belum lagi sa-benar²-nya boleh menjamin kema'amoran negara kita ini, hanya kemudahan² sahaja yang kita dapat berikan kapada ra'ayat sakalian, kechuali-lah ranchangan tanah F.L.D.A.—itu sahaja, yang lain² hanya-lah kemudahan² sa-umpama titi, jalan,

madrasah, dewan, taliayer dan sa-bagai-nya. Yang kita telah nampak kesan yang sunggoh² di-dalam usaha kita yang telah lalu yang boleh menambahkan mata pencharian hidup mereka itu, sa-takat yang telah di-usahakan itu, saperti mana yang telah di-terangkan oleh Yang Amat Berhormat itu ada-lah ranchangan padi dua kali sa-tahun. Ini sudah tepat yang ra'ayat itu telah mendapat perolehan yang lebeh. F.L.D.A. di-satengah² tempat telah mendapat hasil-nya, telah pun menge-luarkan hasil-nya.

Ini pun telah mendapatkan—ra'ayat telah mendapat perolehan² yang lebeh. Chita² Yang Amat Berhormat pada masa dahulu, dia hendak berikhtiar supaya ra'ayat di-luar bandar itu men-dapat \$300 lebeh pada satu bulan. Dua perkara yang saya sebutkan tadi, ra'ayat telah mendapati perolehan yang sa-umpama itu.

Usaha yang kedua ini ada-lah usaha yang lebeh prektik lagi. Usaha yang telah di-usahakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kelmarin itu ia-lah usaha² yang sangat di-idami² oleh orang² Melayu daripada semenjak beberapa lama. Beberapa bijak pandai, beberapa orang professor yang telah pun beruchap yang telah pun memberikan keterangan di-dalam akhbar² dan telah pun beruchap di-dalam Majlis² di-atas chadangan² hendak meninggikan taraf ekonomi orang² Melayu, tetapi pada pandangan saya ucapan² dan pendapat² daripada bijak pandai itu banyak yang berupa mengkeritik—salah itu, salah ini; Kerajaan tidak betul buat ini; Menteri buat ini ta' betul, kena buat macham ini sadikit, tetapi satu ranchangan, satu plan untok memberi jalan kapada Menteri itu tidak di-sebut. Kalau office ini boleh membuat kete-tapan, maka saya boleh juga meng-gerakkan pandangan saya tentang menarek ra'ayat kapada kemajuan ini, satu masaalah yang susah, yang ta' boleh di-buat di-atas kertas, fikiran orang Melayu hendak menyedari sema-ngat orang Melayu. Ini satu pendapat yang istimewa, bukan boleh dengan chakap², bukan boleh dengan buat plan di-atas kertas. Jadi apa yang di-buat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu ia-lah

pandangan beliau sendiri, beliau sa-bagai Wakil Ra'ayat, juga beliau sa-bagai orang yang rapat sa-kali dengan ra'ayat, tahu kedudukan ra'ayat tentang plan yang boleh di-buat, plan yang beliau buat itu ia-lah plan yang boleh menarek ra'ayat. Itu-lah plan yang hampir yang boleh menarek ra'ayat. Jadi, dalam hal ini, dalam perkara ini, saya rasa usaha² yang baharu telah pun di-chadangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Per-dana Menteri dan sokongan daripada Menteri Kewangan tadi. Saya penoh harapan pada masa yang akan datang, maka orang² Melayu boleh bergerak daripada masa yang lalu, tetapi walau pun begitu terpulang-lah juga kapada sakalian orang² Melayu menyambut dengan baik dan menjalankan segala usaha² dan tugas² yang telah pun di-beri, atau pun di-pimpin oleh Kerajaan, khas-nya Menteri Pembangunan Negara tadi.

Sa-lain daripada itu, saya chuba-lah berchakap bersangkut dengan RIDA. Usaha RIDA pada masa yang lalu, sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, RIDA telah di-bangunkan semenjak negara kita belum merdeka lagi dengan harapan RIDA menjadi alat untok hendak memajukan taraf orang² di-luar bandar, khas-nya orang² Melayu, tetapi alat RIDA ini ada-kah telah berjaya—kita sama² faham. Pada pendapat saya usaha RIDA pada masa yang lalu ta' begitu memberi puas hati—saya kata dengan terus terang—ta' begitu berjaya tetapi ada juga yang berjaya.

Pandangan RIDA pada masa yang lalu, ia-itu usaha-nya membuat dari-pada peringkat yang bawah, pandangan RIDA dahulu membuat apa² usaha daripada bawah dengan berfikir hendak memajukan perusahaan² kampung. Dengan sebab itu-lah terdapat latehan pertama dahulu bagi mengadakan latehan memintal tali sabut—itu saya ingat dahulu, sekarang ada atau tidak, saya tidak ingat—latehan memintal tali sabut, membuat belachan, menggalak-kan pekerjaan membuat belachan supaya baik lagi mutu dia, mengetin buah kabong dan lain² lagi saperti benda yang kechil² di-kampung²

dengan alasan, dengan tujuan, benda² yang di-kampung itu pun boleh di-buat dengan baik dan boleh di-pasarkan ka-luar negeri, atau pun di-bawa ka-tengah. Dengan tujuan itu pandangan RIDA—tidak ada satu usaha daripada RIDA pada peringkat yang pertengahan dan pada peringkat tinggi, tetapi chita² orang² Melayu, chita² orang sekarang ini bukan kata orang Melayu sahaja, chita² orang yang tidak berada; ada-kah dia memadaï dengan berpuas hati dengan ikhtiar yang kechil² itu. Pada pandangan bangsa² lain, usaha RIDA yang sa-macham itu ada-lah usaha yang olok²—ini bukan saya kata, pada pandangan bangsa² lain—usaha yang di-buat oleh RIDA pada masa yang lalu ada-lah pandangan yang olok², perbuatan olok², di-permainkan oleh mereka itu, tetapi saya minta ma'af kepada Menteri yang berkenaan—bukan-lah sekarang ini, tetapi pada masa yang lalu, jadi main² sahaja. Dengan usaha yang sa-macham itu, pehak bangsa² lain yang telah bertamaddun, yang telah maju, mereka tidak khuatir sedikit pun hendak menyentuh kepentingan mereka itu.

Jadi, pada pendapat saya pada waktu yang akhir² ini, RIDA mesti mengalah pandangan-nya, RIDA mesti merupakan satu chorak baharu, ia-itu bukan daripada peringkat rendah sahaja, malahan tenaga RIDA mesti-lah duduk di-peringkat pertengahan dan tenaga RIDA mesti-lah duduk di-peringkat tertinggi dalam pembangunan negara, dalam ekonomi orang² Melayu mesti-lah ada peringkat—peringkat rendah, peringkat menengah, peringkat tertinggi. Apa istilah rendah, apa istilah tengah, dan apa istilah tinggi pada saya? Istilah rendah pada saya, perusahaan orang² Melayu ia-lah, umpamanya, kita kata perusahaan² kechil di-kampung² sa-bagaimana yang ada pada hari ini—kedai² kechil dan pertukangan kechil yang ada di-kampung² yang ada hari ini. Ini peringkat rendah. Peringkat yang tinggi sedikit, dengan sebab perniagaan orang yang telah berjaya membuka perniagaan di-dalam pekan² besar sedikit—itu peringkat menengah. Peringkat tertinggi orang Melayu ta' ada. Orang Melayu ta' ada lagi, peringkat menengah pun belum

ada lagi, bagitu juga pada peringkat tertinggi pun belum ada lagi—orang Melayu ta' ada di-dalam lapangan itu. Chuma sekarang boleh kita katakan orang² Melayu duduk di-dalam peringkat rendah, peringkat menengah sedikit, peringkat tertinggi langsung ta' ada. Apa istilah peringkat tertinggi umpamanya ia-lah membuka perusahaan² yang besar, sa-bagaimana yang di-buat oleh lain² bangsa di-Petaling Jaya dan juga lain² tempat—itu-lah istilah yang saya kata peringkat tertinggi.

Dalam perniagaan pula, import-export termasuk barang² dan mengeluarkan barang²—itu pada peringkat tertinggi. Jadi, tujuan chita² orang Melayu, orang yang tidak ada tadi, itu-lah tumpuan, hala, perjuangan mereka itu sekarang ini, hendak tunjukkan sama ada benda itu boleh dapat atau tidak. Ikhtiar RIDA, tenaga RIDA, mesti-lah di-arahkan terhadap ka-arrah itu, bukan mesti di-tarek kebelakang—mesti-lah pergi ka-hadapan jangan takut. Pada masa dahulu kita boleh salahkan bahawa kita di-dalam penjajahan, kita tidak ada kuasa, sekarang hendak salahkan siapa? Kuasa di-tangan kita—mahu buat, atau ta' mahu buat ada-lah di-atas keberanian dan kebolehan kita sendiri. Pada hendak melaksanakan, orang² Melayu kita dari segi dalam peringkat menengah dan peringkat tertinggi tadi ada-lah satu perkara yang amat sukar, satu perkara yang amat sukar kepada Kerajaan, khas-nya kepada Kementerian ini, tetapi kita perchaya walau pun kita akan mengalami beberapa kesusahan, saya perchaya akan dapat kita jalankan juga perkara² itu.

Di-dalam kita hendak memajukan perengkat menengah dan meninggi, sa-bagaimana yang saya katakan tadi, Kementerian ini harus sedar pertama² sa-kali kena memikirkan juga mata perniagaan atau perusahaan yang hendak di-jalankan dan yang hendak di-beri panduan kepada ra'ayat untuk hendak memajukan perniagaan dan perusahaan itu. Maju atau mundur sa-suatu perusahaan ada-lah tergantung kepada mata perniagaan dan perusahaan, dengan sebab itu mata perniagaan dan perusahaan itu satu perkara yang rahsia yang mesti di-pegang oleh

Kerajaan. Saya tidak-lah hendak menyalahkan Kerajaan atas benda² yang telah lalu, taraf perintis yang telah kita beri itu pun hendak-lah di-awasi sekarang ini. Kalau sa-kira-nya sa-berapa banyak di-minta permohonan di-beri atau sa-berapa banyak yang di-minta di-beri, pada satu masa yang akan datang pemberontak ekonomi daripada orang Melayu sendiri akan bangkit menuntut kepada Kerajaan mana itu dan mana ini dan apa yang Kerajaan telah buat! Jadi dengan sebab itu segala mata perniagaan dan perusahaan yang telah ada di-tangan kita hari ini mustahak di-kawal dan di-ingatkan taroh semua kepada anak bumiputra pada masa akan datang.

Kita sedar yang pehak orang Melayu belum lagi chukup alat dan belum lagi chukup syarat hendak menjalankan perusahaan dan perniagaan itu. Pada perengkat ini baharu chuma kita dalam perengkat hendak mengumpulkan modal dan dalam perengkat hendak mengadakan Bank Ra'ayat. Walau pun perkara ini telah ada di-dalam manifesto Perikatan sendiri dahulu, tetapi dengan sebab benda ini mustahak di-adakan kajian yang lama, maka pada hari ini baharu-lah Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri hendak melaksanakan-nya. Kita tidak-lah berputus asa di-atas ranchangan dan usaha hendak mengumpulkan modal khas untuk Bank yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara RIDA tadi walau pun saya kata tidak berapa berjaya pada masa yang lalu tetapi ada juga yang berjaya. Pertolongan RIDA yang telah berkesan yang saya nampak sekarang ia-lah bantuan² yang di-beri kepada pengangkutan. Pinjaman yang di-beri oleh RIDA kepada pengangkutan saya rasa RIDA tidak mengalami apa² kerugian bahkan sampai hari ini pengangkutan yang telah di-pegang oleh orang Melayu dapat di-jalankan dengan sempurna, dan pehak pengangkutan itu dapat membuat bayaran balek segala pinjaman² itu dengan sempurna dan mereka juga telah pun berjaya banyak

mempunyai perusahaan pengangkutan sendiri. Benda yang terang sa-kali sa-bagaimana yang kita boleh tunjukkan ia-lah pengangkutan N.E.T.S. di-Kelantan dan juga lain² tempat seperti di-Melaka dan tempat saya sendiri. Apa sebab berjaya itu tidak lain sa-mata² mata perniagaan itu tidak ada perlawanan, jadi boleh jamin untung. Jadi, sebab itu-lah saya sangat pentingkan dan sangat ambil berat berkenaan dengan mata perniagaan ini. Kalau mata pencharian banyak perlawanan telah jadi, berapa banyak pakar datang untuk hendak memajukan-nya pun saya berani berkata perniagaan itu tidak akan berjaya. Oh! Kita orang Melayu sekarang membangga²kan perusahaan orang² Eropah, umpama-nya, mereka boleh buat sistem dengan baik, mereka dapat menjalankan perniagaan dengan baik, maju dan untung serta tempat perniagaan pun bagus dan chantek. Ini tidak lain sa-mata² bergantung atas mata perniagaan. Saya bukan chakap besar, kalau beri satu mata perniagaan yang monopoli saya juga boleh buat macham orang Eropah (*Tepok*). Sekarang yang kita lemah bukan fasal modal dan bukan fasal kepandaian—orang China dan orang India yang datang berniaga besar di-sini bukan semua-nya pakar, bukan erti chara-nya, saya berani berkata, orang Melayu jangan takut. Akan tetapi, apa yang ada pada mereka ia-lah mereka dapat peluang dahulu. Ini sahaja yang jadi kechichiran kita—itu sahaja tidak ada lain.

Saya rasa saya telah mengambil masa sangat panjang di-dalam perkara ini. Pada akhir sa-kali, saya berharap dan berdo'a supaya usaha² Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri bagi memajukan orang² yang dudok di-luar bandar ini akan berjaya. Di-dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri waktu beliau membentangkan chadangan hendak menubohkan Bank Ra'ayat, antara lain, beliau meminta bukan sahaja hanya ra'ayat akan di-beri pinjaman bahkan ra'ayat di-minta menyimpan sama. Ini ada-lah satu perkara yang betul. Orang Melayu jangan termimpi² dan orang Melayu bukan sa-mata² hendak meminta bahkan juga hendak memberi

sa-bagaimana yang di-minta oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Di-dalam usaha kita hendak membangunkan Bank Ra'ayat ini saya berpendapat di-minta-lah tubuhkan chawangan²-nya di-merata tempat dan daerah² yang besar dahulu supaya boleh-lah ra'ayat sendiri menyaksikan di-atas kemajuan² yang di-jalankan oleh Kerajaan itu, dan di-buat kempen besar²an kepada seluruh ra'ayat di-luar bandar supaya mereka gemar menyimpan wang di-dalam Bank itu. Jadi, dengan usaha² kita yang begitu daripada semua pihak, sama ada daripada perengkat sharikat bekerjasama yang pada masa ini sharikat bekerjasama sedang menyimpan wang dalam Post Office Savings Bank, maka boleh-lah di-pindahkan ka-dalam Bank Ra'ayat itu dan puncha² yang lain lagi bahkan wang Kerajaan sendiri. Di-Kedah banyak juga wang daripada pihak ra'ayat. Sa-lain daripada sharikat bekerjasama ada satu kumpulan wang yang di-panggil Lembaga Penanam Padi Kedah, ia-itu pada masa kita belum merdeka lagi, dalam tahun 1953 dahulu Kedah telah kena kemarau yang besar. Kerajaan Pusat ini sendiri telah memberi wang \$1½ juta lebeh. Sekarang ini wang itu ada lagi dan di-beri pinjaman kepada ahli² peladang, maka wang² ini pun boleh di-simpan ka-dalam Bank yang saya chadangkan itu. Banyak puncha wang daripada orang luar bandar daripada beberapa jenis yang kita tidak tahu. Kalau ada kempen yang besar²an sa-bagaimana yang saya katakan itu, maka tidak shak lagi Bank yang kita chadangkan itu dapat berjalan yang mana tidak berapa banyak yang Kerajaan kalau pun hendak beri pertolongan. Jadi, saya ingat itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kaseh.

The Minister of Commerce and Industry (Dr Lim Swee Aun): Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for Batu in his speech rather charged that our development plans have not been a success and to support his argument, he said that our industrialisation programme did not create enough or sufficient employment to meet the demands of the growing

public. As I have tried to point out in this House, it is true that the factories that have been put up have created direct employment for about 18,000 people, but one must not forget the amount of indirect employment generated through the erection of these factories. As I said, the building industry, the transport industry and the suppliers of raw materials have in their own way created new employment, thus relieving our unemployment situation. Although industrialisation is one of the methods to diversify our economy, the Alliance Government has not put all its eggs into one basket. We believe in having a balanced development, in that we would also want a better agricultural economy, which has increased productivity and at the same time diversification of its products and also industrialisation.

The Honourable Member for Batu stated that he was not against foreign capital coming into this country but warned that foreign capital could be double-edged in that profits would be sent out of the country, thus creating balance of payment problems. Sir, this concept of foreign investment in developing countries has been studied by all the organisations in the world, particularly those of the United Nations—all the economic bodies—and it has been found and agreed to by the experts in developing countries that foreign investment is to be encouraged rather than discouraged in the economic development of developing countries. This is because foreign investments provide more financial and technical resources which would otherwise not be available in the developing countries. In the Second Five-Year Plan, for example, we envisaged that our rate of development would rely on the private sector to produce or to invest \$2,900 million out of the total investment of \$5,050 million. Now, this private sector will have to include both local capital and foreign capital. It is true that we are facing the dangers of an unfavourable balance of payment situation, but I would like to go into some of the statistics of investments that have occurred in this country. Now, in spite of the substantial and

persistent current deficits in our balance of payment position during the past three years, Malaysia's capital account remains strong. In 1960, its current surplus coupled with the rather large inflow of both private long-term capital and official loan receipts resulted in an increase of some \$577 million in the country's official foreign reserves. Although the current deficits for 1961 and 1962 were \$282 million and \$409 million respectively these were offset to a large extent again by inflows of private long-term capital and official loan receipts. As a result, the balance on current and long-term capital account showed a surplus of \$29 million in 1961 and a small deficit only of \$31 million in 1962. From the foreign reserves point of view, 1963 seems to have been a balanced year. The exceptionally large current account deficit of \$666 million was financed by a very sizeable inflow of private long-term capital amounting to \$380 million and overseas loan receipts of \$85 million. Although official reserves increased by some \$43 million, this amount was offset completely by larger decreases in the foreign exchange reserves of commercial banks. Malaysia's net foreign exchange reserves including those of commercial banks, other than Government agencies and private provident funds, amount to some \$3,830 million at the end of 1963. These reserves are equivalent to approximately 75 per cent of Malaysia's 1963 imports f.o.b.

Sir, these statistics illustrate that our financial position is still strong, but we are fully alive to the dangers of weakening our balance of payment position as a result of confrontation. The outflow of profits from a developing country is normal and not unhealthy because it is offset by the economic and financial advantages we have gained on account of foreign investment. One has to note that a substantial amount of earnings of foreign companies is ploughed back into the country. For example, in 1962, the profits of foreign companies after depreciation were \$453 million out of which \$203 million were ploughed back and reinvested into private companies. This indicates that there has been no serious drain of

profits overseas. Moreover, 60.2 per cent of the outflow of foreign profits was from the rubber and tin industries, while the manufacturing sector accounted for only 12.2 per cent of the foreign profits. This shows that the outflow of profits from the manufacturing sector is negligible, although the investment by foreign investors is great and, as such, there is a case for further industrialisation to provide employment for a larger number of Malaysians. Unlike some countries, we adopt a middle path, that is to say, we do not encourage factories being set up with a hundred per cent foreign capital but, rather, we encourage joint ventures, so that at least a part of the profits are retained in the country.

Sir, the Honourable Member also said that we should concentrate on labour intensive industries rather than capital intensive industries. Sir, whilst that may be true or desirable, we have to face facts, and that is, in this country we have been importing goods from all over the world and as such we have been used as—to use the word in the broadest sense—a dumping ground for the excess manufactures of manufacturing countries, and, as such, it has become a very competitive market so much so that imported goods in this country have been sold at a much cheaper rate than are sold in the manufacturing country. Now, if we want to industrialise, the object being to save foreign exchange and to create new labour, new employment, it is natural that our cost of production would be higher because the volume that can be produced is relatively smaller, as compared to the volume produced by the larger manufacturing country. Now, if we were to choose highly labour intensive methods to produce a product, the cost would naturally be higher; and the first people to object would be the Members from the Opposition Benches who will argue, "Why manufacture when it will cost us higher to produce our own goods, and we should, in fact, import" as has been the argument put forward by the Opposition; and that is an argument which disregards economies.

The Honourable Member for Bachok did appeal to this House that we should have a controlled import and export—he coined up a new term for that sort of economy. That, Sir, can be done by a centrally planned economy and that has been suggested by the Honourable Member for Batu who said that the Government should take part in industrialisation and that, in fact, the Government should take part in all industries, create new factories and later on sell them to the public. Sir, we in the Alliance Government have considered this aspect of it. But there are certain dangers. If the Government is to take over the production of consumer goods and then to ensure that the consumer goods get the market disregarding what it would cost—and the chances would be that it will be higher in cost because the Government would use labour intensive methods—then the Government would have to control all imports.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, tidak pergi jauh sampai ka-situ just di-dalam meaning "control" and not "to take over". I would make this clear to the Minister.

Dr Lim Swee Aun: What I am saying is what the Honourable Member for Batu has said and not what the Honourable Member for Bachok has said (*Laughter*). The Honourable Member for Batu wants a controlled economy, in that he says that the Government should take over the building of factories, employ labour intensive methods and then sell the goods to the people. If we do that, the cost of production is bound to be high and if the cost of production is bound to be high, the cost to the consumers must also be high, and to ensure that those goods are sold, otherwise the factories will have to be closed, then the Government will have to control imports to prevent imports from coming in. Even if the goods are not up to the standard and are expensive, the people will have no alternative but will have to buy the goods produced by such Government factories, because they cannot buy imported goods. We, however, do not believe that this is the best method for this country, because

we believe in free enterprise and we believe in competition. Through allowing imports to compete with our locally produced goods, then our local factories must find the best methods to produce their goods as cheap as possible and also maintain the quality to be better, if not, as good as the goods they import. So, in this way the consuming public will not be exploited. Sir, the Government realises that generally speaking this method would be beneficial to the country through free enterprise and through competition. But there are certain products where the Government is the sole buyer. Take for example telephones, electric meters, water meters, water cages and things like that, where the Government is the sole buyer. In such cases we are studying whether or not it should be more feasible, more profitable and more realistic for Government itself then to take over the erection of such factories. We have now studied the effects of such procedures in other countries and an official Committee is going into this problem. However, the Government is not against the idea of starting a factory on behalf of co-operative societies. In fact, we have already done so; we have already set up the National Pineapple Cannery at Johore, which is done for the benefit of the co-operatives, so that these co-operative producers of pineapple can find a means of canning their produce, exporting it and ultimately through their sales of pineapple fruits to the factory, they would buy up the shares from Government. Similarly with regard to paper mill, the Government is still studying how we can assist the Malays to put up a paper mill through the co-operative system. These doors have not been shut and, in fact, are being considered by Government.

The Honourable Member for Bachok also said that the pace of industrialisation has not been greater than it should have been. Sir, this is not quite correct, because since we have started industrialisation, the pace has been indeed very much faster than most other developing countries. Up-to-date, in Malaysia alone 264 pioneer companies have been established, of which 119 are

in Singapore, 108 in Malaya and 37 in Sabah and Sarawak. The nominal capital of these 264 companies comes to over \$1,000 million and the called-up capital is slightly over \$500 million. In addition to this, 47 companies have been given pioneers status on principle, that is to say, their projects have been approved by Government, but pioneer certificates have not yet been issued because they have not yet put up their factories. Of these 47, 45 are in the States of Malaya and 2 in Singapore; and the capital for these 45 factories, that will be set up in the States of Malaya, amounts to \$144.5 million. With the formation of the Common Market, there will no doubt be a further acceleration of the pace of industrialisation in this country.

Sir, there was one other point which was raised this morning, and that is that our pioneer companies are not using more of the national language in their advertisements. Sir, they are doing their best to use the national language wherever they can. However, I do hope that the House will realise that there are certain slogans in the English language which, perhaps, is not translatable into the national language which has the same effect or which has the same selling quality, and I wonder whether any scholar here can have a translation as good as this, "The best tobacco money can buy" in the national language, which will have the same meaning and yet have the same sales value. I have no doubt that some day we shall be able to find better usage and better translations, so that most of these advertisements will be in the national language.

One other point raised by the Honourable Member for Batu is that the Government has not encouraged much replanting by the Malays of their rubber, which again is not very correct, because we have increased the replanting grant from \$400 to \$500 in 1954 and again to \$600 per acre in 1960 and in 1962 we have increased it further \$750 per acre with an additional bonus of \$50 per acre for those replanting five acres and less. People with fifteen acres or less are entitled to replant 100% whereas those who have thirty acres

but below ninety-nine acres are allowed to replant two-thirds of their land. I would like to say that the rubber industry replating board has conducted field publicity and campaign throughout the years. Since 1955 they have been visiting all these rural centres and lecturing and explaining to the people why they should replant and during these years more than one million Malay smallholders have attended these courses. As a result of this, from the year 1953 to the end of 1963, 215,591 acres owned by 75,987 Malay smallholders have been replanted. There is a still bigger replanting figure for 1963 which amounts to 90,000 acres, but the breakdown figures, according to the Board, are still not available.

The Minister of Health (Enche' Bahaman bin Samsudin): Mr Speaker, Sir, I rise to reply to some of the comments made by the Honourable Members of this House regarding my Ministry.

The Honourable Member from Batu referred to the construction of the General Hospital, Kuala Lumpur, and the new General Hospital, Klang. I can only state, Sir, that the necessary provision to meet the expected expenditure on the construction of these hospitals are provided in the 1965 Development Estimates. I see no reason, unless of course the Emergency situation facing this country worsens, why the provision which will be voted will be cut during 1965. The drawing up of the plan for the new General Hospital, Kuala Lumpur, is proceeding very rapidly and it is expected that the construction of the first phase of the hospital will commence in 1965. It is true that the programme of construction of the new General Hospital, Kuala Lumpur, has been put to a later date than was originally proposed. But this was mainly due to the fact that it was considered essential to give every priority to the Teaching Hospital at Petaling Jaya, the construction of which is being undertaken at least two years before the originally scheduled date. It is to be appreciated that my Ministry in order to utilise the funds available to the best advantage possible

has to review its programme and priorities and effect modifications if necessary in the light of developments.

The Honourable Member from Sarawak, Enche' Edmund Langgu suggested getting foreign doctors to meet the shortage of doctors. As I have said in this House before, we are trying our best to get as many foreign doctors as possible. He also suggested about students who could be given scholarships so that many more could qualify as doctors. With regard to this question, it is a matter to be taken up by the State Government of Sarawak with the Ministry of Education here.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar menguchapkan tahniah di-atas pembinaan Rumah Sakit Latehan Universiti Malaya dan di-atas shor meletakkan Pentadbiran Rumah Sakit ini di-bawah Pentadbiran Universiti itu sendiri. Saya ucapkan terima kaseh di-atas pandangan dan pujian² yang di-lafadzkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara telah menarek perhatian kepada Dispensary² Bergerak, atau Travelling Dispensary dan melafadzkan dukachitanya, kerana perkhidmatan ini ada kala-nya terganggu di-sebabkan kerosakan. Suka saya menyatakan bahawa dalam tahun ini 25 buah kereta² dispensary baharu telah di-perolehi untuk menggantikan kereta² yang lama dan uzor itu dan dalam tahun 1965 ikhtiar menggantikan kereta² dispensary lama dan juga menambah lagi bilangan²-nya akan terus di-jalankan. Dengan yang demikian saya perchaya masaalah yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak lama lagi akan dapat di-atasi.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hilir meminta di-lebihkan kemudahan² kesihatan di-kampung² yang berjauhan di-Kelantan dan di-pantai timor. Memang itu-lah tujuan dan dasar Kerajaan, ia-itu sa-berapa yang boleh-nya ra'ayat² di-kampung² itu akan di-beri kemudahan² kesihatan, terutama-nya di-pantai timor.

Ahli Yang Berhormat dari Rembau-Tampin mengeshorkan supaya klinik

di-Pekan Seremban itu di-dirikan di-tapak hospital baharu di-Seremban. Shor Ahli Yang Berhormat itu memang akan di-jalankan, ia-itu out-patient klinik akan di-adakan di-bangunan hospital baharu di-Seremban itu. Dengan penerangan ini tentu-lah kurang-nya tegoran dan rungutan terhadap Kementerian saya, dan nyata-lah, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kementerian Kesihatan berada di-dalam keadaan yang sihat. Sa-kali pun bagitu, saya akan terus berikhtiar dengan bersungguh² supaya kesihatan ra'ayat sentiasa diperbaiki lagi. Terima kaseh.

The Minister of Transport (Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, pada menjawab Ahli Yang Berhormat dari Rembau-Tampin, saya ucapkan terima kaseh atas memberitahu keadaan teksi sapu, atau pirate taxi. Yang sa-benar-nya bukan sahaja di-kawasan-nya, tetapi di-seluruh Tanah Melayu dan Singapura, soal teksi sapu ini memang satu soal yang sangat rumit.

Kementerian saya dan Jabatan Kenderaan telah bekerja sa-berapa rapat dengan pehak polis supaya dapat di-chari jalan yang lebeh² elok supaya dapat, kalau ta' boleh menghapuskan, mengurangkan keadaan ini, tetapi kerana waktu dharurat hari ini, pehak² polis sebok dengan keadaan dharurat dan tidak-lah dapat tenaga yang banyak dapat di-gunakan, kerana menyiasat perkara teksi sapu ini; walau macham mana pun, saya akan ikhtiarkan dengan sa-berapa daya yang boleh.

Tentang hukuman, memang telah di-hukum berat. Di-Tanah Melayu ini ada undang² sa-kira-nya berthabit dalam perbicharaan teksi sapu itu, maka teksi-nya, atau kereta-nya itu akan di-rampas dan undang² ini telah pun di-minta supaya di-panjangkan di-Singapura dan saya telah bersetuju atas perkara itu. Ini menunjokkan yang Kementerian Pengangkutan dan pehak polis bersama² akan menchari jalan yang baik, keadaan pendapatan, mata pencharian driver² teksi yang betul² membayar chukai dan bekerjasama dengan pehak Kerajaan.

Bagitu juga saya ucapkan terima kaseh kepada pehak Yang Berhormat

dari Baling yang telah mengatakan bahawa beliau tidak menapikan RIDA bekerjasama dengan Kementerian saya, dan juga Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama yang telah dapat memajukan banyak perniagaan pengangkutan orang² Melayu, terutama sekali dalam negeri Kedah yang mana bas² yang di-jalankan oleh RIDA dengan modal orang² ramai bersama lebih ratus batu yang telah di-jalankan dalam negeri Kedah, dan begitu juga negeri Perlis. Sekarang ini Kementerian saya sedang mengusahakan di-dalam negeri Johor dan banyak lagi negeri² yang lain nanti akan dapat bekerjasama berkenaan dengan perniagaan pengangkutan bagi pehak orang² Melayu sa-chara besar²an, atau sa-chara sederhana. Terima kaseh.

The Minister of Information and Broadcasting (Enche' Senu bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, bagi Kementerian Penerangan dan Penyiaran nampak-nya tidak begitu banyak sumbangan yang di-berikan oleh Ahli² Yang Berhormat, tetapi saya suka menjawab ucapan atau tegoran yang di-berikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan, ia-itu berkenaan dengan akhbar *Straits Times*. Berkenaan dengan akhbar *Straits Times* ini sudah panjang lebar di-bahathkan dalam Dewan yang berbahagia ini, tetapi di-sini saya suka-lah hendak menjelaskan supaya di-ketahui ia-itu akhbar *Straits Times* sama sa-kali bukan suara Kerajaan, seperti mana surat khabar *Indonesian Herald*. Jadi, kalau sa-kira-nya ada keraguan sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, ia-itu ada di-luar² negeri pehak yang memikirkan, atau menyangkakan bahawa akhbar *Straits Times* itu ada-lah menjadi suara Kerajaan—biar-lah dalam Majlis yang berbahagia ini pada hari ini saya menapikan yang surat khabar *Straits Times* itu ada kena-mengena sama sa-kali dengan Kerajaan.

Akhbar *Straits Times*, saya rasa, sama-lah sa-bagai surat² khabar lain, dan dalam sa-buah negeri yang berdasarkan parliamentary democracy ada-lah berhak mengeluarkan berita² sa-bagaimana yang di-beri kepada tiap² surat khabar. Saya suka menyebutkan

di-sini, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu kalau surat² khabar ada-lah berhak menerbitkan berita² atau pun memasokkan berita² atau membuat satu² ulasan mengikut dasar (policy) surat khabar itu tidak dapat di-tegor atau pun tidak dapat di-bantah oleh pehak Kerajaan, maka begitu-lah juga saya rasa dalam Majlis ini Ahli² Yang Berhormat ia-itu Ahli² Parlimen ada-lah juga berhak menegor surat² khabar atau menegor berita² atau ulasan² yang di-fikirkan tidak sesuai oleh Ahli² Yang Berhormat. Jadi, saya menyebutkan di-sini supaya jangan-lah bagi pehak surat khabar, umpama-nya, mengeluarkan pula perkataan² menudoh Ahli² Yang Berhormat di-dalam Dewan yang berbahagia ini mengeluarkan perkataan² yang tidak baik; menggunakan perkataan *hooligan* dan sa-bagai-nya. Saya rasa sa-bagaimana kebebasan yang di-beri kepada surat khabar pada masa ini di-jalankan oleh *Straits Times* itu maka begitu-lah juga kebebasan yang ada kepada Ahli² Yang Berhormat dalam Parlimen ini.

Yang kedua, berkenaan dengan ranchangan daripada pehak Kementerian ini hendak mengadakan siaran² ka-luar negeri ia-itu negeri² Afrika, Arab dan lain² itu memang-lah betul ada di-dalam ranchangan Kementerian ini dan manakala siap projek yang sedang di-jalankan di-Kajang di-harap akan dapat di-jalankan dalam pertengahan tahun akan datang, maka akan dapat-lah di-siarkan siaran² sampai ka-negeri² yang di-sebutkan tadi, ia-itu negeri² Afrika, Arab dan lain². Pada masa ini kita sedang menchari—bukan-lah tidak ada sama sa-kali ranchangan untuk melateh orang² yang akan bekerja di-dalam bahagian² ini—tetapi memang Kementerian ini sedang menchari kalau ada orang² yang akan bekerja di-dalam ranchangan² dan siaran² baharu ini, baik dalam bahasa Arab, Peranchis dan African tentu-lah perkara itu akan menjadi sedikit kesusahan, tetapi saya beri-lah pengakuan kepada Ahli² Yang Berhormat perkara itu akan di-jalankan.

Tegoran Ahli Yang Berhormat itu yang ketiga—saya rasa ini bukan tegoran—tetapi saya ucapkan terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua, kerana

Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan telah meletakkan keperchayaan yang penoh kepada Kementerian Pene-rangan dan Penyiaran, yang dia mem-bandingkan Kementerian ini sama-lah sa-jajar dengan Kementerian Perta-hanan tentang mustahak-nya, dan oleh itu menchadangkan supaya wang yang di-untokkan kepada Kementerian ini di-banyakkan lagi. Saya uchapkan terima kaseh kepada Ahli Yang Berhormat itu.

Lagi satu tegoran di-buat oleh Yang Berhormat dari Muar Utara, ia-itu meminta supaya radio menyiarkan berita² kematian yang terkejut (sudden death) dan sa-bagai-nya untuk penge-tahuan keluarga² di-kampong². Saya rasa perkara itu tidak dapat hendak di-jalankan kerana tentu-lah terlalu banyak nanti, barangkali radio kita tidak dapat menyiarkan berita² lain tiap² hari sa-mata² berkenaan dengan kematian. Sa-kian-lah sahaja.

The Minister of Lands and Mines (Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab kenyataan yang di-kemuka-kan oleh Yang Berhormat dari Raub yang meminta supaya Hutan Simpan dalam daerah Raub di-mansokhkan dan di-keluarkan untuk kegunaan ra'ayat di-tempat itu.

Enche' Hussein bin To' Muda Hassan: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Saya minta Hutan Simpan Bukit Kajang dan Hutan Simpan Rotan Tunggal, bukan kesemua dalam ka-wasan Raub.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan di-sini kuasa meman-sokhkan kawasan Hutan Simpan ada-lah di-dalam tangan Kerajaan Negeri. Oleh sebab itu minta-lah berhubung dengan Kerajaan Negeri dalam soal ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok menchadangkan supaya Kerajaan ber-ikhtiar untuk memperluaskan lagi usaha² pengeluaran dan penggunaan kayu-kayan negara sa-bagai perusahaan yang boleh memberi faedah kepada ra'ayat negara ini. Berkenaan dengan ini, langkah² sedang di-jalankan untuk menggalakkan penubohan perusahaan²

yang menggunakan bahan² daripada kayu-kayan yang di-dapati di-dalam negara ini.

Yang Berhormat dari Melaka Selatan meminta supaya saya memberi so-kongan dan berikhtiar terhadap rayuan daripada Forest Guard, kepada Kera-jaan untuk menaikkan tangga-gaji mereka. Maka berkenaan dengan per-kara ini Kesatuan Pegawai² Hutan Melayu sa-Malaya telah pun membuat tuntutan baharu bagi jawatan² Forest Guard, Foresters dan Forest Rangers melalui Cuepacs dan Whitley Council, dan tuntutan ini saya perchaya akan mendapat timbangan yang sa-wajar-nya.

Yang Berhormat dari Rembau-Tampin berchadang supaya membeku-kan pengeluaran lesen² kayu dan permit bagi bekerja kayu. Sa-bagaimana yang kita sedia ma'alum perkara mengelu-arkan lesen dan permit bekerja kayu ini ada-lah kuasa Kerajaan Negeri dan terpulang-lah kepada Kerajaan² Negeri membuat dasar mereka terhadap pada perkara ini.

Sir, the Honourable Member for Batu spoke on fragmentation of rubber estates and, among other things, he stated that the purchasers of these fragmented lots are now in a very insecure position because they are unable to have their names registered as the owners of the titles. The Govern-ment cannot prohibit fragmentation of these estates, because it is one of the rights of the land owner under his title as governed by the land laws. A registered owner may sub-divide his land and sell such sub-divided portions by executing a deed of conveyance in favour of the purchaser and such deed of conveyance may be registered in the Office of the Registrar and upon such registration the purchaser will become the registered owner of the land so conveyed. But, unfortunately, the purchasers of the fragmented estates, referred to by the Honourable Member, had bought the land from persons who, they thought, were entitled to dispose of the land when, in actual fact, these persons were no more than brokers who cannot deal or sign an agreement; as such, they are, of course, not in a legal capacity to execute a

deed of conveyance. The Government cannot, therefore, take any measure to solve such a problem which is a normal business risk.

The Honourable Members for Batu, Bungsar and Perlis Selatan spoke on the control of rent on padi lands. The Alliance Government is aware of the certain defects in the present Padi Cultivators (Control of Rent and Security of Tenure) Ordinance, 1955, which was inherited from the colonial Government, and we have invited an expert to advise on how to overcome these defects. The expert's report will be available to the Government in a few weeks' time and then it will be considered by the Government.

The Assistant Minister of Youth, Culture and Sports (Engku Muhsein bin Abdul Kadir): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan penghargaan yang tinggi kepada Yang Berhormat dari Lipis yang telah memberi pandangan yang membena di-dalam memajukan pemuda² di-tanah ayer ini. Pandangan beliau supaya pihak Kementerian ini mengambil pandangan dan daya-utama supaya pemuda² yang belum beristeri mempunyai kesempatan untuk memasuki di-dalam ranchangan pembukaan tanah, atau tegas-nya sabagaimana kata beliau tadi "ladang belia". Maka sa-benar-nya, perkara ini memang-lah sangat di-ambil perhatian berat, dan oleh kerana kebetulan sa-lain daripada masaalah pemuda juga masaalah pekerjaan, maka suka-lah saya menegaskan bahawa Kementerian ini memang sedang berhubung rapat dengan Kementerian Buroh menyelideki dan memikirkan akan langkah² yang menasabah. Tetapi oleh kerana ranchangan ini satu ranchangan yang besar memakan masa yang panjang, makan wang yang banyak, maka tentu-lah tidak dapat memberikan ketegasan yang sa-wajar-nya dalam masa yang sedikit.

Berkenaan dengan pandangan yang di-beri oleh Yang Berhormat wakil daripada Muar Utara supaya kawasan rumah Parlimen ini di-pagar supaya perkara² yang tidak menyenangkan jangan berlaku pada waktu malam, maka sa-benar-nya bangunan ini di-

hadkan ia-itu orang² tiada di-benarkan masok dalam kawasan ini sa-lepas daripada pukul 7.00 petang. Tetapi untuk memagarkan-nya itu barangkali tidak-lah sesuai dengan kita membangga bangunan Parlimen ini sa-bagai satu bangunan yang menjadi chogan atau kemegahan demokrasi di-mana ra'ayat² sakalian tentu-lah kena di-beri kesempatan untuk melawat, melihat keadaan bangunan rumah kebanggaan negara ini. Maka untuk memagarkan sa-bagai satu bangunan yang di-lindungi tentu-lah barangkali tidak berapa sesuai dengan sa-buah bangunan yang menjadi kebanggaan kepada demokrasi berparlimen.

Mr Speaker: The Sitting is now suspended till three o'clock this afternoon.

Sitting suspended at 12.45 p.m.

THE DEVELOPMENT ESTIMATES, 1965

Sitting resumed at 3 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

Debate resumed.

The Deputy Prime Minister (Tun Haji Abdul Razak): Mr Speaker, Sir, in reply to the debate on the Development Estimates for 1965, I should like, first of all, to thank the Honourable Members of this House who have supported the Development Estimates. I am afraid a few Honourable Members must have drafted their speeches before they heard my speech in introducing the Development Estimates, and this applies particularly to the Honourable Member for Batu. That is why a number of the points he said had already been covered by the speech that I made. In particular, Sir, on the policy of diversification, I had already explained at length that one of the major economic policies, which we intend to follow during the next number of years is to diversify our economy, and I mentioned, in particular, that we have embarked on planting oil palm on a large scale by the Federal Land Development Authority.

Sir, my Honourable colleague, the Minister of Commerce and Industry,

has replied to a number of points raised by the Honourable Member for Batu. The Honourable Member said that our Second Five-Year Development Plan is lopsided and that the scheme to help the rural people benefit directly from it has been a failure. Well, Sir, I am afraid I do not understand the basis of his statement. Of the total allocation under the Second Five-Year Plan, of \$2,303 million for expenditure by the Federal Government, 59% is for the economic sector, 19% for social services and 18% for defence and only 5% for the Government sector. Now, it will be seen that almost 4/5ths of the Plan is for economic and social projects. Of the total amount in the Plan for Federal expenditure, about 36% is specifically for rural development and, in addition to that, there are many other projects, such as Federal roads, electric power projects, telecommunications and so on which are of indirect benefit to the rural people. That is why I have already stated that about 50% of our expenditure on development is for the benefit of the rural people. So, obviously, Sir, the Honourable Member was under considerable misapprehension and, as I said, it is very difficult for me to understand the basis of the statement he made that our Development Plan is lopsided.

The Honourable Minister of Commerce and Industry has already explained that it is not true to say that the objective of our Second-Five-Year Plan with regard to employment has not been achieved, and I think the Honourable Minister made it clear that as far as the urban areas and industrial sectors are concerned there has been an increase in employment, and the objective in the Plan is being satisfactorily achieved. It is true, Sir, that we have not got a comprehensive data on employment, unemployment and under-employment. The Government is doing its best to try and obtain this information, but from what we gather and from the calculations we have made, the objective in this Plan on this particular aspect has been satisfactorily achieved. To give only one instance, in the tin industry the opening of previously sub-marginal mines in res-

ponse to the prevailing prices has raised employment up to the end of August to 35,320—an increase of 5.7%. As regards the rural areas, again here, it is difficult to have an accurate figure of the employment, the unemployment or the underemployment position, but we have opened up large areas of land both under the F.L.D.A. and under the fringe alienation and controlled alienation. Obviously the opening up of these vast areas of land has provided employment to people in the rural areas.

The Honourable Member for Batu has also suggested that we should encourage the establishment of labour-intensive industries as opposed to capital-intensive industries in order to increase employment opportunities. In my view, this is an over-simplification of what is needed if the problem of unemployment is to be overcome. Action to permit or to encourage only the establishment of labour-intensive industries may accelerate opportunities for employment, but it may also have grave consequences for output per worker and their levels of living. The general policy being adopted by the Government is to ensure that economic activities are rapidly increased and that industries are established which use both labour and capital in the most economic and efficient manner. Only in this way can both employment and output and income per worker be increased adequately.

Sir, the Honourable Member for Batu also alleged that the allocation for low cost housing under the Second Five-Year Development Plan has been very much reduced. This, Sir, is not quite correct. The figure of \$80 million shown in the original Plan target column in the Appendix to the Treasury Memorandum, refers to the allocation for Low Cost Housing, which is \$45 million, as well as to allocations for the M.B.B.S., Quarters for transferable officers and Civil Servants and accommodation for daily-rated staff. The figure of \$54.8 million shown in the revised Plan target column in the Appendix to the Treasury Memorandum refers only to Low Cost Housing and Government housing. So there has not been any decrease, Sir.

Now, Sir, the Honourable Member for Batu, as well as the Honourable Member for Bungsar, have raised the question about the increase of *per capita* output under the Second Five-Year Plan. Our preliminary estimate shows that the *per capita* output has increased by an average of 4 per cent. per year between 1960 and 1964. This is substantially higher than the target set forth for the Second Five-Year Plan which was about 1 per cent. per annum. Now, the *per capita* income has not fared as well, having risen by only 2 per cent. per annum, and this was because of the sharp drop in the price of rubber.

I do not agree, Sir, with the Honourable Member for Bungsar that there has been no increase in *per capita* output and income of the people in the rural areas. Perhaps, if he takes the trouble to go round and see the rural areas in Malaya, not Singapore, he will find that there has been a substantial increase in both the income of the rural people and the *per capita* output.

Now, Sir, the Honourable Member for Batu, as well as the Honourable Member for Bungsar, have also mentioned the question of land tenure. The Government is fully aware of certain defects in the present Padi Cultivators (Control of Rent and Security of Tenure) Ordinance, 1955, which we inherited from the colonial Government, and we have invited an expert to advise us on how to overcome these defects, and the expert's report will be available to the Government in a few weeks' time.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menjawab kepada Ahli² Yang Berhormat yang lain. Yang pertama, Ahli Yang Berhormat dari Lipis menhadangkan ia-itu Malay Secretariat di-Kementerian Perdagangan dan Perusahaan itu patut-lah di-satukan dengan RIDA. Ini saya telah ishtiharkan pada masa membentangkan usul ini, ia-itu chadangan Kerajaan ia-lah hendak di-satukan Malay Secretariat ini dengan RIDA supaya RIDA yang akan di-beri rupa tugas barangkali dengan nama yang baharu itu akan mempunyai kuasa yang penuh untuk menjalankan

kehendak² Kerajaan bagi membaiki iktisad ra'ayat yang duduk di-luar bandar.

Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam ada menyebutkan ia-itu ada tanah di-Sabak Bernam yang boleh ditanam dengan kelapa sawit. Saya sukachita mendengar perkara ini dan saya akan memberi tahu Kerajaan Negeri, dan kalau dapat persetujuan akan di-jalankan ranchangan untuk menanam kelapa sawit di-tempat yang di-sebutkan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Sarawak telah meminta Kerajaan supaya memberi pertolongan kepada penduduk² atau ra'ayat Sarawak yang duduk dekat dengan sempadan yang sekarang ini menderita oleh sebab keadaan dharurat. Kerajaan sangat mengetahui atas hal ini dan ranchangan² sedang berjalan untuk memberi pertolongan kepada mereka itu dan satu daripada ranchangan yang di-chadangkan hendak di-jalankan ia-lah sa-tengah² daripada mereka itu dapat di-beri tempat kediaman yang baharu atau resettlement scheme supaya dapat mereka itu di-jaga dengan sempurna dan juga di-beri tanah² untuk mereka itu hendak menjalankan perusahaan.

Ahli Yang Berhormat dari Sarawak juga, Enche' Khoo Peng Loong, ada berkata bahawa pendapatan penanam² padi di-Sarawak sangat kurang, sangat rendah dan patut-lah di-beri pertolongan bagi meningkatkan taraf hidup mereka itu. Perkara ini pun ada-lah dalam timbangan Kerajaan dan saya harap ranchangan² dapat di-masukkan dalam Ranchangan Yang Pertama Lima Tahun (First Malaysian Plan) yang kita sedang binchangkan sekarang ini, dan akan mula berjalan kuatkuasanya pada tahun 1966.

Ahli² Yang Berhormat dari Temerloh dan juga Rembau-Tampin ada menyebutkan bahawa patut-lah Kerajaan memberi pertolongan kepada orang² yang telah membuka tanah yang berkehendakkan pertolongan daripada Kerajaan. Saya sangat sukachita yang perkara ini di-kemukakan di-Dewan ini, kerana pehak Kerajaan ada-lah buat ranchangan untuk mengadakan satu lagi

lembaga yang hendak di-namakan—saya tidak dapat nama Melayu-nya lagi—Land Consolidation and Rehabilitation Authority, ia-itu berlainan daripada F.L.D.A., dan lembaga ini akan bertanggung-jawab menolong orang² yang telah membuka tanah seperti tanah pinggir, tanah kawalan (control alienation), tanah replanting, new planting dan pekebun² kechil yang lain yang berkehendakkan pertolongan daripada Kerajaan supaya tanah² yang di-punyaï oleh mereka itu dapat di-jayakan dengan sempurna supaya mereka itu dapat menerima hasil yang memuaskan hati.

Ahli Yang Berhormat dari Rembau-Tampin juga ada menyebutkan patut-lah guru² ugama yang mengajar pelajaran ugama di-kampung² di-bawah Rancangan Pembangunan Luar Bandar itu di-masokkan dalam pentadbiran sama juga dengan guru² Kelas Dewasa. Saya suka menerangkan bahawa adalah ugama ini hal Kerajaan Negeri dan tidak dapat-lah Kerajaan Pusat hendak champor tangan dalam hal ini, sa-lain daripada menolong memberi nasihat kepada Kerajaan Negeri supaya menjalankan pentadbiran dalam lapangan ini dengan sempurna.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Patani ada mendapatkan pandangan bahawa patut-lah di-adakan banyak lagi orang² Melayu yang lulus dalam accountancy dan juga dalam iktisad jika iktisad orang Melayu itu hendak di-perbaiki. Saya suka terangkan bahawa RIDA dan Kerajaan ada-lah mempunyai rancangan hendak meluaskan Dewan Latehan RIDA supaya dapat mengambil penuntut² yang ramai lagi dari kampung yang berkehendakkan latehan, bukan sahaja dalam accountancy dan iktisad bahkan dalam business management. Saya telah sebutkan hari itu daripada mula sa-hingga Dewan ini di-buka sudah lebih kurang 700 orang pemuda dan pemudi dari kampung² yang telah dapat di-beri latehan dalam hal accountancy, short-hand dan business management, dan di-harap dapat di-adakan bangunan yang baharu supaya dapat bilangan murid² yang di-ambil itu berlipat ganda banyak-nya, kerana saya tahu bahawa Dewan Latehan ini ada-lah maju dan

banyak murid² yang berkehendakkan latehan ini dan latehan² yang di-berikan itu sangat-lah berfaedah.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hilir ada bertanya berkenaan dengan hal pertahanan, ia-itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melawat America dan juga Canada dahulu dan telah mendapat kejayaan dan juga kesanggupan daripada kedua² Kerajaan itu untuk memberi pertolongan kepada kita—kapada Malaysia dalam lapangan pertahanan. Ahli Yang Berhormat itu berkata juga kita bukan berkehendakkan bantuan terus bahkan hanya-lah berkehendakkan pinjaman wang. Saya sangat sukachita menerangkan bahawa dua² Kerajaan itu, ia-itu Canada dan juga Kerajaan America dengan serta-merta telah menghantar “military mission”-nya ka-Kuala Lumpur ini untuk berunding dengan kita berkenaan pertolongan² yang kita kehendaki. Kerajaan Canada belum-lah memberi keputusan atas apa pertolongan yang hendak di-berikan-nya; saya perchaya tidak berapa lama lagi kita akan dapat mengetahui.

Akan tetapi, berkenaan dengan Kerajaan America saya dukachita menyebutkan bahawa pertolongan yang hendak di-beri oleh Kerajaan America itu tidak-lah memuaskan hati. Chadangan-nya hendak memberi kita pinjam kerana membeli barang² pertahanan, senjata², perkakas dengan pinjaman wang yang terpaksa di-bayar dalam masa 5 atau 7 tahun dengan kena interest 5 *per cent*. Jadi ini kita fikirkan tidak-lah begitu memuaskan hati. Jadi, dukachita kita tidak dapat-lah menerima bantuan yang sa-macham itu. Tetapi jika ada bantuan yang lain seperti dalam lapangan latehan yang di-chadangkan hendak di-berikan pertolongan dengan perchuma kepada kita, itu kita terima, tetapi pinjaman yang sa-macham itu yang kita terpaksa bayar dalam masa yang sengkat tidak-lah memberi faedah kepada kita dan dengan itu dukachita kita terpaksa tolak.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hilir ada juga menyebutkan berkenaan rancangan Kerajaan hendak membuka jalan daripada Pantai Barat

ka-Pantai Timor, daripada Sungai Siput ka-Kuala Berang dan ka-Kuala Trengganu dan jalan ini di-chadangkan akan melalui di-negeri Kelantan—di-sabelah Selatan Negeri Kelantan. Jadi, saya sendiri tidak-lah dapat mengetahui dengan jelas-nya apa dia “land deal” atau pun keputusan Kerajaan Kelantan hendak menggadaikan tanah yang luas—saya di-beri tahu lebeh kurang 400,000 ekar—kapada satu pemodal. Dan jika benar saperti perchakapan itu ta’ dapat tiada Kerajaan Pusat kenalah berfikir balek sa-mula terhadap jalan ini, kerana Kerajaan kita hendak membuat jalan raya ia-lah hendak memberi faedah kapada ra’ayat di-negeri Kelantan dan kapada negara kita, dan jika jalan itu tidak akan memberi faedah kapada ra’ayat tentu terpaksa Kerajaan berfikir balek samula. Saya tidak dapat-lah tahu bagaimana keadaan-nya—kata pajak tanah itu. Kerajaan Kelantan nampak-nya bersulit² dalam perkara ini, Kerajaan Pusat pun tidak di-beri tahu. Saya chuba hendak dapat tahu tidak di-beri tahu. Saya fikir patut-lah satu perbuatan yang bagini mustahak bagi ra’ayat ia-itu memajakkan 400,000 ekar tanah yang terbaik sa-kali dalam negeri Kelantan—tanah yang barangkali kalau ra’ayat Kelantan berkehendakkan ranchangan² tanah di-tempat itu-lah yang boleh di-buat ranchangan tanah.

Jadi kalau tanah yang luas samacham itu dekat lebeh satu pertiga negeri Kelantan telah di-beri kapada pemodal tentu-lah tidak ada lagi tempat bagi ra’ayat yang hendak mendapat ranchangan² kemajuan tanah bagi negeri Kelantan. Saya fikir perkara yang samacham itu patut-lah Kerajaan Kelantan ishtiharkan dengan terus terang dengan memberi keterangan yang jelas apa-kah yang sa-benar-nya berlaku dalam kata orang “land deal” yang disebut²kan yang kita sendiri tahu tetapi tidak dapat di-beri oleh Kerajaan Kelantan perjanjian yang telah di-tandatangani dengan satu pemodal itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya suka-lah hendak menjawab Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Puteh. Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Puteh telah berchakap dengan panjang lebar atas hal dasar asas iktisad negara kita

dan telah berkata bahawa mustahak jikalau kita berkehendakkan kemajuan dan kalau iktisad ra’ayat di-luar bandar tidak di-baiki mustahak, kata-nya, yang pertama sa-kali dasar iktisad penjajah dahulu di-kikis dan juga satu sistem iktisad yang baharu di-bentok.

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, ia-itu sa-bentar tadi beliau menerangkan bahawa ada 400,000 ekar tanah di-negeri Kelantan telah di-gadaikan, dan sekarang ini saya hendak tahu apa-kah dasar-nya sebab PAS menyebutkan tadi hendak-lah kita kikis dasar penjajah tetapi manakala dia menggadai tanah sabanyak 400,000 ekar ini apa-kah dasar—apa-kah pula nama-nya yang di-buat oleh Kerajaan PAS negeri Kelantan, itu yang saya minta penjelasan.

Tun Haji Abdul Razak: Itu saya tidak tahu apa hendak sebutkan, dasar ini saya sendiri pun belum dapat keterangan yang jelas tetapi kalau biasa hendak memberi pajak tanah 400,000 ekar itu Kerajaan penjajah pun saya fikir tidak berani hendak buat begitu kerana dia takut ra’ayat tentu marah kapada-nya (*Ketawa*). Tetapi saya pun tidak tahu-lah apa tujuan Kerajaan PAS saperti saya kata tadi yang sa-benar-nya ada dalam pajak tanah ini yang saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh ia-itu Menteri Besar Kelantan patut-lah ishtiharkan perkara ini, terangkan kapada ra’ayat negeri Kelantan terutama sa-kali dan ra’ayat negeri lain dan Kerajaan Pusat juga apa sa-benar-nya berlaku supaya kita tahu dengan jelas-nya apa dia perjanjian itu, sebab, saperti saya kata tadi, ini-lah kawasan yang terbaik sa-kali dalam negeri Kelantan dan jika saperti Ahli Yang Berhormat daripada Bachok berkata berkehendakkan ranchangan F.L.D.A. di-jalankan di-negeri Kelantan ini-lah sahaja tempat yang ada lagi tinggal yang boleh di-jayakan di-negeri Kelantan itu. Begitu juga dalam kawasan ini, jalan raya dari pantai barat ka-pantai timor akan dilalui dan kemajuan² yang besar dapat di-jalankan di-situ, tetapi kalau tanah

itu telah di-pajak kepada orang asing tentu-lah ra'ayat negeri Kelantan khususnya tidak akan dapat faedah daripada tanah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saperti saya katakan tadi oleh Ahli Yang Berhormat berkata hendak-lah kita adakan satu sistem iktisad yang baharu, kiki sistem penjajah. Saya suka terangkan bahawa Rancangan Pembangunan Luar Bandar kita ia-lah satu sistem iktisad yang baharu. Pada masa penjajah dahulu mana ada Rancangan Pembangunan Luar Bandar, mana ada ranchangan besaran² yang di-jalankan untuk menolong ra'ayat yang dudok di-luar bandar dan bagitu juga ranchangan² yang kita buat di-bandar² itu berlainan-lah daripada ranchangan yang diperbuat pada masa penjajah dahulu.

Kata Ahli Yang Berhormat juga kalau kita biarkan iktisad atau pun pemodal² di-bandar² itu kata-nya terbang macham layang² dengan bebas-nya, ini akan mengechiwakkan ranchangan² kita hendak membaiki iktisad ra'ayat di-luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan bahawa Kerajaan Pusat—Kerajaan Perikatan—sa-belum melancarkan ranchangan² pembangunan, terutama sa-kali Rancangan Pembangunan Luar Bandar, telah memberi timbangan dan penyelidekan yang sa-dalam²-nya. Saya bukan-lah sa-orang pakar ekonomi tetapi saya sama bersekolah dengan Professor Engku Aziz belajar element of economics, sama sa-bangku, sama sa-darjah dengan Professor Engku Aziz; tetapi dia sudah jadi Professor, saya bukan-lah Professor tetapi saya tahu element of economics—saya faham. Jadi dalam hal iktisad ini kita bukan boleh macham kata Ahli Yang Berhormat dari Baling tadi pakai theory sahaja buat plan atas kertas. Hendak buat plan dalam kertas itu senang, siapa pun boleh buat, tidak payah buat plan, tetapi yang kita hendak ini plan yang boleh di-jayakan mendapat hasil yang sa-benar²-nya di-terima dan di-sokong oleh ra'ayat. Jadi dalam hal ini—dalam menjalankan dasar membaiki iktisad ra'ayat, mustahak kita fikirkan daripada semua segi bukan daripada segi iktisad sahaja, segi psychology, segi chara-nya ranchangan ini dapat kejayaan.

Jadi Kerajaan Pusat—Kerajaan Perikatan—sa-belum melancarkan Rancangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua—Ranchangan Pembangunan Luar Bandar—telah fikirkan perkara ini dengan halus-nya bagaimana kita dapat lancharkan ranchangan ini supaya, terutama sa-kali, di-terima, di-sokong oleh ra'ayat dan yang kedua dapat membangunkan semangat ra'ayat untuk bersama² menolong Kerajaan, memberi kerjasama supaya membena taraf hidup mereka itu. Jadi dengan sebab itu saya telah terangkan Rancangan Pembangunan Luar Bandar ini kita telah jalankan mengikut beberapa tingkatan. Tingkatan yang pertama kita atorkan jentera pentadbiran dan Kerajaan menjalankan ranchangan menolong ra'ayat saperti jalan raya, perbekalan ayer, lampu electric, tempat berubat, sekolah, supaya ra'ayat sendiri faham Kerajaan sa-benar² hendak menolong ra'ayat dan dengan itu kita dapat tarek keperchayaan ra'ayat kapada Kerajaan—kapada ranchangan² Kerajaan sebab ra'ayat di-kampung² telah lama terbiar, berpuluh² tahun dibawah penjajahan, terbiar tidak di-beri satu pun pertolongan. Jadi mereka itu tidak nampak sa-suatu perkara itu melainkan kita tunjok dengan terang-nya yang Kerajaan itu sa-benar² dengan ikhlas hendak menolong mereka itu. Dengan sebab itu kita mulakan dengan ranchangan² yang saya sebutkan tadi, membenakan jalan raya, berikan kemudahan² hidup yang berpatutan. Salepas daripada itu kita telah berseru kapada ra'ayat bahawa mustahak-lah mereka sendiri memberi kerjasama kapada Kerajaan. Sekarang Kerajaan telah menolong mereka itu, jadi mustahak-lah mereka itu menolong Kerajaan memberi kerjasama di-sebabkan didalam Ranchangan Penyudah Negara ini melainkan ada kerjasama yang sa-penoh antara Kerajaan dengan ra'ayat kita, tidak akan dapat hasil yang sa-penoh²-nya. Itu tingkatan yang kedua. Tingkatan yang ketiga, saya sebutkan tadi, kita baharu masok ka-tingkatan yang ketiga ia-itu rakan saya Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama sedang menyediakan Rang Undang² untuk hendak menubuhkan satu Lembaga Pasaran. Ini-lah barangkali yang di-sebutkan

oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh yang dia kata, "Autonomy bagi Co-operatives". Saya pun tidak faham apa dia ma'ana autonomy bagi co-operatives itu. Tetapi ini-lah dia ranchangan yang kita sedang jalankan ia-itu hendak adakan Lembaga Pasaran atau Marketing Authority yang akan di-beri tugas untuk mengadakan chara pasaran yang sempurna bagi ra'ayat luar bandar mendapat hasil yang sa-penoh daripada barang² keluaran mereka itu.

Tingkatan yang keempat ia-lah kita akan menjalankan ranchangan untuk membangunkan iktisad ra'ayat di-kampong², untuk menolong ra'ayat di-luar bandar, supaya dapat mengambil bahagian yang lebeh sempurna lagi dalam lapangan perniagaan dalam iktisad negara kita. Jadi itu-lah sebab yang saya kata dari satu masa ka-satu masa kita semak perkara ini, kita berpindah dari sa-tingkat ka-sa-tingkat, supaya kita menjamin kehasilan dengan memuaskan hati.

Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Puteh menhadangkan patut di-adakan Commission (Surohanjaya) supaya hendak siasat keadaan iktisad. Saya kata, kita, tuan² Ahli² Yang Berhormat, yang datang dari luar bandar tahu keadaan di-luar bandar, faham keadaan di-luar bandar, Ahli Yang Berhormat yang dia ra'ayat tahu perkara ini, saya fikir tidak payah lagi-lah Commission, kita sudah banyak buat Commission. Pada masa penjajah dahulu beberapa banyak jawatan-kuasa sudah di-buat, sudah itu ada lagi jawatan-kuasa yang di-buat, tetapi bila ada Penyata daripada Jawatan-kuasa, bukan saya kata tidak bagus Penyata itu, sa-tengah²-nya bagus, tetapi bila hendak di-jalankan ada beberapa-lah kesukaran². Jadi pada fikiran saya yang lebeh baik sekali ia-lah kita adakan satu Lembaga, yang saya sebutkan tadi ia-itu RIDA ini hendak di-beri nama yang baharu kerana hendak di-beri tugas khas bagi lapangan ini dan di-situ hendak di-taroh Ahli² atau pun sa-tengah² daripada Wakil Ra'ayat kita yang berpengalaman dalam hal iktisad luar bandar ini, di-taroh menjadi Ahli Lembaga itu supaya dapat menentukan dasar² yang hendak di-jalankan dan Lembaga itu

akan di-sokong oleh pakar² dalam semua lapangan. Jadi dengan itu dapatlah Lembaga itu mengatorkan dasarnya daripada satu masa ka-satu masa dan menjalankan dasar itu dengan menyemak, menyelidek daripada sahari ka-sahari. Jadi kita tahu, saya kata, keadaan di-kampong², keadaan di-luar bandar, kita tahu penyakit² yang ada pada penduduk luar bandar dalam lapangan iktisad. Tetapi dengan itu kita kena-lah chuba beberapa chara, kita chuba berjalan, saya kata, dengan daripada sa-tapak ka-satapak, supaya sa-benar² kita mendapat hasil dengan sa-penoh²-nya dalam lapangan ini.

Jadi itu-lah dia yang saya katakan, chadangan Kerajaan pada hari ini, kalau kita hendak adakan lagi Committee (Surohanjaya) beberapa tahun kita bercommittee sahaja, hasilan dan kejayaan-nya tidak dapat di-sampaikan kepada ra'ayat. Jadi itu-lah chadangan Kerajaan dalam hal ini, saperti saya sebutkan tadi, kita tidak boleh berdiri di-atas theory. Banyak ada theory tetapi yang kita hendak itu ia-lah ranchangan² yang boleh mendatangkan hasil dan mustahak dalam perkara yang sulit sa-macham ini, yang mustahak dan penting sa-macham ini. Kita berjalan dari sa-tapak ka-satapak dengan memberi sa-penoh² kejayaan kepada ra'ayat. Jadi saya telah sebutkan dahulu, kalau siapa²-lah hendak berchakap, hendak menyebut theory dalam hal hendak membangunkan iktisad ra'ayat di-luar bandar, saya tidak terima theory. Kalau hendak berchakap tunjukkan kehasilan, kata orang puteh tunjukkan result baharu boleh berchakap (*Tepok*).

Pembangunan Luar Bandar kita empat tahun yang lalu sudah menunjukkan kehasilan², kejayaan kepada penduduk² di-luar bandar, tetapi tentu-lah pekerjaan kita belum-lah sempurna lagi. Kita baharu sampai tingkatan yang kedua, kita baharu masuk katingkatan yang ketiga lepas itu katingkatan yang keempat dan kelima dan entah berapa tingkatan lagi yang akan datang. Ini kita baharu mula empat tahun sedangkan kita boleh memperbaiki iktisad ra'ayat dalam masa empat tahun tetapi dalam empat tahun ini kita telah dapat kejayaan yang memuaskan

hati dan kita harap kemudian daripada itu kita akan berjalan sa-tapak ka-satapak menambahkan lagi kejayaan² kita itu supaya kita dapat sempurnakan hasrat² dan kehendak ra'ayat dan supaya kita dapat memperbaiki keadaan iktisad ra'ayat di-luar bandar dengan memberi sa-penoh² puas hati kepada mereka itu. Jadi Kerajaan bukan sahaja hendak memandang kepada beberapa orang yang boleh mengambil bahagian dalam lapangan perniagaan di-bandar² bahkan Kerajaan terpaksa memandangkan kepada keseluruhan ra'ayat yang dudok di-luar bandar. Sa-tengah² mereka itu di-beri latehan supaya dapat mengambil bahagian dalam perniagaan dan sa-tengah daripada mereka itu terpaksa kita beri pertolongan untuk mendapatkan mata pencharian yang lebeh besar dan lebeh luas. Jadi dengan itu-lah daripada sahari ka-sahari kita dapat meninggikan taraf hidup sa-bahagian besar daripada ra'ayat yang dudok di-luar bandar.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu-lah yang sa-benar-nya ranchangan dan dasar perjalanan kita, perjalanan Kerajaan, dalam lapangan iktisad, lapangan membangunkan iktisad ra'ayat di-luar bandar ini dan saperti rakan saya Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memberi akuan kepada Dewan ini, bahawa dalam lapangan membangunkan iktisad ra'ayat di-luar bandar ini, wang tidak menjadi masaalah. Jadi Kerajaan berazam hendak menjayakan ranchangan ini dengan sa-berapa yang boleh. Kerajaan berazam yang saya sebutkan hendak menumpukan sa-penoh² tenaga untuk memperbaiki iktisad ra'ayat di-luar bandar ini supaya ra'ayat di-luar bandar itu dapat mempunyai keadaan taraf hidup yang lebeh baik dan lebeh sempurna daripada yang ada pada hari ini dan dapat mengambil bahagian yang sewajar, yang sa-patut-nya, dalam perniagaan, dalam iktisad negara kita ini.

Sekian-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kaseh. (*Tepok*).

Question put, and agreed to.

House immediately resolved itself into a Committee of the whole House.

Development Estimates, 1965, considered in Committee.

(Mr Speaker in the Chair)

Head 100 and Head 205—

Mr Chairman: I propose that the expenditure shown under Head 100 of the Development Estimates, 1965, be approved.

The Minister of Home Affairs and Minister of Justice (Dato' Dr Ismail): Mr Chairman, Sir, with your permission I would like to take Head 100—Judicial, Malaya, and Head 205—Judicial, Singapore. I will deal with Head 100 first.

Head 100—

I regret I am not in a position to give the House much cause for exhilaration, as what has been accomplished so far would appear to be not very much, where much has been expected of my Ministry by way of building new Court Houses throughout the country to replace the present archaic and out-moded and incommodious structures which presently serve as Court Houses throughout the country. It will be noted that a total of one million dollars was provided under the Second Five-Year Development Plan for my Ministry and this sum has had to be increased by almost half due to increase in the cost of materials and the necessity for employing a private Architect in one instance, as the Public Works Department was not in a position to provide technical assistance. Of this \$1½ million, a sum of \$560,000 for the Kota Bharu Court House remains unspent. This project has been deferred to the First Malaysia Development Plan. Thus Honourable Members will observe that we were able to build only six Court Houses as follows:

- (i) Kangar
- (ii) Grik
- (iii) Jerantut
- (iv) Kluang
- (v) Selama
- (vi) Kuala Brang

Save for Kangar, the rest of the Court Houses form part of other State

Government Buildings and were paid for from the Development Estimates.

A sum of \$213,832 is budgeted under Head 100—Judicial for the continuation of two projects; one at Kuala Trengganu and the other at Klang which are in the course of construction and are expected to be completed by the end of the year or at the latest by early next year.

The only project that will be commenced during 1965 is the Court House at Kuala Selangor. It is hoped that the building will be completed by the end of 1965.

Kota Bharu Court House: This project was from the outset included in the Second Five-Year Development Plan. The site has been acquired from the State Government at a cost of \$29,850.90 and plans are ready. However, in considering priorities for 1965 this project was deferred to the next Five-Year Development Plan 1966-1970.

This, therefore, in short is the record of the Development Plan for Malaya of my Ministry up to now.

Head 205—

Mr Chairman, Sir, I will now deal with Head 205—Judicial, Singapore, Sub-head 1. A provision of \$70,000 is sought for the conversion of an existing office into a new Court House (Court No. 8) in the High Court Building. This is in fact a revote for the same provision, which, as Honourable Members are aware, was approved and included under Head 205, Sub-head 1 of the Development Estimates, 1964. It was anticipated that the First Industrial Arbitration Court housed in the High Court Building since its inception would, this year, be rehoused elsewhere and it was the intention that the space occupied by the Court when vacated would, with the necessary alterations and renovations, be converted into a new Court House. There is as yet, however, no indication that the First Industrial Arbitration Court will be rehoused elsewhere this year, and it is therefore necessary that the provision of \$70,000 be revoted.

Under Sub-head 2 of the same Head, a token provision of \$10 is sought for the construction of a new building to house the Subordinate Courts of Singapore. The existing building, housing the Criminal District and Magistrates' Courts at South Bridge Road, due to its age (80 years), is now dilapidated. I should perhaps, inform Honourable Members that a Sub-Committee of the Singapore Bar Committee appointed to investigate the conditions in these Courts affecting Advocates and Solicitors practising there reported on 28-8-63 that—and I quote—"This building is suitable for little else than as an ancient monument. The 6th, 7th, 8th and 10th Magistrates' Courts operate under great difficulties and it is high time they were closed. Justice cannot be properly administered in the conditions under which they work. The remainder of the Courts in this building also leaves much to be desired."

Again, in April this year, the Senior Executive Engineer and the Senior Architect (Works and Buildings) of the Public Works Department, Singapore, carried out a joint inspection of the 6th Magistrate's Court which is housed on the first floor in the front portion of the building. This place originally designed as a balcony was some years ago converted into a Court. The above-mentioned officers have reported that they were of the opinion that, I quote, "the balcony is unsafe to be used for the present Sixth Court" as the Court Room was slanting heavily on one side. As a result, the Honourable the Chief Justice ordered that this Court be closed.

The 8th and 10th Magistrates' Courts which are housed behind the main building in two separate hot, and noisy dusty wooden huts constructed during the British Military Administration are eyesores. Justice ought not to be dispensed within slum conditions. The noisy surroundings and the continuous roar of traffic pervading through these Courts make them quite unsuitable to be used as Court Houses. I am sure Honourable Members will agree that it is not in the public interest that the

administration of justice should be dispensed within them.

The number of cases heard before the Criminal District and Magistrates' Courts has increased considerably as a result of the Criminal Procedure Code having been amended in 1960 to give increased jurisdiction to District Judges exercising criminal jurisdiction and to Magistrates. Honourable Members will no doubt agree that with the closing of the 6th Magistrate's Court, and the general increase in crime as a result of the increase in population, the time will come when criminal cases will take a longer period before they are disposed of unless additional Courts are built.

The Civil District Court Building at Empress Place is also an old building. It is situated alongside the Singapore River where there is heavy traffic, particularly lorries loading and unloading cargo. The Court Building is not air-conditioned nor sound-proof, and here again, the noise from the heavy traffic is most disturbing to the District Judges in disposing of cases that come up for hearing before them. Further, the Magistrate's Maintenance Court and the Juvenile Court, being temporarily housed in this building, has created a cramped and congested state of occupancy of this building. With the proposed increase in the jurisdiction of the Civil District Courts from \$1,000 to \$2,000 to bring these Courts in line with the Sessions Courts in Malaya, Honourable Members will agree that the volume of work will double itself, necessitating additional Courts to cope with the increased volume of work.

At present the Subordinate Courts are in three separate buildings scattered over three places—the Criminal District and Magistrates' Courts at South Bridge Road, the Traffic Courts at Sepoy Lines and the Civil District Courts at Empress Place.

It is submitted, therefore, that in the public interest and for the proper administration of justice, a multi-storey building should be erected at the present site of the Criminal District and Magistrates' Courts (which includes the Traffic Courts) of Singapore to be known as the "Subordinate Courts" of

Singapore. A token vote of \$10 is therefore sought, so that action can be initiated in 1965 on this project.

Sir, I beg to move.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, di-bawah Kepala 100 ini, saya rasa bukan saya sahaja yang menerima kaseh, tetapi Ahli Yang Berhormat dari Kelantan Ulu juga akan menerima kaseh di-atas pembangunan bangunan Mahkamah Kota Bharu, muga² banyak-lah orang² PAS di-sana dapat di-biharakan dan di-keluarkan lekas sedikit dari jel itu. Ada pun yang saya hendak berchakap ini, Tuan Pengerusi, ia-itu Kepala 205 ya'ani berkenaan dengan Singapura.

Nampak-nya persiapan² bagi memodenkan mahkamah² itu sampai-lah kapada had yang pernah saya katakan dalam Dewan ini supaya di-adakan persiapan² yang sa-macham itu, malah bukan sahaja sound-proof tetapi pembesar suara keluar pun kalau boleh patut di-adakan. Apa yang saya hendak sebutkan di-sini ia-itu kalau-lah berdasarkan kapada apa yang di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa dengan bertambah-nya population akan bertambah ragam dan akan bertambah-nya kesalahan² jenayah, saya mengeshorkan kapada Yang Berhormat Menteri supaya di-adakan, di-antara mahkamah² yang di-buat itu, satu mahkamah yang istimewa yang mempunyai dinding bullet-proof supaya Hakim² itu terkawal. Sebab saya tahu di-Singapura mengikut satu majallah—saya tidak bawa di-sini—majallah Commonwealth mengatakan bahawa tugas keamanan dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Malaysia ini ia-lah menjaga subversive dan aggression dalam Singapura. Jadi, kalau boleh di-adakan bilek bullet-proof itu, saya rasa Menteri akan memberi jaminan yang lebeh banyak lagi kapada keamanan negeri ini.

Dato' Nik Ahmad Kamil (Kota Bharu Hilir): Tuan Pengerusi, saya berharap benar dahulu bahawa mendirikan rumah² mahkamah baharu di-bandar Kota Bharu itu boleh di-mula² pada tahun hadapan ia-itu tahun 1965, tetapi kerana sebab² yang tertentu

tidak boleh di-lansongkan. Saya sukacita mendengar akuan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa ranchangan ini akan di-masokkan di-bawah ranchangan Kemajuan Malaysia yang Pertama mulai dalam tahun 1966. Jika begitu, saya minta dan berharap-lah di-mulakan ranchangan itu pada tahun yang pertama daripada ranchangan Malaysia itu, sebab ranchangan hendak mendirikan rumah² mahkamah baharu di-bandar Kota Bharu itu, kalau saya tidak salah ingatan, telah di-bahathkan waktu saya menjadi Menteri Besar disana dahulu lagi, tetapi ma'alum pada waktu itu Kerajaan Negeri pun tidak ada wang, jadi tidak boleh kita jalankan. Jadi, oleh sebab mahkamah ini ia-lah satu daripada bangunan yang ra'ayat tumpukan pandangan di-mana tempat di-tadbirkan ke'adilan, maka elok-lah dan telah sampai masa-nya jika kita adakan satu rumah yang menasabah. Jadi, saya berharap benar kapada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tolong timbangkan di-ada atau di-mula mendirikan rumah mahkamah baharu ini pada tahun yang pertama di-bawah Ranchangan Kemajuan Malaysia kelak. Terima kaseh.

Datin Fatimah binti Haji Hashim (Jitra-Padang Terap): Tuan Pengerusi, berchakap berkenaan dengan Kementerian Kehakiman ini saya hendak berchakap Pechahan Kepala 4—Court Houses. Dalam perkara ini pernah tiga tahun dahulu saya memohon supaya Kementerian ini dapat membaiki keadaan bangunan Mahkamah² Kechil yang ada di-daerah² dalam Negeri ini, kerana saya memandang mahkamah² ini ada-lah sa-buah tempat menjatuhkan satu² hukuman atau menjalankan ke'adilan, dengan itu tentu-lah kita berkehendakkan tempat atau bangunan itu dengan keadaan yang sihat, aman dan sa-bagai-nya. Tetapi, Tuan Pengerusi, permohonan saya itu sa-hingga hari ini saya dapati maseh banyak lagi Mahkamah² Besar atau Kechil yang belum dapat di-baiki sa-bagaimana yang saya mohonkan itu, saperti kawasan saya di-Kuala Nerang di-daerah itu ada sa-buah Mahkamah kechil yang sangat menyedehkan. Saya harap dengan permohonan kali yang kedua ini Kementerian ini akan dapat

membuat penyiasatan dan membaikinya, sebab sa-bagaimana saya katakan tadi bangunan itu ada-lah tempat kita menjatuhkan satu² hukuman atau menjalankan ke'adilan.

Sa-lain daripada membaiki keadaan² itu saya memohon juga supaya Kementerian ini dapat membaiki tempat² bilek rehat atau pun tempat saksi² menunggu. Ini perlu juga kita baiki atau kita adakan, kerana saksi² itu ada-lah orang yang bekerja sukarela hadir untuk memberi pendapat²-nya sa-bagai saksi. Sa-kian-lah sahaja. Terima kaseh.

Enche' Mohamed Zahir bin Haji Ismail (Sungei Patani): Tuan Pengerusi, saya menyokong ucapan Ahli Yang Berhormat yang baharu berchakap sa-kejap tadi berkenaan dengan kedudukan rumah² mahkamah. Pada pandangan saya rumah² mahkamah yang di-buat dahulu itu besar, tetapi yang baharu di-buat sekarang, sa-bagaimana yang saya nampak di-Perlis, rumah itu sangat kechil, sa-hingga kalau banyak sedikit orang dudok, tidak muat dan bangku yang di-ator di-belakang meja atau di-hadapan Hakim itu saya rasa ada 3-4 sahaja. Jadi, kalau sa-kira-nya ada case yang seronok orang penoh di-sekeliling tempat itu dan mereka tengok dari tingkap dan lain². Begitu juga, rumah² yang di-buat di-Gurun dan di-Sik dan Kuala Nerang, sa-bagaimana yang di-sebutkan itu, terlampau kechil. Jadi, kalau sa-kira-nya kita perbesarkan tempat itu supaya orang ramai boleh melihat perbicharaan itu, kerana bichara itu ia-lah public hearing. Jadi patut-lah kita benarkan orang ramai masok mendengar. Kalau sa-kira-nya terlampau cram sangat dan kadang² hendak menjalankan perbicharaan pun sangat²-lah susah.

Sa-perkara lagi yang saya hendak berchakap bersangkut-paut dengan kuasa² yang di-beri kapada Mahkamah Besar pada masa sekarang ini nampaknya banyak sangat kuasa² di-beri kapada Mahkamah Besar, sa-hingga kerja² yang di-bahagi kapada Mahkamah Besar itu terlampau banyak, dan pada masa sekarang ini sa-tahu saya satu case sampai 1-2 tahun baharu boleh di-bicharakan dalam

Mahkamah Besar. Kuasa² itu kita boleh lihat di-dalam Jadual Yang Kedua di-bawah Court Ordinance, 1948 dan kuasa² yang lain hanya sedikit yang di-bahagikan kepada Mahkamah Tengah dan juga kepada Mahkamah Kechil (Magistrate's Court). Kuasa², umpama-nya, bersangkut-paut dengan immovable property, specific performance, decision of contract, injunction, cancellation or ratification of instruments, trust, declaratory orders, matters relating to estate of deceased persons, yang ini bukan main banyak. Jadi, dalam Mahkamah Besar itu bertimbun² case, kadang² hendak bichara satu² benda itu sampai 2-3 tahun dan lagi pun apabila satu² benda yang berharga lebih daripada \$2,000 kesemua benda² itu kena di-bicarakan dalam Mahkamah Besar.

Jadi, saya rasa oleh sebab wang pada masa sekarang ini harga-nya jatuh dan patut kuasa itu sa-tengah² itu di-beri kepada Mahkamah Tengah atau pun Mahkamah Kechil dan kuasa Mahkamah Tengah patut-lah di-tambah sahingga, kata-lah, \$5,000 dengan kerana, Tuan Pengerusi, Hakim² Mahkamah Besar sedikit. Dalam negeri Kedah, umpama-nya, ada sa-orang dan ini termasuk negeri Perlis. Di-seluruh Pantai Timor ada sa-orang termasuk Kelantan, Trengganu dan Pahang. Tetapi President of Session Court itu ada banyak. Jadi patut kita beri dan serahkan kuasa ini sa-tengah kepada Mahkamah² Tengah supaya kerja² boleh di-cheptakan.

Tuan Pengerusi, rumah² macam mana bawah Section 30, Sub-section 3, jika sewa itu lebih daripada \$100 sabulan, kalau sa-kira-nya soal² bersangkut-paut dengan sewa rumah itu atau pun soal pelanggaran di-atas rumah itu kalau sewa itu \$100 ka-atas, maka benda itu kena bawa ka-Mahkamah Besar. Jadi, rumah² yang di-Petaling Jaya itu boleh di-katakan semua perkara yang bersangkut-paut dengan rumah di-sana kena pergi ka-Mahkamah Besar. Jadi, kerja di-Mahkamah Besar itu bukan main banyak. Jadi patut-lah kita bahagi sa-tengah²-nya itu kepada Mahkamah Tengah dan Kechil supaya kita boleh mencheptakan kerja²

dalam mahkamah supaya kita dapat memberi ke'adilan kepada ra'ayat.

Sa-perkara lagi saya suka hendak chakap ia-itu chara² hendak menjalankan kerja² dalam Mahkamah Besar itu susah—complicated—kerana kita menggunakan procedure ia-itu procedure orang puteh yang dalam White Book itu. Jadi kalau sa-kira-nya boleh kita—Rule Committee ini—fikirkan sedikit supaya jangan bagi susah kalau sa-kira-nya sa-takat \$2,000 ka-atas hendak bawa pergi ka-Mahkamah Besar

Dato' Dr Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman: Sir, on a point of order—S.O. 36 (1). I think we are debating on the Development Estimates and not on the policy of the Court. I am sorry to interrupt the Honourable Member. I am prepared to reply to him, but I think here we are just concerned with how many Court buildings we can build with the finance available.

Mr Speaker: Will the Honourable Member please confine his speech to the Development Estimates?

Enche' Mohd. Zahir bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, di-atas perkara ini hanya saya hendak berchakap sambil lalu sahaja-lah.

Mr Speaker: Ta' usah sambil lalu, masa kita berharga sangat.

Enche' Mohd. Zahir bin Haji Ismail: Jadi, saya tidak mahu hendak berchakap panjang, saya minta-lah supaya di-timbangan perkara ini.

Dato' Dr Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman: Atas shor Ahli Yang Berhormat dari Bachok hendak adakan bullet-proof rumah² ini, saya sudah tahu juga fasal Kuala Lumpur ini dan keadaan sana pun berkenaan dengan gangster ini tidak kurang-lah daripada negeri Kelantan sana. Jadi kalau hendak buat Mahkamah bullet-proof di-Singapura terpaksa di-buat di-Kelantan juga. Tetapi yang sa-benar-nya Mahkamah² ini tidak payah-lah kita adakan rumah² bullet-proof, kerana boleh di-katakan orang² yang menjalankan pentadbiran Justice itu ia-itu boleh di-katakan dalam bahasa Inggeris "occupational hazard", ma'ana-nya satu

daripada benda yang patut di-tang-gong-lah kalau dia terbunuh pun terbunuh-lah kerana dia hendak menjatuhkan hukuman, tetapi saya fikir dalam lain² negeri demokrasi tidak ada Mahkamah yang ada bullet-proof kerana kalau kita buat sekarang . . .

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Negeri Israel ada, dan kita pun ada perhubungan dengan dia, boleh jadi kita ikut dia.

Dato' Dr Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman: Jangan pula tuan suruh saya berhubung dengan Israel, kita tidak ada diplomatic relation dengan dia, jadi itu sahaja-lah.

Berkenaan dengan tegoran Ahli Yang Berhormat daripada Kota Bharu, Ahli² Yang Berhormat Jitra-Padang Terap, Sungai Patani, itu semua saya ambil ma'alumat tetapi, sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh Menteri Kewangan, duit yang ada pada Kerajaan Pusat ini begitu banyak sahaja yang kalau hendak di-bagi mengikut priority, sungguh pun saya sa-bagai Menteri Ke'adilan tentu-lah akan sa-berapa daya upaya akan meminta untuk Kementerian saya ini dan mana yang mustahak² akan di-timbangkan-lah. Jadi, kita harap-lah pada Development Plan tahun 1966 sampai tahun 1970 ini kita akan dapat lebih² kan sedikit lagi-lah kapada Kementerian Kehakiman daripada masa yang lalu.

Question put, and agreed to.

The sum of \$213,832 for Head 100 and the sum of \$70,010 for Head 205 agreed to stand part of the Development Estimates, 1965.

Head 101—

Mr Chairman: I propose that the expenditure shown under Head 101 of the Development Estimates, 1965 be approved.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, saya mengesahkan peruntukan sa-banyak \$445,030 bagi Kepala 101—Jabatan Perdana Menteri—jadi sa-bahagian daripada Estimates. Daripada angka ini sa-banyak \$335,030 ia-lah untuk Museum

Negara, \$10,000 untuk Pertubuhan Ranchangan Ekonomi—Economic Planning Organisation—dan \$100,000 ia-lah untuk tabong tambang menambang bagi barang² pembangunan yang di-bantukan kapada Malaysia di-bawah Ranchangan Colombo berjumlah \$445,030. Saya suka menerangkan berkenaan dengan perkara² ini kapada Majlis ini.

Pechahan Kepala 5, muka 6 Museum Negara \$335,030. Berkenaan dengan pembenaan Museum Negara saya suka memberi penerangan terlebih dahulu ia-lah peruntukan yang telah di-luluskan sa-hingga tahun 1964 ada-lah sa-bagai berikut: Peruntukan yang di-luluskan dalam tahun 1961 sa-banyak \$1,500,000; tambahan peruntukan yang di-luluskan dalam tahun 1962 ada-lah \$150,000; tambahan peruntukan yang di-luluskan dalam tahun 1964 kerana menjalankan kerja² di-masa hadapan bersabit dengan bangunan Museum ia-lah \$409,750; jumlah besar yang telah di-luluskan antara tahun 1961 hingga tahun 1965 ia-lah sa-banyak \$2,059,750. Daripada jumlah itu perbelanjaan² yang telah di-buat antara tahun 1961 dan tahun 1964 ia-lah sa-bagai berikut:

Tahun 1961	...	...	\$ 95,055
.. 1962	...	...	913,986
.. 1963	...	...	292,192
.. 1964	lebih kurang		423,487
Jumlah ...			\$1,724,720

Oleh yang demikian baki-nya daripada peruntukan² yang di-luluskan ia-lah sa-banyak \$335,030. Baki sa-banyak yang demikian itu-lah yang di-pohonkan bagi tahun 1965 untuk melaksanakan kerja² yang mustahak.

Berchakap dalam perkara Museum ini, suka saya menarek perhatian kapada siaran yang di-buat dalam *Utusan Melayu* pada hari ini berkenaan dengan perkara patong Frank Swettenham dan juga King George VII yang telah di-pindahkan daripada bangunan Secretariat Kuala Lumpur. Patong itu menurut berita-nya di-tempatkan istimewa lagi ia-itu dihadapan bangunan Museum Negara ini. Yang sa-benar-nya suka-lah saya

hendak menerangkan tujuan di-letakkan patong di-hadapan Museum itu ia-lah buat sementara minggu ini sahaja sementara menunggu foundation ia-itu asas untuk di-letakkan patong itu dalam bangunan Museum oleh kerana patong itu berat, jadi kena-lah di-buat foundation yang kemas kerana sekarang belum sempurna lagi; di-harap akan dapat di-sempurnakan dalam tempoh sa-minggu lagi. Saya berharap dengan penjelasan ini hilanglah kekeliruan yang bersabit daripada berita yang di-siarkan oleh surat khabar ini.

Berkenaan dengan Pechahan-kepala 8 muka 6—Economic Planning Organisation \$10,000. Bahagian Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri akan berpindah daripada tempatnya yang ada sekarang ini kepada sa-buah bangunan baharu pada penghujung tahun ini. Peruntukan sebanyak \$10,000 ada-lah di-kehendaki untuk menyediakan kelengkapan² yang mustahak untuk Central Registry—Pusat Pentadbiran-nya—dan untuk menyediakan tempat simpanan bagi kertas² sulit dan rahsia.

Pechahan-kepala 10 muka 6—Shipment of Capital Equipment under Colombo Plan \$100,000. Malaysia ada-lah menerima beberapa banyak bantuan daripada negeri² lain di-bawah Rancangan Colombo. Bagi perkakas²—barang² yang di-terima daripada Canada, Kerajaan Malaysia ada-lah di-kehendaki membayar harga tambang menambang kerana perkakas² dan barang² yang di-perbantukan oleh Kerajaan Canada kepada Malaysia. Oleh yang demikian peruntukan adalah di-pohonkan di-bawah Pechahan-kepala ini untuk tujuan itu dan juga untuk membayar duit insoran sa-kali. Senarai berkenaan dengan perkakas² dan barang² yang akan di-hadiahkan oleh Kerajaan Canada itu hanya dapat di-nyatakan oleh Kerajaan Canada dalam bulan Januari atau Februari tahun 1965. Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan.

Question put, and agreed to.

The sum of \$445,030 for Head 101 agreed to stand part of the Development Estimates, 1965.

Heads 103, 104, 105, 155 and 181—

Mr Chairman: I propose that the expenditure shown under Heads 103, 104, 105, 155 and 181 of the Development Estimates, 1965, be approved.

Enche' Senu bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya berchadang akan mengemukakan dengan serentak Kepala² 103, 104, 105, 155 dan 181 di-bawah Kementerian Penerangan dan Penyiaran.

Tuan, dengan hormat-nya saya mengemukakan perbelanjaan pembangunan yang di-tunjok di-bawah Kepala² tersebut yang berjumlah \$12,579,956 supaya di-luluskan.

Tuan Pengerusi, dengan bertambah hebat-nya pencherobohan di-lancarkan oleh Regime Jakarta terhadap kita, maka tanggungan dan kewajipan Kementerian ini menjadi berlipat ganda banyak-nya. Untuk membolehkan Kerajaan kita mematahkan segala di'ayah dan propaganda palsu yang di-suarakan oleh steshen² radio Indonesia dan di-samping itu menyedari ra'ayat kita atas mustahak-nya persefahaman dan bersatu padu tentang keadaan yang sa-benar-nya yang telah di-jalankan oleh Kerajaan di-lapangan kema-juan dan pembangunan demi kepentingan ra'ayat, maka sangat² mustahak bagi Kementerian ini mendirikan beberapa buah steshen² tambahan bagi radio dan talivishen di-beberapa tempat lagi di-Malaysia.

Di-Tanah Melayu sahaja, lebih kurang 80% dari penduduk²-nya sekarang telah dapat menikmati siaran² yang terang dan tidak terganggu dari pancharan gelombang sederhana. Hanya tinggal 20% sahaja yang terpaksa mengikuti siaran² kita dari gelombang pendek. Siaran² dari gelombang pendek sudah tentu tidak begitu memuaskan oleh kerana adanya gangguan² seperti siaran² yang kita dapat dari steshen² seberang laut. Oleh itu ada-lah menjadi kewajipan Kementerian ini bagi mengatasi kedudukan yang tersebut dengan mengadakan lebih banyak lagi steshen² pemancar supaya seluruh ra'ayat di-Malaysia dapat mengikuti siaran² dari

radio-nya menerusi gelombang sederhana sahaja. Di-Sarawak dan Sabah, akan di-dirikan lebeh banyak lagi steshen² radio oleh kerana pada masa ini di-sana siaran² dari gelombang sederhana belum lagi begitu meluas.

Penyiaran talivishen telah di-mula di-Tanah Melayu pada bulan Disember 1963 dan di-Singapura pula pada bulan April 1963 juga. Pada masa ini kita telah ada mempunyai 5 buah steshen² penyambung dan 5 buah steshen² lagi sedang di-bena di-Pantai Barat. Ada-lah juga menjadi dasar Kementerian ini bukan sahaja hendak memberi kemudahan ini kepada ra'ayat di-seluruh Tanah Melayu tetapi juga di-Sarawak dan Sabah. Perbelanjaan yang di-chadangkan pada tahun hadapan ini ada-lah di-buat sa-telah menimbangkan ranchangan² yang saya sebutkan sa-bentar tadi. Tuan, sekarang benarkan-lah saya menerangkan keperluan Jabatan² di-bawah Kementerian saya satu persatu-nya.

JABATAN RADIO

Ada-lah di-ranchangkan hendak mendirikan beberapa steshen² pemanchar gelombang sederhana pada tahun depan di-Kuantan, Kuala Trengganu dan Ipoh. Steshen di-Ipoh akan di-jadikan juga steshen daerah. Di-steshen Kuala Trengganu juga akan di-adakan kemudahan² bagi menjadikan-nya sa-bagai sa-buah steshen daerah pada satu masa kelak. Sa-buah steshen penerimaan (atau monitoring receiver station) dan steshen untuk perkhidmatan seberang laut ada-lah sedang di-dalam pembenaan dekat Kuala Lumpur pada masa ini. Steshen penerimaan itu akan membolehkan kita menerima ranchangan² dari steshen² luar negeri. Juga kita boleh mengikuti siaran² dari Bangsa² Bersatu dan lain² steshen untuk kita siarkan balek menerusi radio kita. Dengan ada-nya steshen perkhidmatan seberang laut pula dapat-lah kita dengan tegas menyuarakan perasaan², pandangan² dan pendirian kita ka-negeri² Africa, Timor Tengah, Asia dan hingga ka-New Zealand di-selatan juga.

Projek yang terbesar yang akan kita selenggarakan ia-itu mendirikan sa-

buah Pusat Penyiaran di-Lembah Pantai. Di-Pusat Penyiaran ini-lah kelak segala alat² dan kemudahan² radio bagi perkhidmatan tempatan, perkhidmatan ka-sekolah² dan perkhidmatan seberang laut serta studio² talivishen akan di-tempatkan. Lain² alat serta kemudahan untuk menjadikan pusat ini satu Pusat Penyiaran yang lengkap akan di-adakan juga di-kawasan yang tersebut.

JABATAN TALIVISHEN

Ranchangan Talivishen untuk Kuala Lumpur yang di-tunjukkan pada Kepala 104 Kepala-kecil² 1 (iii) ada-lah sa-bahagian dari ranchangan Pusat Penyiaran di-Lembah Pantai yang saya sebut tadi. Sunggoh pun telah ada beberapa steshen² talivishen yang telah siap di-bena di-Pantai Barat, ranchangan untuk meluaskan lagi perkhidmatan Talivishen ka-seluruh Pantai Barat sedang di-usahakan. Lima buah steshen² lagi sedang di-dalam pembenaan. Apabila steshen² ini siap kelak seluruh Pantai Barat akan dapat menikmati talivishen dengan baik. Satu ranchangan untuk membolehkan penukaran siaran² di-antara Singapura dengan kita akan juga di-buat. Ranchangan talivishen untuk Pantai Timor ada-lah juga di-dalam kajian dan begitu juga bagi Sarawak dan Sabah akan di-masokkan di-dalam Ranchangan Malaysia yang pertama.

JABATAN PENERANGAN

Studio² Filem Negara di-Petaling Jaya sudah pun hampir siap dan peruntukan sa-banyak \$716,269 akan di-belanjakan pada tahun depan untuk menyiapkan projek ini. Ada-lah juga di-chadangkan hendak berdiri sa-buah bangunan tata ra'ayat di-Petaling Jaya. Tapak untuk bangunan ini telah pun di-beli dan kerja untuk mendirikan-nya akan di-selenggarakan sa-lepas tahun 1965.

SABAH

Oleh kerana perkhidmatan penyiaran di-Sabah pada masa ini maseh lagi di-dalam peringkat permulaan, ada-lah penting bagi Kementerian ini, membetulkan kedudukan ini dengan

mendirikan beberapa buah steshen² diseluruh negeri. Peruntukan sa-banyak \$1,700,000 akan di-belanjakan untuk membena sa-buah steshen pemancar di-Jesselton, menambah studio² dan pejabat² baharu kepada steshen yang ada sekarang, dan juga untuk menyiapkan projek pemancar VHF/FM diatas Gunong Kinabalu. Apabila steshen di-Gunong Kinabalu ini siap kelak, kebanyakan penduduk² Sabah akan dapat mendengar siaran² radio yang lebeh baik lagi apabila mengikuti ranchangan² biasa yang di-pancharkan melalui gelombang pendek dari Jesselton.

Sa-bagai tambahan kepada kemajuan² di-dalam meluaskan perkhidmatan penyiaran di-Sabah, steshen² pemancar gelombang sederhana akan di-dirikan di-Sandakan, Tawau, Lahad Datu dan Kudat. Kerja telah juga dimula² untuk membena sa-buah steshen penerima di-Jesselton. Ranchangan untuk mengadakan talivishen di-Sabah juga sedang di-buat dan adalah di-harap peruntukan yang perlu akan dapat di-adakan untuk tujuan ini tidak lama lagi.

SARAWAK

Sa-jumlah \$650,000 telah di-sediakan untuk Sarawak bagi tahun 1965. Peruntukan ini sa-bahagian besar-nya ia-lah untuk membuat sa-buah steshen pemancar baharu dekat Kuching. Kerja permulaan untuk membesarkan lagi Bangunan Penyiaran yang ada akan juga di-buat.

Persediaan² sedang juga di-buat untuk mendirikan sa-buah steshen pemancar di-Limbang pada tahun 1965. Ranchangan² pembangunan untuk mengadakan steshen² penyambong (relay station) di-bandar² yang penting saperti Sibu, Bintulu, Miri, Kapit dan Semanggang juga sedang di-uruskan. Steshen² radio di-dalam kawasan² yang tersebut ada-lah merupai sa-bahagian dari Ranchangan Malaysia Yang Pertama (First Malaysia Plan).

Pertimbangan bagi mengadakan talivishen di-Sarawak juga ada-lah di-dalam perhatian Kementerian saya

dan projek ini akan di-masokkan di-dalam salah satu ranchangan² pembangunan yang akan datang.

Tuan Pengerusi, dengan hormatnya saya kemukakan.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap atas Head 105—Pejabat Penerangan, ia-itu Sub-head 1—Film Unit Studios, Kuala Lumpur. Ini chuma saya hendak menyatakan ia-itu dalam Film Unit kita ini ada-lah sangat baik, chuma saya mengharapakan kepada Kementerian ini, ia-itu gambar² peristiwa pencherobohan—askar² Indonesia yang baharu mendarat dalam tanah ayer kita ini supaya dapat di-edarkan kepada seluruh panggong wayang dalam tanah ayer kita ini supaya dapat-lah ra'ayat kita mengetahui betapa kejam-nya pencheroboh² yang datang ka-tanah ayer kita ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, dalam belanjawan ini juga, ia-itu saya harap Kementerian ini hendak-lah mengedarkan gambar² Menteri Malaysia, Duta² yang baharu, ka-Pejabat² Daerah, di-Balai² Raya dan di-mana juga ada bangunan² Kerajaan, sebab pada hari ini, saya nampak gambar² Menteri Tanah Melayu dahulu ada di-sangkutan di-Pejabat² Kerajaan dan di-Balai² Raya, pada hal Menteri² itu ada yang telah meninggal dunia, ada Menteri² yang telah melompat pergi kepada Parti Kepala Lembu. Ini ada kita jumpa di-Jabatan² Kerajaan. Saya harap dengan kemurahan hati Yang Berhormat Menteri supaya mengambil ingatan dalam perkara ini. Terima kaseh.

Wan Mokhtar bin Ahmad (Kemanan): Tuan Pengerusi, dalam menyokong peruntukan bagi Kementerian Penerangan dan Penyiaran ini, saya suka menyentuh dua tiga perkara. Yang pertama Kepala 103 mengenai radio. Sa-bagaimana kita ketahui bahawa sa-nya dalam ranchangan radio, kita dapati sharahan² mengenai ekonomi, perusahaan dan ugama juga. Jadi, selama ini belum lagi segala sharahan² yang berupa ilmiah itu di-buku dan di-jualkan dengan harga yang murah bagi tatapan umum. Oleh itu, saya

berharap kepada pehak Kementerian supaya segala sharahan² dari segi ekonomi, perusahaan, pertanian supaya dibukukan dan di-jual dengan harga yang murah sa-bagaimana yang telah dibuat kepada kelas² dewasa yang mana buku yang berharga 50 sen di-jual dengan harga 10 sen supaya dapat orang ramai menatap dengan lebih berkesan lagi.

Berchakap mengenai Kepala 105—Penerangan. Pada masa yang akhir² ini, kita dapati bahawa sa-nya di'ayah² yang jahat telah sampai di-satengah² kampung yang mengatakan konon-nya orang² Indonesia yang mendarat itu ada memakai azimat, yang mereka tidak di-makan peluru dan dapat pula ghaib. Di'ayah² jahat yang sa-umpama ini ada-lah amat berkesan di-satengah² kampung. Oleh itu saya harap pehak Kementerian ini dapat membuat pameran yang menunjukkan gambar² orang² Indonesia yang telah di-tangkap, yang telah mati supaya dapat kita membuktikan kebenaran kepada orang² kampung supaya mereka itu mendapat penjelasan yang terang dari pehak Kementerian.

Kita maseh lagi terdapat di-satengah² Rumah Tumpangan, ia-itu Rest House, gambar² pembangunan yang berwarna warni, ia-itu pembangunan dari negara New Zealand dan Australia, pada hal sa-bagaimana yang kita tahu banyak pembangunan² yang telah di-jalankan di-dalam negara kita ini. Kenapa-kah gambar² itu tidak di-chetak, di-chap dan di-sebarkan supaya mengambil tempat di-tempat² yang penting, bagi mengatasi dan mengganti gambar² pembangunan luar negeri yang ada pada masa ini. Saya perchaya ini, boleh jadi kerana peruntukan tidak begitu banyak bagi Kementerian ini, dan saya rasa pada masa ini, ia-itu masa dharurat, patut-lah sa-besar² peruntukan di-beri kepada Kementerian ini, kerana kita perchaya dan kita patut memberi kepujian yang tinggi kepada Kementerian ini yang telah memainkan peranan yang penting dan memberi keyakinan kepada ra'ayat bahawa sa-nya kita di-pehak kebenaran dan semangat ini maseh berada di-dalam tiap² warganegara sa-bagaimana yang kita dapati pada hari ini,

dan kita perchaya, kita tetap menang dalam menghadapi confrontasi ini, walau pun pehak Indonesia mempunyai senjata yang banyak dan ra'ayat-nya ramai, tetapi kebenaran tetap mengatasi kekuatan. Terima kasih.

Datin Fatimah binti Haji Abdul Majid (Johor Bahru Timor): Tuan Pengerusi, di-dalam bahagian Jabatan Penerangan, Kepala 105, saya ingin merayu kepada pehak Kementerian yang berkenaan supaya dapat mengadakan Jabatan² Penerangan di-dalam negeri Johor yang mana saya mendapat tahu, ia-itu di-negeri Johor tidak ada Jabatan Penerangan, umpama-nya, di-Muar yang telah menggunakan setor P.W.D., Pontian—Majlis Bandaran, manakala daerah² yang lain hanya menggunakan satu meja sahaja dan sa-bagaimana yang kita tahu bahawa sa-nya Pejabat Penerangan ini mana orang yang datang daripada luar² negeri telah datang berjumpa dengan kakitangan Pejabat Penerangan ini untuk mendapatkan panduan² dan penerangan². Jadi, dengan chara tidak apa sahaja—ini ada-lah memalukan pehak Kerajaan kita, pada hal kita mesti tahu, ia-itu Pejabat Penerangan ini ada-lah satu pejabat yang paling penting terhadap dasar Kerajaan, dan juga kakitangan-nya ada-lah sa-bagai kakitangan yang terkanan pada Kerajaan untuk menerangkan tentang dasar² Kerajaan. Jadi, di-minta-lah supaya Pejabat Penerangan itu dapat-lah di-adakan, jangan-lah chuma hanya menumpang pada satu setor P.W.D. dan menumpang dengan mengadakan satu meja di-pejabat sahaja. Dengan ini saya harap supaya pehak Kementerian dapat mengambil perhatian. Sekian.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, Kementerian Penerangan ini, saya rasa sudah lama ada usaha² yang memberi harapan yang baik, chuma saya hendak berchakap sedikit sahaja—dua perkara, ia-itu saya masuk dalam library (khutub khanah) kita. Saya dapati satu buku yang menerangkan, barangkali dalam bahasa Melayu-nya saya ta' pernah berjumpa, dalam bahasa Inggeris-nya ada, ia-itu "Facts about Malaysia" kemudian di-terjemahkan ka-dalam bahasa Arab.

Di-dalam itu saya dapati ada satu paragraph yang saya rasa Yang Berhormat Menteri kita pun tidak begitu bersetuju, ia-itu di-maksudkan daripada majallah bahasa Arab itu tentu-lah hendak di-hantar ka-Afro-Asia dan untok mendapatkan peluang kita masok conference Afro-Asia di-Algeria sana, tetapi ada satu portion di-situ yang menerangkan kedudukan Masjid Negara yang asas-nya di-bena sa-paroh wang-nya daripada orang² yang bukan Islam, dan saya bimbang wang ini bukan sahaja daripada orang² yang bukan Islam yang menjadi warganegara di-sini, tetapi wang itu boleh jadi daripada luar, dan ini boleh menimbulkan sentiment di-negara² Arab itu bahawa masjid ini masjid dzirar, ia-itu masjid yang asas-nya lebeh banyak wang orang² bukan Islam daripada wang orang² Islam. Saya tidak mengatakan tidak boleh di-terima, tetapi asas-nya lebeh banyak wang itu. Ini satu perkara, kalau saya fikir risalah² ini di-bawa ka-negeri² Arab, ini akan menimbulkan satu perkara yang dahshat lagi pula, pada hal niat kita itu baik.

Yang kedua, sedikit sahaja, Tuan Pengerusi, saya minta Menteri kita ini tolong menyelesaikan satu perkara yang saya tidak begitu sedap hati sangat, ia-itu dalam satu siaran di-Pantai Timor, ya'ani berbual berkenaan dengan Pertandingan Qur'an dan dimasukkan di-dalam itu—saya yang menentang membacha Qur'an itu dipandang sa-bagai sa-orang yang murtad. Saya rasa siaran-nya itu tidak-lah patut, sebab dari segi hukum, maseh boleh lagi di-perdebatkan, dan saya rasa Menteri kita pun tidak mahu berdebat dengan saya dari segi hukum itu. Jadi, perkara² yang sa-macam ini, saya rasa, saya sayang kapada Menteri ini ada lapang dada dan lapang kepala, jadi saya rasa Menteri saya ini dapatlah tolong mengatasi kesulitan yang sa-macam itu.

Enche' Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Pengerusi, saya dengan sukachita-nya mengalu²kan peruntukan perbelanjaan yang telah di-bentangkan oleh Menteri Penerangan dan Penyiaran yang mana menurut penerangan² dan angka² di-sini ada-lah meyakinkan kita bahawa gerakan penerangan dalam

negeri ini dan seluroh Malaysia akan di-jalankan dengan bagitu luas dan melebar yang akan memberi sa-penoh² kepuasan kapada seluroh ra'ayat, bukan sahaja di-dalam bandar, tetapi juga di-kawasan² luar bandar.

Satu perkara lagi yang saya suka hendak sebutkan di-sini ia-lah berhubung dengan siaran talivishen. Saya ada juga menerima rungutan² daripada penduduk bukan daripada kawasan luar bandar tetapi dari kawasan dalam bandar yang belum lagi ada api letrik, yang mereka ini tidak dapat menikmati bersama² Ranchangan Luar Bandar. Jadi, di-minta pehak Kementerian yang berkenaan supaya mengingatkan atau pun bekerjasama dengan sa-penoh²-nya dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Local Government ini supaya mengadakan api letrik itu ka-dalam pekan.

Sa-lain daripada itu, saya ada menerima sungutan daripada penduduk kawasan luar bandar supaya siaran talivishen itu dapat di-siarkan lagi ka-kampong², tetapi apa yang di-kesalkan bahawa api letrik yang akan menjadi alat bagi mereka itu menyaksikan talivishen belum lagi di-pasang. Jadi di-minta pehak yang berkenaan supaya berhubung dengan pehak yang tersebut supaya pehak C.E.B. dapat memberi kerjasama dengan sa-penoh²-nya, bukan sahaja faedah-nya lampu letrik ini kapada orang atau penduduk² yang berkehendakkan atau menyaksikan talivishen, tetapi ada-lah juga berfaedah kapada penduduk kawasan luar bandar.

Sa-perkara lagi yang saya suka hendak sebutkan ia-lah berhubung siaran² akhbar atau majallah² ka-kampong². Saya rasa satu perkara ketinggalan yang tidak boleh di-abaiakan ia-itu siaran yang menerusi ka-sekolah², ka-kolej² dan kelas² dewasa.

Mr Chairman: Saya rasa itu luar daripada perkara yang di-bahathkan ini.

Enche' Othman bin Abdullah: Minta ma'af, Tuan Pengerusi. Saya hendak sebutkan sedikit kerana perkara ini mustahak dan pada masa membahathkan Development Estimates pada 'am tadi saya tidak dapat berchakap

Mr Chairman: Macham mana hendak di-timbangkan perkara itu, sekarang kita membahathkan perkara² yang tertentu. Kalau berchakap juga perkara itu membuang masa.

Enche' Othman bin Abdullah: Betul, Tuan Pengerusi, tetapi saya minta ma'af lagi sa-kali, kerana saya tidak dapat berchakap dalam perbahathan dasar 'am tadi

Mr Chairman: Proceed.

Enche' Othman bin Abdullah: Jadi, siaran akhbar atau penerangan yang lebih lanjut lagi perlu-lah di-beri kepada kanak² sekolah supaya perkara² ini melebar, terutama berhubung dengan Kawalan Kampong dan juga penerangan² berhubung tindakan yang zalim dan biadab dari pihak Indonesia kepada ra'ayat kita pada masa ini. Jadi, dengan ada-nya penerangan ka-sekolah² dan di-kelas² dewasa, maka penerangan² untuk menjaga diri dan juga persediaan² bagi sama² dapat bekerjasama menghapuskan tindakan jahat itu dapat di-laksanakan dengan sa-penoh-nya. Sakian-lah sahaja. Terima kaseh.

Datin Fatimah binti Haji Hashim (Jitra-Padang Terap): Tuan Pengerusi, berchakap dalam Head 105—Penerangan, saya mohon kepada Kementerian ini supaya, kalau tidak pada tahun ini pun pada tahun hadapan, dapat mengadakan peruntukan yang lebih supaya membolehkan kepada daerah² yang ramai penduduk-nya dapat di-untokkan khas sa-buah van penerangan. Kita semua tahu penerangan² amat-lah mustahak, terutama dengan keadaan negeri kita ini sekarang, saperti-lah daerah Kubang Pasu di-mana kawasan Menteri Penerangan itu sendiri mempunyai penduduk-nya ada lebih kurang 100,000 orang, tetapi tidak ada mempunyai sa-buah mobile khas bagi daerah tersebut untuk di-tugas memberi penerangan² dan menunjukkan tayangan gambar terhadap penduduk di-daerah tersebut.

Berchakap berkenaan dengan Film Unit, saya juga suka memberitahu Kementerian ini jangan-lah selalu hendak-nya mengecil²kan atau menganakirikan daerah² yang jauh

daripada pandangan Menteri. Kalau kami ada memohon supaya Film Unit datang ka-tempat kami saperti daerah di-Kubang Pasu sana, sa-masa kami mengadakan perarakan Minggu Berjaya, sa-bagai sa-buah daerah (bukan-lah sa-buah negeri) berasa bangga telah dapat menghim-punkan manusia sa-banyak 20,000 lebih laki² dan perempuan tetapi keinginan kami supaya perarakan kami itu dapat di-filamkan untuk tayangan kelak atau pun dengan chara di-ambil gambar-nya perarakan tersebut maka supaya dapat-lah kita menunjukkan kepada orang ramai bahawa ra'ayat telah memberi sokongan yang penoh semangat terhadap menjayakan Minggu Berjaya, tetapi sa-balek-nya permohonan kami itu tidak berjaya. Bukan kali ini sahaja, Tuan Pengerusi, pendek-nya daerah Kubang Pasu itu telah dua kali terkena memohon supaya Film Unit datang untuk mengambil gambar saperti Bulan Bahasa Kebangsaan dan sa-bagai-nya tidak mendapat layanan. Jadi, saya harap lain kali jangan dipandang kechil kepada daerah itu. Terima kaseh.

Enche' Chia Chin Shin (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I would like to refer to Head 181—Broadcasting. As we can see, under Sub-head 1 there is a provision for new short wave transmitters and under Sub-head 2 there is provision for the extension of the Broadcasting House at Kuching of \$250,000.

I would like to bring to the notice of the Honourable Minister that in the past it was experienced, especially in Northern Sarawak, that very often in the announcement of local news in Sarawak there was a disturbing noise and the people used to guess that this may be Indonesia who tries to disturb the public from listening to local news, and also due to bad weather conditions; very often the relay of news from Kuala Lumpur for transmission at Kuching was interrupted. I sincerely hope that the Honourable Minister will investigate this matter.

Touching on the extension of the Broadcasting House, there is such a need for extension in view of the increased volume of work and staff in

the Department. The people will welcome this expenditure and at such a time, especially on broadcasting in Sarawak as well as in the whole of Malaysia, it is very important that the reception is clear to the public who are using broadcasting sets. So, with this expenditure, I hope there will be improvement over broadcasting in the whole of Malaysia. Thank you.

Enche' Ali bin Haji Ahmad (Pontian Selatan): Tuan Pengerusi, saya hendak bechakap sedikit sahaja, ia-itu berdasarkan pandangan saya yang mana saya baharu balek dari kawasan saya, Pontian Selatan, yang baharu sahaja di-darati oleh gurela Indonesia yang terakhir sa-kali.

Saya hendak berchakap dalam Head 105—Penerangan. Jadi, Pontian Selatan nampak-nya selalu sangat dalam keadaan dharurat oleh pendaratan gurela Indonesia. Jadi, yang saya nampak sa-lain daripada tentera dan polis, maka satu cabang Jabatan Kerajaan yang bekerja kuat sa-kali ialah Jabatan Penerangan, tetapi keadaan Jabatan Penerangan Pontian Selatan itu maseh tetap sa-bagai keadaan dalam masa normal atau dalam masa tidak dharurat. Mithal-nya, van dan lain² peralatan Jabatan Penerangan maseh tetap juga satu unit yang ada di-kawasan Pontian Selatan, pada hal boleh di-katakan Jabatan Penerangan itu bekerja hampir² 24 jam dalam sa-hari. Jadi, yang amat kurang ia-lah spare part. Kalau rosak ini dan itu terpaksa meminjam di-kedai², tetapi kalau yang meminjam itu badan² luar ta' apa-lah, tetapi kalau Jabatan Kerajaan meminjam daripada kedai² luar, saya rasa keadaan yang sa-umpama ini kurang menyenangkan kita. Jadi, saya harap dapat di-tambah unit information di-Pontian itu dengan spare part atau spare unit, sebab tidak kurang kuat kerja-nya Jabatan Penerangan daripada tentera atau polis.

Yang kedua-nya ia-lah pegawai² yang bekerja di-situ pada hari ini sama juga saperti dalam keadaan normal, pada hal pegawai² ini terpaksa bekerja, sa-bagaimana saya katakan tadi, hampir² 24 jam sa-hari. Jadi, perlu-lah di-tambah pegawai yang berkenaan kalau kita hendak berkesan.

Ada lagi satu galangan yang saya rasa besar ia-lah peratoran yang sedia ada ya'ani peratoran Kerajaan yang telah sedia ada dan peratoran ini di-buat dalam masa normal, mithal-nya sa-saorang Field Officer, Mobile Cinema Operator, tidak di-bolehkan menerima elaun lebih daripada \$80 sa-bulan ya'ani elaun mileage, overtime atau sa-bagai-nya. Tetapi macham mana kita hendak suroh orang itu kerja kuat² hampir² 24 jam sa-hari kalau peratoran kewangan itu sudah ada tetap, ada-kah kita mahu pegawai² ini jangan menjalankan kerja, biarkan askar Indonesia mendarat atau tidak—ini soal-nya. Jadi, saya rasa peratoran yang di-buat untuk masa normal itu harus-lah di-ketepikan dan kita buat-lah peratoran untuk masa dharurat sa-bagaimana yang ada ini. Saya amat-lah bersimpati dengan pegawai² Jabatan Penerangan di-Pontian yang telah bekerja begitu terok siang malam bahkan di-chelah² pendaratan tentera Indonesia, van² Jabatan Penerangan ini pergi ya'ani di-chelah² peluru askar Indonesia, pergi dengan tidak ada senjata, dengan tidak ada siapa berani menjalankan tugas dengan tidak ada apa² complaint. Jadi bukan banyak yang di-minta oleh pegawai Jabatan Penerangan ini. Bila saya tanya adakah hendakkan senjata atau sa-bagai-nya dia kata tidak, kita tidak memerlukan senjata tetapi memerlukan alat² untuk bekerja untuk membolehkan pekerjaan dengan lebih chekap—lebih baik lagi. Jadi saya beri-lah shor ya'ani tiga perkara, yang pertama Unit Information kita di-Pontian Selatan itu perlu di-tambah dengan spare part dan lain². Kedua-nya, pegawai²-nya perlu di-tambah dan ketiga elaun itu perlu-lah di-tambah ya'ani jangan-lah kita menjadi hamba dengan peratoran kewangan yang di-buat untuk masa normal, sekian-lah, Tuan Pengerusi.

Enche' Lee San Choon (Segamat Selatan): Tuan Pengerusi, saya hendak beruchap sedikit sahaja atas Head Radio Broadcasting dan Television. Malam tadi apabila saya melalui Seremban ka-Kuala Lumpur saya telah menyaksikan satu rapat umum yang di-anjorkan oleh Front Socialist. Dalam

rapat umum itu, Tuan Pengerusi, sa-orang anggota dari Front Socialist telah memberikan ucapan berkenaan dengan kempen anti Malaysia. Saya menyeru Menteri yang berkenaan untuk menghapuskan kempen² ini dan haramkan kempen² ini, dan juga saya harap Kementerian ini boleh bagi amaran kepada ahli² Socialist Front ia-itu sama ada mereka bersetuju atau tidak bahawa Malaysia tidak akan wujud dengan tidak kehendak ra'ayat. Jikalau mereka dapati Malaysia tidak saimbang dengan kehendak mereka saya mengeshorkan kepada mereka menchari jalan keluar dari bumi Malaysia dan menyesuaikan diri mereka di-negara lain.

Saya ingin mengeshorkan kepada Kerajaan supaya anggota² Front Socialist yang tidak ingin menetap di-negara kita ini kita adakan satu tabong khas untuk mereka yang ingin keluar dari bumiputra ini (*Tepok*). Saya juga menyeru kepada Kerajaan mengambil tindakan mengharamkan Front Socialist jikalau mereka menyambong kembali penentangan kempen anti Malaysia ini, terima kaseh.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji (Pasir Mas Hulu): Tuan Pengerusi, saya hendak berchapak sedikit sahaja. Yang pertama saya menguchapkan terima kaseh kepada Yang Berhormat Menteri ini yang telah berusaha atau Kementerian ini telah berusaha mengeluarkan risalah dalam bahasa Arab yang saya perchaya ditujukan khas kepada negara² Asia Africa termasuklah negara yang tidak ingin di-sebutkan oleh Kementerian ini dan saya perchaya tujuan daripada risalah itu ditujukan khas kepada negara² itu.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, dalam masaalah siaran dan penyiaran, sudah di-chakapkan dan pernah saya juga berchapak dalam masaalah ini dalam Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri ia-itu dalam masaalah siaran² akhbar dalam negeri ini tetapi malangnya, Tuan Pengerusi, tidak pun dijawab apa yang saya chakapkan itu. Mungkin pehak Kementerian Dalam Negeri itu terasa berat hendak menjawab benda itu kerana benda itu

benda besar—benda luar negeri, benda mengendalikan akhbar itu ia-itu orang besar lebih besar daripada PAS ini kerana orang PAS ini tidak boleh silap, kalau jalan langkah batu pun tangkap, salah mengeluarkan ayat, salah itu pun tangkap, berchapak tangkap, orang yang tidak buat satu apa pun tangkap kerana orang PAS ini orang kecil tetapi terjadi satu benda kepada orang yang lebih besar, jawab pun tidak benda itu.

Tuan Pengerusi, saya mengharapkan kepada Kementerian Penerangan dan Siaran ini supaya memerhatikan peranan yang di-mainkan oleh surat² khabar dalam negeri ini, kerana Yang Berhormat Menteri ini pun pernah beruchap selalu mengenai peranan yang di-mainkan oleh surat khabar, mengenalkan Malaysia ini kepada dunia lain dan melawan konfrantasi daripada Indonesia, ini peranan yang di-mainkan oleh surat khabar. Pernah saya berchapak tempoh hari ia-itu peranan sabuah surat khabar Inggeris dalam negeri ini memecah²kan ra'ayat Malaysia ini dengan ra'ayat Indonesia. Ya, kita tidak mahu tundok atau pun melutut kepada Soekarno, kepada penjajah; entah apa nama penjajahan itu kita tidak mahu, kita tidak mahu Malaysia ini di-jajah bukan sahaja oleh Soekarno tetapi oleh siapa sa-kali pun—itu pendirian yang sama² kita tahu.

Tetapi, Tuan Pengerusi, satu perkara yang di-mainkan oleh surat khabar Inggeris ini ia-itu suara yang dikeluarkan itu bukan suara dari kehendak Malaysia—kemahuan ra'ayat Malaysia. Mithal-nya, Tuan Pengerusi, benda ini sudah saya chakapkan dalam masa Asian Game yang di-adakan di-Jakarta tempoh hari, Indonesia kerana tidak mengakui wujud-nya negara Israel tidak membenarkan perwakilan daripada Israel menghadziri Asian Game juga Thailand . . .

Mr Chairman: Itu sudah keluar daripada perbahathan ini, masa kita berharga sangat.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Sedikit sahaja lagi, Tuan Pengerusi. Masaalah siaran ini, pehak Kerajaan Malay tempoh hari, bukan

Malaysia lagi, juga tidak membenarkan Israel itu datang ka-Malaya tetapi surat khabar *Straits Times* mengatakan kapada Kerajaan Indonesia telah melakukan satu benda yang zalim—yang tidak betul sedangkan Kerajaan Malaya pada masa itu juga tidak membenarkan Israel itu datang.

Saya perchaya, Tuan Pengerusi, surat khabar *Straits Times* ini bukan di-modali oleh orang Malaysia, dia di-modali oleh penjajah² British dan Yahudi yang dia berchakap itu bukan atas perasaan Malaysia tetapi dia berchakap itu atas bangsa Yahudi-nya itu dan Indonesia terpaksa balas perchakapan *Straits Times* itu; dia tidak balas *Straits Times*, dia balas atas Kerajaan Malaysia kerana Kerajaan ini membenarkan tulisan itu dalam surat khabar. Ini peranan yang di-mainkan oleh *Straits Times* dan ini menjadi satu tanggung-jawab kapada pehak Kementerian supaya kita mahu jangan ada negara² itu berpechah dengan Malaysia ini kerana satu surat khabar yang tidak bertanggung-jawab yang dia sa-mata² menchari untong dan keuntongan itu di-punggah di-bawa balek, kita yang menerima akibat burok. Sudah banyak kawan²—saudara pehak UMNO sendiri berchakap atas masalah *Straits Times* ini, tetapi saya perchaya apa yang di-chakapkan itu tidak jadi apa², ada yang minta diadakan kawalan, ada yang minta supaya mengadakan News Agency umpama-nya, saya tidak perchaya benda ini dapat di-lakukan. Ia menjawab, insha' Allah kita akan siasat tetapi itu sahaja jawapan yang akan di-berikan.

Tuan Pengerusi, bukan itu sahaja, mithal-nya saudara² daripada orang UMNO marah kapada *Straits Times* ini kerana dia itu mengampu Petir; saya tidak marah itu surat khabar *Straits Times*, dia hendak ikut itu dia punya suka, dia hendak ampu itu dia punya fasal, tetapi yang saya tidak mahu dia memechah belahkan Kerajaan kita dengan Kerajaan luar—itu tidak boleh. Dia hendak angkat siapa, itu dia punya fasal, dia hendak sokong siapa pun, itu dia punya fasal. Tuan Pengerusi, *Straits Times* takut sangat dengan Petir ini. Kita mesti tahu

sedangkan Petir ini pernah mengharamkan majallah² yang di-keluarkan oleh *Straits Times*. Kerajaan Petir ini pernah mengharamkan keluaran² majallah daripada *Straits Times*, pernah mengharamkan tempoh hari mula² Petir menang, saperti majallah Week Ender, ini pernah di-haramkan. Tetapi fasal apa sekarang ini *Straits Times* ini takut sangat kapada Petir. Kerana Petir tahu mengajar surat khabar ini bahawa pembebasan surat khabar ini bukan ka-atas hak *Straits Times* tetapi atas hak Petir. Ini satu ajaran kapada *Straits Times* yang *Straits Times* itu tahu dan sa-patut-nya Kerajaan kita yang mempunyai kedaulatan, maruah, tahu mengajar surat khabar yang melakukan perbuatan biadab saperti ini.

Tuan Pengerusi, tidak-lah kerana pernah sa-orang daripada *Straits Times* itu mengarang sa-buah buku menceritakan kebesaran Perdana Menteri kita, maka di-biarkan apa sahaja benda itu. Saya tidak mahu kejadian itu berulang dan saya berchakap ini, Tuan Pengerusi, dan Ahli Yang Berhormat atas perasaan yang ikhlas dan tidak-lah mahu mengata pada siapa² dan saya perchaya Yang Berhormat Menteri sendiri yang dalam hati-nya akan mengatakan, “Ya”, apa yang saya chakapkan ini, chuma hendak mengatakan “Ya” berterang² itu ma'alum sahaja-lah.

Tuan Pengerusi, akhir sa-kali saya mengharapkan kapada Yang Berhormat Menteri Penerangan dan Penyiaran ini, jangan-lah termakan budi sa-sabuah atau pun sa-suatu orang itu kerana kebetulan kita ini pada petang² selalu main golf dengan tuan punya *Straits Times*. Kalau tidak Yang Berhormat Menteri itu pun, saya tahu, ada sa-orang Ahli dalam Dewan ini yang selalu petang² main golf dengan Dato' Hoffman, tuan punya atau pun Chief Editor *Straits Times* itu, maka apa yang di-buat itu tidak apa. Jangan sampai begitu keadaan-nya.

Itu sahaja, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Enche' Tai Kuan Yang (Kulim-Bandar Bharu): Mr Chairman, Sir, I fully support the estimates in respect of

the Ministry of Information and Broadcasting.

I hope our information vans and all apparatus will now be brought up-to-date. I personally know some of our sound equipments should have their proper place only in the museum!

I understand there is no information van at all in Pulau Langkawi Island, Kedah. Since the proper propagation of news is a matter of importance in our present day society, I hope each district at least should have one information van or more if necessary, because some of the districts are very big and many, many kampongs are scattered about.

Mr Chairman, Sir, the strength of our Suara Malaysia Station is lamentably weak. I, therefore, suggest that we put up three or more one-hundred kilowatt radio transmitter stations in our country. I must urge the Government to regard this matter as urgent and increase its strength, so that our friends in Africa and the Middle East shall be able to hear our Suara Malaysia as well. This can and will in no more small degree counteract Indonesian propaganda against us. I also suggest that we recruit French and Arabic speaking broadcasters specially for this purpose. Thank you.

Enche' Senu bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah berucap tadi dan yang telah memberi keperchayaan kepada Kementerian ini dan memberi sokongan dan yang menchadangkan supaya di-tambahkan lagi allocation yang di-berikan kepada Kementerian ini dan bagitu juga kepada Ahli Yang Berhormat daripada Muar Utara yang menchadangkan supaya gambar² Film Unit itu di-edarkan keseluruh panggong wayang gambar. Perkara itu saya mengaku-lah kalau sa-kira-nya belum di-jalankan, sudah menjadi polisi Kementerian ini akan jalankan. Barangkali ada yang ketinggalan, saya akan chuba perbetulkan perkara itu.

Bagitu juga berkenaan dengan mengedarkan gambar² Menteri Malaysia

yang baharu, saya juga tidak dapat mengetahui mengapa sebab-nya gambar² Menteri² yang baharu itu tidak mesti di-edarkan tetapi perkara itu barangkali boleh-lah di-serahkan kepada Jabatan Penerangan dan saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu.

Bagitu juga kepada Ahli Yang Berhormat daripada Kemaman yang menchadangkan supaya di-adakan sharahan yang berupa 'ilmiah dan juga di-bukukan sharahan² itu dan perkara itu akan saya ambil ingatan dan saya serahkan kepada Jabatan Penerangan supaya menjalankan-nya dan bagitu juga berkenaan dengan satu lagi tegoran yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kemaman ia-itu berkenaan dengan di'ayah² ia-itu orang² Indonesia memakai azimat. Jadi saya belum dapat-lah khabar² yang demikian tetapi nampak-nya Ahli Yang Berhormat teman saya Dato' Sardon menyatakan, memang betul ada perkara yang samacham itu. Jadi boleh-lah kita jalankan sa-bagaimana yang di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi ia-itu gambar² orang Indonesia yang ditangkap atau pun yang terbunuh ditunjukkan. Sa-lama ini sengaja kita tidak tunjukkan terutama sa-kali kalau orang yang terbunuh itu—mayat² itu—kerana kita menghargakan dan menghormati daripada segi ugama kita. Jadi kalau sa-kira-nya itu menjadikan pula sebab merosakkan penerangan kita dan menjadikan di'ayah pula daripada sa-tengah² orang atau musuh², maka saya berjanji kita akan jalankan perkara itu.

Bagitu juga-lah gambar² yang di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat untuk tempat² penginapan dan sa-bagainya dan tidak dapat-lah saya sebutkan apa² lain sa-lain daripada mengucapkan terima kasih dan saya akan jalankan perkara yang tersebut.

Bagitu juga Ahli Yang Berhormat daripada Johor Bahru menchadangkan supaya Jabatan² Penerangan di-Johor itu di-perbetulkan atau pun diperbaharukan. Jabatan Penerangan umpama di-Muar, kata Ahli Yang Berhormat tadi, Jabatan Penerangan itu chuma di-setor P.W.D. Saya sendiri tidak dapat-lah menyatakan berkenaan dengan perkara ini tetapi saya akan

bawakan perkara itu dan barangkali dalam Estimate akan datang akan ditambahkan lagi bilangan atau pun Anggaran Perbelanjawan daripada Kementerian ini dan harap Ahli² Yang Berhormat akan menyokong.

Berkenaan dengan pandangan daripada Ahli Yang Berhormat daripada Bachok tentang buku² yang di-dapati di-dalam khutub khanah di-dalam Parlimen ini ia-itu berkenaan dengan Masjid Negara kita yang menerima wang daripada orang yang bukan Islam—saya memang tidak berani hendak menghadap tentang perkara ini dengan Ahli Yang Berhormat itu, hendak berbath berkenaan dengan perkara ini. Tetapi saya akan bawa perkara ini kepada pihak yang berkenaan yang lebih mengetahui dan juga supaya di-ambil perhatian berkenaan dengan siaran² yang di-kehendak tadi. Terima kasih.

Lagi satu berkenaan dengan pandangan yang di-berikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Perlis Utara berkenaan dengan electricity yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, kerana orang² kampung marah ta' dapat talivishen, kerana ta' ada electricity, itu barangkali susah juga, barangkali Kementerian yang berkenaan berkenaan dengan perkara ini patut-lah di-kemukakan lebih dahulu supaya dimasukkan electricity, kemudian baharulah kita masukkan talivishen, dan lagi satu berkenaan dengan siaran akhbar majallah ka-sekolah²—yang itu juga memang-lah menjadi tujuan Kementerian ini mengeluarkan siaran dan akhbar², majallah² dari satu masa ka-satu masa, dan saya rasa dari samasa ka-samasa siaran itu dan juga isi²-nya itu di-perhatikan dan di-atas tegoran Yang Berhormat itu akan saya ambil ingatan.

Lagi satu berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Jitra-Padang Terap. Jitra-Padang Terap ini saya rasa ada-lah di-seluruh kawasan saya sendiri, jadi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu dengan kerana menerangkan, atau meminta supaya lori² penerangan itu di-perbanyakkan lagi, atau pun diperbaharui, begitu juga berkenaan

dengan Film Unit yang tidak mengambil bahagian di-dalam masa di-adakan perhimpunan dalam masa Minggu Perpaduan baharu² ini. Saya juga sa-bagai Menteri dan juga sa-bagai Wakil Ra'ayat daripada kawasan tersebut ta' dapat saya menyatakan apa²—ini menunjukkan bahawa di-kawasan saya sendiri pun ta' sampai Film Unit itu. Jadi, saya mengambil perhatian berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat itu.

Lagi satu berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat daripada Sarawak berkenaan dengan disturbance, berkenaan dengan transmitting station, atau berkenaan dengan radio di-sana, perkara itu juga akan dapat diperbaiki manakala projek yang sedang berjalan sekarang ini, terutama sa-kali daripada sini manakala siap transmitting station yang akan di-buat di-Kajang yang akan mempunyai 300 kilowatt, ada tiga sa-ratus² kilowatt, dan juga tiga lagi 50, 50, 50 kilowatt manakala siap transmitting station itu nanti dapat-lah kita perbaiki kedudukan siaran² kita.

Bagitu juga pandangan Ahli Yang Berhormat dari Pontian Selatan, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu yang telah menerangkan bahawa Jabatan Penerangan, atau ahli², atau Pegawai² Penerangan di-kawasan Pontian telah memainkan peranan yang penting dalam menghadapi pendaratan, atau pencherobohan daripada pihak Indonesia, dan juga berkenaan dengan tegoran Ahli Yang Berhormat itu berkenaan dengan unit² di-sana tidak cukup dan begitu juga berkenaan dengan spare parts dan sa-bagai-nya. Berkenaan dengan perkara itu dan juga berkenaan dengan gaji, atau elaun yang di-beri kepada Pegawai Penerangan yang di-beri di-sana sedikit sangat, kerana perkara itu sudah di-tetapkan dalam General Order, tetapi segala apa yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya ambil perhatian dan akan chuba memperbaiki kedudukan-nya.

Bagitu juga pandangan yang di-berikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Segamat Selatan berkenaan dengan

Socialist Front. Saya fikir berkenaan dengan perkara ini ta'-lah ada bersangkut juga dengan Kementerian saya, Kementerian Penerangan, kerana kalau sa-kira-nya satu tindakan yang akan di-ambil terhadap kempen² yang di-jalankan oleh Socialist Front, atau Front Socialist, ini terpulang-lah kepada pihak polis yang mengeluarkan kebenaran² sama ada kempen² itu boleh di-benar di-adakan, atau tidak. Jadi, pihak Kementerian Penerangan ini, saya fikir tidak ada kena-mengena dengan perkara itu.

Lagi satu pandangan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas berkenaan dengan siaran² ka-negara² Arab dan saya tidak dapat di-tujukan ka-negara² lain, barangkali yang di-maksudkan. Jadi, memang menjadi tujuan Kementerian ini, ia-itu manakala siap, saya kata tadi, station kita yang baharu di-Kajang dan station itu akan mempunyai tiga 100 kilowatt . . .

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Boleh saya terangkan? Bukan radio—majallah, Majallah Penerangan berkenaan dengan Malaysia dalam bahasa Arab—itu yang saya maksudkan, bukan radio.

Enche' Senu bin Abdul Rahman: Chuba tolong terangkan sa-kali lagi.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Dia telah mengeluarkan satu majallah menerangkan kedudukan "Facts about Malaysia" dalam bahasa Arab—itu yang saya maksudkan. Jadi, saya ucapkan tahniah kerana mengeluarkan majallah dalam bahasa Arab.

Enche' Senu bin Abdul Rahman: Terima kaseh berkenaan dengan perkara itu.

Lagi satu pandangan Ahli Yang Berhormat itu juga berkenaan dengan peranan yang di-mainkan oleh surat khabar dalam negeri ini. Perkara itu sudah panjang di-bahathkan di-dalam Rumah yang berbahagia ini, sudah berhari² dalam masa Anggaran Perbelanjaan Kementerian ini dahulu dan juga berkenaan dengan surat khabar *Straits Times* dan sa-bagai-nya. Jadi, saya rasa ta' payah lagi saya sebutkan di-sini, kerana Ahli Yang Berhormat tentu-lah faham berkenaan dengan

kedudukan surat² khabar dan ta' dapat-lah bagi pihak Kementerian ini, atau bagi pihak Kerajaan juga pada masa ini menjalankan satu perkara sa-bagaimana yang di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, tetapi saya suka-lah memberi pengakuan di-sini, ia-itu bagi pihak Kerajaan memang-lah memandang tiap² satu surat khabar yang di-keluarkan dalam negeri ini, yang di-keluarkan atas dasar yang di-namakan, kita kata, dasar demokrasi yang kita jalankan ini, kita sentiasa memandang supaya jangan ada pihak² yang chuba merosakkan demokrasi yang kita jalankan, yang kita hargakan ini, dan juga bagi pihak saya sendiri memang juga saya selalu berhubung dengan pihak², atau surat² khabar yang tersebut supaya dapat-lah di-fahamkan dengan sa-penoh-nya akan kedudukan, akan policy, kehendak dan kemahuan bagi pihak Kerajaan supaya dapat-lah bekerjasama membayangkan kedudukan Malaysia pada hari ini—memang itu sedang di-jalankan dan berkenaan dengan kata Ahli Yang Berhormat itu tadi tentang Israel di-sebutkan lagi, kita telah sebutkan beberapa kali di-sini dan Israel itu bukan sa-buah negeri yang kita akui dan tidak ada hubungan diplomatic dengan kita sama sa-kali. Jadi, soal itu, saya fikir ta' payah kita bangkit²kan lagi.

Lagi satu pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kulim. Ahli Yang Berhormat dari Kulim ini, saya faham, dia juga sa-orang technician yang tahu benar berkenaan dengan radio dan sa-bagai-nya. Jadi, jawapan saya kepada Ahli Yang Berhormat itu, ia-itu memang-lah rancangan kita hendak mengadakan sa-bagaimana yang saya katakan tadi, ia-itu satu station yang besar di-Kajang yang mempunyai tiga 100 kilowatt, kemudian lagi 50—tiga lagi 50 kilowatt. Jadi, manakala siap station itu, barangkali pemancaran kita akan menjadi satu pemancaran yang terbesar di-kawasan Asia Tenggara ini dan dapat-lah nanti siaran² itu sampai ka-seluruh Asia, sampai ka-Afrika dan sampai ka-Eropah juga. Jadi, saya ingat itu-lah sahaja jawapan saya terima kaseh. (*Tepok*).

Question put, and agreed to.

The sum of \$6,960,674 for Head 103, the sum of \$2,559,554 for Head 104, the sum of \$716,269 for Head 105, the sum of \$1,693,459 for Head 155, the sum of \$650,000 for Head 181, agreed to stand part of the Development Estimates, 1965.

Heads 106, 107, 108, 109, 113 and 157—

Mr Chairman: I propose that the sums shown under Heads 106, 107, 108, 109, 113 and 157 of the Development Estimates, 1965 be approved.

The Minister of Works, Posts and Telecommunications (Dato' V. T. Sambanthan): Mr Chairman, Sir, if I may, I would like to take Heads 106, 107, 108 and 109 appearing under the Minister of Local Government and Housing and Head 113 appearing under the Ministry of Home Affairs in the Development Estimates, 1965 for the States of Malaya and Head 157 appearing under the Ministry of Local Government and Housing in the Development Estimates, 1965 for Sabah at one rising and move that the respective sums shown thereunder be approved.

Head 106—Minister of Local Government and Housing—

Under Sub-head 16—Fire Services—a token provision of \$10 is shown for the purpose of building a Central Fire Training School to provide all forms of training for firemen in the country. It has been necessary to revise the original plans for the proposed Central Fire Training School in the light of Malaysian requirements. It is proposed to obtain the services of an expert either through the United Nations or Colombo Plan to advise on the establishment of this school.

Under Sub-head 17—Recreation Facilities in Kuala Lumpur Area—Honourable Members will recall that when moving the Development (Supplementary) (No. 1) Estimates 1964 earlier this year, the Minister of Local Government and Housing made reference to this item. He explained that provision required then was for

the acquisition of 390 acres of Land in the vicinity of the new International Airport for the purpose of providing recreational amenity for Kuala Lumpur and also that it was intended that a first-class hotel of international standards should be built here, and the cost of the land partly or wholly is anticipated to be recovered from a proposal to set aside 50 acres for housing sites. It is also intended to provide a large area for recreational amenities including Golf. These, we feel, would also promote tourist traffic.

Under Sub-head 19—Grants for Projects in Town Areas—a provision of \$318,000 is entered for Roads and Bridges \$5,000 for a market at Gombak Setia. These projects will be undertaken in Town areas. I would like to make a cross reference to the remarks appearing against Sub-head 17 of Head 126, page 27—the remarks read “Includes provision for minor development projects in the Rural, Town/Local Council and New Village Areas.” Of the provision of \$5,000,000 it is expected that \$500,000 will be allocated to my Ministry for development projects of a minor nature in Local Authority Areas.

Under Sub-head 20—Extension and Improvement of Istana Arau—a provision is for the purpose of making an interest free loan of \$500,000 repayable in 30 equal annuities to the State Government of Perlis to extend, improve and renovate the Istana Arau. The State Government does not have sufficient funds at its disposal to undertake this task. As His Majesty will return to his State on termination of his office as Yang di-Pertuan Agong, it is felt that as the former Yang di-Pertuan Agong the present Istana should be renovated and improved to a degree befitting his status. It is to be mentioned, however, that \$30,000 have already been advanced from the Contingencies Reserve to the Perlis Government earlier this month to carry out urgent acquisition of land for purposes of extension.

Head 107—Housing

Under Sub-head 4, a sum of \$7,500,000 is being provided for Low Cost Housing

projects in 1965. The provision, if considered in the context of the Nation's requirements, is undoubtedly inadequate, but this sum represents the balance for the purpose of achieving the original target envisaged for the Second Five-Year Development Plan. Bids for loan funds from the State Governments are now being processed and if in the course of 1965 it is felt that more housing schemes can be built as has been in the case in 1964, a supplementary provision will be sought. As explained in my speech when moving the Ordinary Estimates, the present financial stringency rules out an ambitious housing programme in the immediate future. The accent will be on planning which is essential for the implementation of a concerted and co-ordinated housing programme as and when it becomes possible to divert more funds for this purpose. I am also to make reference to the token provision of \$10 as a "Loan to New Housing Authority". Proposals are afoot to constitute a new Housing Authority which will be the chosen instrument of Government in the implementation of a national housing programme. This Housing Authority will eventually replace the Housing Trust. The financial position will determine how soon this Authority can be established. It is our fervent hope that the financial position will soon improve to enable us to embark on a more realistic programme of low-cost housing as from 1966, the first year of the First Five-Year Malaysian Plan.

I now come to Heads 108 and 109, and 113 which appear under the Ministry of Home Affairs. Under these Heads provision is made for loans to the Municipality of Malacca, City Council of Penang and the Federal Capital, Kuala Lumpur and the sub-heads, in fact, speak for themselves. The loans shown in the Development Estimates are all recoverable.

Head 108—Malacca Municipality

Under Sub-head 5—Construction of Staff Quarters, Malacca—no provision is entered for 1965 as the Quarters were completed this year.

Head 109—City Council, George Town

Under Sub-head 4—George Town Sewerage Extension—the provision of \$400,000 is part of the loan required for the continuation of the sewerage extension scheme. The original scheme was found to be inadequate to serve the whole city. The object of extending the sewerage system is to eliminate as far as possible all night soil collection in the town centre. Top priority has been given to this scheme and extension work is in progress.

Under Sub-head 8—Abattoirs—a further provision of \$50,000 is now required as the original construction cost of the Abattoirs was underestimated by the Consultant Engineers.

Under Sub-head 10—Gurney Drive Extension (North Coast Road Extension)—the provision of \$100,000 is now required for the last phase of the Gurney Drive Extension.

MINISTRY OF HOME AFFAIRS

Head 113—Federal Capital of Kuala Lumpur

Under Sub-head 23—Sewerage—a sum of \$1,000,000 is provided for the extension of the sewerage scheme in Kuala Lumpur. This extension has been planned with the object of eliminating as far as possible night soil collection in the centre of the town. The sewerage works and the main outfall sewer were constructed with extensions of this nature in hand.

Under Sub-head 24—Municipal Offices—a token provision of only \$10 is shown, as the choice of a suitable site is still under consideration.

Under Sub-head 25—Wholesale Market—no provision is entered for this project in 1965 as the wholesale market was completed recently. This market was officially opened by the Minister of Local Government and Housing on 19th December, 1964 and its establishment will prove to be of great service and benefit to the public.

Under Sub-head 27—Roads—the provision of \$800,000 is being entered to meet the expenses of part of the

essential road improvements recommended by the Traffic Consultants whom the Commissioner engaged to carry out a detailed survey of the traffic conditions in the Federal Capital.

Under Sub-head 30—Street Lighting (Phase II)—this is a continuation of the scheme for the general improvement of Street lighting throughout the Municipal area.

SABAH

Head 157—Minister of Local Government and Housing

Under Sub-head 1—Loan to Low Cost Housing Authority—a loan provision of \$1,000,000 is entered to enable the Central Government to loan this amount to the Sabah Government which proposes to carry out low-cost housing schemes in Sabah.

Under Sub-head 2—Loan to Local Authorities—a loan provision of \$500,000 is entered. In the past it has been the practice of the Sabah Government to finance directly projects which are properly the responsibility of Local Authorities. It is decided, however, that loans should be made to Local Authorities, on terms varying with the nature of the work proposed and the extent to which it is revenue earning. The Local Authorities in these cases will be District Councils and Town Boards. The loan provision of \$500,000 will be made available by the Central Government to the Sabah Government and not directly to the Local Authorities.

Mr Chairman: The sitting is now suspended.

Sitting suspended at 5.20 p.m.

Sitting resumed at 5.45 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

Debate resumed.

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud (Johor Bahru Barat): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, dalam Kementerian ini, saya suka menyentoh pada Sub-head 19, pechahan (ii) ia-itu berkenaan dengan Jalan dan Jambatan. Pada sedikit hari dahulu, saya ada juga ber-

chakap dalam perkara ini, tetapi Kementerian ini telah menyatakan, ia-itu perkara ini ia-lah berkenaan dengan pembangunan negeri. Pada hari ini, saya menyambung sa-mula perchakapan saya, ia-itu dalam kawasan bandar Tampoi. Baharu² ini apabila saya balek ka-Johor Bahru, maka ramai-lah penduduk² dalam kawasan Tampoi itu datang ka-rumah saya mengadukan hal, ia-itu jalan² di-kawasan itu telah menjadi satu kawasan lumpor, lumpor merah dan orang² tidak boleh berjalan, oleh kerana pada masa dua bulan dahulu apabila Wakil Ra'ayat Negeri Johor meminta supaya P.W.D. membetulkan jalan itu, tetapi sementara menunggu jalan² itu di-betulkan dengan baik, maka di-tambak dengan tanah merah, bukan pula tanah laterite, hanya-lah tanah merah.

Baharu² ini hujan telah turun dengan tidak berhenti² sa-lama tiga hari, maka tanah merah itu telah menjadi lumpor dan lechah. Jadi, orang² Tampoi itu ta' boleh keluar, kalau hendak keluar, kena menyusor di-tepi jalan, di-tepi² rumah hingga ka-jalan besar. Ini sangat mendukachitakan bukan sahaja orang² yang hendak berjalan kaki, bahkan motokar pun ta' boleh lalu. Saya ada ambil gambar di-tempat itu, kalau pehak Kementerian itu hendak lihat, boleh saya tunjukkan bagaimana keadaan tempat itu. Kalau saya lihat di-sini wang hanya ada sa-banyak \$318,000—ini sedikit sangat, patut-lah jalan² itu dapat di-baiki dengan segera, termasuk sa-kali jambatan², kerana apabila hujan besar ayer dari bukit itu akan turun dan menjadikan bah di-situ pula. Ini sangat mendukachitakan, sebab pekan yang kecil itu dudok di-dalam bandar Johor Bahru, dan sudah lama dan berkali² saya minta kepada Kerajaan Johor, Kerajaan Johor kata—itu berkenaan dengan Town Council, Johor Bahru; Town Council Johor Bahru kata, ini berkenaan dengan pembangunan luar bandar, jadi ta' tahu di-mana hendak di-tujukan. Pada tahun ini, saya menjadi Wakil Ra'ayat dalam Dewan Ra'ayat ini, jadi saya memohon terus kepada Menteri yang berkenaan, mudah²an dapat-lah jalan² di-bandar Tampoi New Village itu

di-betulkan pada tahun ini juga. Demikian-lah, terima kasih.

Enche' Ali bin Haji Ahmad (Pontian Selatan): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap dalam Head 107, Sub-head 4, Low Cost Housing. Tidak lama sa-lepas Pilehan Raya yang lepas saya telah meminta Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan supaya datang ka-Pontian Selatan melihat keadaan Ranchangan Rumah Murah yang telah bertahun² tidak pernah ada. Jadi, akhir-nya pada 12hb Julai, 1964 datang-lah Yang Berhormat Menteri itu berunding dengan Penolong Setia-usaha Kerajaan Johor, Bahagian Kerajaan Tempatan dan Perumahan dan juga Wakil² Ra'ayat. Sa-bagai sa-orang Wakil Ra'ayat, saya telah meminta ia-itu supaya di-Pontian Selatan di-adakan Ranchangan Rumah Murah, oleh kerana tidak pernah ada. Dan kita harus memenangi hati ra'ayat, terutama sa-kali dalam hal menentang konferantasi, yang sa-hingga ini ra'ayat berdiri 100 peratus di-belakang Kerajaan, kechuali-lah beberapa orang yang daripada Socialist Front.

Dalam pertemuan itu, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri menunjukkan simpati yang chukup terhadap permintaan yang di-salorkan melalui Wakil Ra'ayat. Tetapi apa yang paling mendukachitakan saya dan paling menaikkan perasaan meradang saya ia-lah tatkala kita meminta ini, maka berbunyi-lah Penolong Setia-usaha Kerajaan, Urusan Kerajaan Tempatan dan Perumahan mengatakan, "The State Secretariat has decided not to carry out any Low Cost Housing Scheme in Pontian." Ini jawapan daripada sa-orang pegawai Kerajaan di-hadapan Menteri dan di-hadapan Wakil² Ra'ayat. Jadi, saya serta-merta naik meradang. Teringat dalam kepala saya—Who rules this country? The Government officers or the party in power.

Jadi, yang menjadi soal di-sini ia-lah kurang ajar sa-orang pegawai, sama ada pegawai rendah atau tinggi yang berani atau tergamak berchakap yang sa-umpama ini di-hadapan sa-orang Menteri, dan Menteri itu ia-lah Menteri Kerajaan Pusat pula. Ketepikan-lah

Wakil Ra'ayat ini, lupakan-lah Wakil Ra'ayat ini, anggap-lah Wakil Ra'ayat ini sa-bagai kuching kurap, tetapi sa-orang pegawai yang sa-umpama ini sanggup dan berani berchakap bagini di-hadapan Menteri Kerajaan Pusat, sa-olah² Menteri Kerajaan Pusat tidak ada penghargaan di-mata-nya, ia-itu Penolong Setia-usaha Kerajaan, Urusan Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Jadi, saya marah, tetapi nasib baik juga-lah Yang Berhormat Menteri itu sa-orang yang amat baik hati-nya dan lemah-lembut walau pun di—"insulted"—insulted by a Government official—dia maseh diam, tetapi saya tidak ingin hal yang sa-umpama ini berlaku lagi, dan oleh kerana itu saya merasa bahawa menjadi tanggung-jawab saya membawa ka-pengetahuan Dewan yang mulia ini supaya ra'ayat dapat mengukor. Apabila pegawai² Kerajaan bagus menjalankan tugas, yang baik kita akan puji, sa-bagaimana saya memuji pegawai² daripada Jabatan Penerangan tadi, tetapi apabila pegawai Kerajaan kurang ajar, sa-bagaimana Penolong Setia-usaha Kerajaan, Urusan Kerajaan Tempatan dan Perumahan ini, maka saya akan menchela-nya, dan kalau saya tidak nyatakan di-sini nanti Penolong Setia-usaha Kerajaan ini akan lebeh besar kepala-nya.

Jadi, saya harap-lah pehak Kerajaan, Parti yang memerintah, supaya mengambil perhatian yang berat dalam perkara ini, ia-itu jangan-lah perkara yang sa-umpama ini berulang lagi, bukan sahaja di-hadapan Wakil² Ra'ayat, tetapi jangan sama sa-kali di-hadapan Menteri. Kalau ini kita biarkan berlaku dengan senyap² sahaja, maka akan banyak lagi nanti yang kurang ajar.

Pegawai Daerah sendiri (Pegawai Daerah Pontian) mempunyai sikap yang bersimpati betul dengan kehendak ra'ayat. Menteri pun begitu juga bersimpati betul dengan kehendak ra'ayat. Pegawai ini-lah kurang ajar—The State Secretariat has decided not to carry out any Low Cost Housing Scheme in Pontian. Siapa-kah yang menentukan? Jadi, sekarang ini ter-pulang soal ini kepada kita: policy making di-tangan siapa? Di-tangan

pegawai Kerajaan ini, atau pun di-tangan Parti yang memerintah? Bila saya desak² sebab²-nya mengapa—The State Secretariat has decided, maka kata-nya, di-Batu Pahat dan Kluang telah gagal. Jadi, saya kata, apa yang berlaku di-Batu Pahat dan Kluang tidak mesti berlaku juga di-Pontian. Di-sini timbul satu soal lagi, ia-itu menjalankan Low Cost Housing Scheme itu tanpa memperhetongkan keadaan² yang ada di-tempat itu. Dalam berhujah terus-menerus, maka nyata-lah Penolong Setia-usaha Kerajaan ini menganggap bahawa Low Cost Housing Scheme ini ia-lah rumah yang berharga berbelas dan berpuluh ribu ringgit sahaja. Kalau ini yang hendak di-buat di-Pontian, saya kata, sudah tentu gagal. Tetapi, kalau rumah murah dalam harga \$5,000-\$6,000 saya jamin rumah ini akan mendapat sambutan daripada ra'ayat. Saya beri jaminan, saya tanggung, saya kata, ra'ayat mahukan rumah murah.

Akhir-nya, pada perinsip-nya Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan menyetujui walau pun pegawai angkoh yang kurang ajar itu telah menentang.

Dan apabila di-buka permintaan—ranchangan 100 yang sudah ada—itu pun sudah di-tutup—telah ada 300 permintaan. Jadi, saya berharap supaya Kerajaan menyiasat perkara ini dan mengambil tindakan kepada Penolong Setia-usaha Kerajaan, Urusan Kerajaan Tempatan Negeri Johor terhadap perbuatan-nya yang kurang ajar dan melanggar batas kewajipan dan tanggung-jawab-nya sa-bagai pegawai kerajaan. Saya tidak dapat mengizinkan perkara sa-bagini berlaku terus-menerus.

Dan yang kedua, apabila di-kemukaan sa-chara bertulis perkara ini maka nyata-lah bahawa perkara ini di-rujokkan kepada Jawatan-kuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan bagi negeri Johor, sa-bagaimana surat jawapan-nya dengan rasmi kepada Pegawai Daerah. Dengan ini nyata-lah bahawa yang berkuasa itu bukan-lah Penolong Setia-usaha Kerajaan, tetapi Jawatan-kuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tetapi sikap-nya itu di-luar dan telah

melewati batasan sa-bagai sa-orang pegawai kerajaan. Ini-lah yang saya tidak dapat izinkan.

Dan apa yang saya takutkan sa-lepas saya mengkecham pegawai ini terang² di-dalam Dewan ini ia-lah Ranchangan Perumahan di-Pontian itu akan di-“delay”kan sa-berapa lambat oleh pegawai ini. Dan pada hari ini pun saya nampak juga bahawa ranchangan ini tidak akan di-jalankan sa-hingga tahun 1966 nanti. Dalam hal ini saya tahu, kalau ini akan di-lakukan oleh pegawai kerajaan ini, maka saya akan berchakap lagi dalam Dewan ini nanti. Saya tidak akan diam di-sini. Saya merayu supaya Ranchangan Rumah Murah di-Pontian ini dapat di-laksanak dengan segera, oleh kerana kawasan Pontian Selatan ia-lah kawasan yang paling hebat di-serang oleh Indonesia. Kita perlu memenangi hati ra'ayat dengan ranchangan yang dapat di-nampak oleh ra'ayat. Jadi, dengan men-“delay”kan bagini sa-olah² pegawai yang berkenaan ini tidak nampak kepentingan negeri kita ini—kepentingan psychology dalam menghadapi bahaya konferantasi Indonesia.

Saya harap jangan-lah perkara ini di-lambat²kan lagi, sebab sa-tiap kali saya balek ka-kawasan saya, semua orang bertanya bila hendak berjalan Ranchangan Rumah Murah ini. Menteri telah memberi akuan akan di-jalankan. Tetapi yang saya takutkan ranchangan ini akan di-“delay”kan atau sabotase dari dalam. Ini akan datang daripada pegawai ini-lah—Penolong Setia-usaha Kerajaan, Urusan Kerajaan Tempatan dan Perumahan.

Saya rasa tidak payah saya berchakap panjang kerana masa pun sengkat. Saya harap perkara yang sa-um-pama ini tidak akan berlaku lagi. Dan kalau Wakil Ra'ayat menyedari batasan² kewajipan dan kekuasaan-nya, maka pegawai² kerajaan juga harus menyedari batasan² kewajipan dan tanggung-jawab-nya. Dan saya tidak hendak lihat keangkohan—“whim and fancy”—sa-saorang pegawai itu dimasukkan dalam urusan pekerjaan Kerajaan, apa lagi pekerjaan yang mengenai kepentingan ra'ayat umum. Sa-kian-lah sahaja.

In the case of Sarawak and Sabah the provision sought under Sub-heads 80 and 81 is for the purpose of providing accommodation to meet the acute housing shortage as a result of the increase in the establishment of the Sarawak Constabulary since Malaysia. The Scheme is urgent since rented accommodation is not available. In most cases, sites are available and it is proposed to commence work in early 1965.

Similarly, as in the case for Sarawak it is also necessary to provide additional quarters in Sabah as a result of increased establishment after Malaysia. Survey of firm requirements are being carried out but initially 31 Inspectors Quarters are required in 1965.

Having dealt with the provision of quarters, I turn now some of the other Sub-heads for which provision is sought.

Under Sub-head 50 "Police Launches", it will be observed that the estimated total cost is \$8,267,802 for the period 1961-1965. Progress on the construction of the Launches continues to gather momentum and the following are expected to be completed by end of 1964:

- (a) Conversion of 7 P.C. Class and 6 P.B. Class;
- (b) 4 PX Class;
- (c) 4 PC Class; and
- (d) 6-8 PA Class.

The sum of \$2,999,635 is required to meet the progress payment in 1965 in respect of these Launches.

The sum of \$6,000,000 sought under Sub-head 66 is for the following purposes:

- (a) Police Field Force Building Scheme at Kinta Valley Headquarters, Tanjong Rambutan, Ipoh;
- (b) Federal Riot Unit Building Scheme at Penang and Ipoh;
- (c) Transfer of PFF Training School from Dusun Tua to Kroh; and
- (d) Construction of Low Cost type of houses at PFF Camp, Aerodrome, Ipoh.

Under Sub-head 69 "Inspector-General's Headquarters" a sum of \$326,929 is required for the purpose of providing additional accommodation for the Special Branch and also for the Police Treasury Accountant's Branch which is affected by road development at its former site. The funds now sought are to meet the final payment for the construction work.

As for Sub-head 70—"Federal Reserve Unit—Buildings and Quarters" the Scheme is for 4 FRU bases in Singapore and one at Johore Bahru estimated at an overall cost of \$16 million. The sum of \$3,000,000 now requested for Singapore and \$700,000 for Johore Bahru represent the sum that is required for the progress payment in 1965.

With regard to Sub-head 72—"Police Launches" the sum of \$4,491,294—is required in 1965 to meet the progress expenditure on purchase of Launches'

engines, hulls, etc., so that by the end of 1965 the construction of these vessels will have been completed in accordance with the planned development of the Police Marine Fleet to provide adequate inshore patrolling for all the coast-lines of Malaysia. I need hardly emphasise the urgent need for these Launches as I am sure Hon'ble Members will agree with me that it is vital that the Police Marine Fleet needs to be strengthened in order that a greater measure of protection may be provided against Indonesian incursion by sea.

The provision of \$4,095,086 sought under Sub-head 73—Police Radio Communications is in respect of the Scheme to provide a Command Radio Network between Kuala Lumpur/Kuching/Jesselton.

The various provision sought under Sub-heads 82 and 83 are for schemes on establishment of Police Stations and Quarters in the rural areas of Sarawak and Sabah.

Sub-head 84 is in respect of a Scheme to provide urgently required Police Stations and Accommodation for the increased establishment for Emergency purpose other than PFF pending construction of permanent buildings in cases of Police Stations and completion of permanent houses in respect of accommodation. In all 12 Temporary Police Stations and Quarters will be constructed.

Sub-head 85 concerns as Scheme to provide new Marine Bases in Singapore, Sabah and Sarawak and to improve the existing one in Malaya for the maintenance of Police Launches and housing the Marine Police personnel at the respective Bases.

With regard to Sub-head 87, both the Schemes on Police Headquarters at Jesselton estimated at \$200,000 and at Kuching estimated at \$142,000 are for extension to existing Headquarters buildings to ease the acute congestion as a result of increased staff establishment and to provide Operation and Conference Rooms.

Sub-head 88 is in respect of proposal to construct Special Branch Offices for

Sabah in those 11 centres listed in the Estimates. At Keningau the Scheme is to provide for Divisional Special Branch thus the requirement of \$200,000 while at the other locations the Scheme is to provide extension to existing Police Stations to accommodate the Special Branch.

As for Sub-head 89 the sum of \$200,000 is for the purpose of carrying out urgent alteration and additions required to existing buildings.

I turn next to Head 156 "*Prisons—Sabah*" for which a total provision of \$321,300 is sought.

Under Sub-head 1 a sum of \$180,000 is required to meet payment on completion of building works for the new Prison at Tawau in 1965.

With regard to Sub-head 2—"Open Prison, Keningau" a sum of \$100,000 is sought. This project is still in the planning stage and when completed the new Prison will provide dormitory accommodation for 40 and facilities for training of inmates on market gardening and rearing of livestock.

On Sub-head 3 which is in respect of Lock-up at Kudat, the building will be completed in 1965 and the sum of \$18,000 is required to meet the necessary payment on completion of building works and purchase of fittings for the lock-up.

The sum of \$23,300 under Sub-head 4 represents the sum required for the final payment for the new Prison at Jesselton which will provide additional accommodation space for 30 inmates and an expanded carpenter's workshop for 40 prisoners.

Finally, I now come to Head 206—"Prisons—Singapore" for which a total provision of \$1,081,213 is sought.

Under Sub-head 1 "Expansion of Prison Industries" the sum of \$293,185 represents the balance of the amount required to complete the various projects under this heading for the 5-year period 1961-1965. The projects are:

- (1) Improvements and auxiliary equipment for use in Changi Prison, such as—
 - (a) Equipment for Printing Workshop;
 - (b) Security Wall for new Laundry;

- (c) Storage Racks and Stores for new Laundry; and
- (d) Installation of Safety Precaution Measures.
- (2) Equipment for Workshops in the Medium Security Prison;
- (3) Services for work areas in the Medium Security Prison; and
- (4) Completion of Auxiliary Works in the Medium Security Prison.

Some of these projects will be done in co-ordination with the P.W.D. while the main part of the projects will be done by the Prison Industries itself.

As for Sub-head 2, "Remand Prison", a total sum of \$20 only is required. This is because the 2 projects have to be temporarily shelved pending decision on the future whereabouts of Remand Prison. The Local Prison in which Remand Prison is presently situated is being demolished and if it is eventually decided to move Remand Prison elsewhere, it may not be necessary to make use of the provision earmarked for the projects.

Under Sub-head 4 Item (i) "Conversion and Expansion of Changi Prison" the sum of \$23,008 now sought is for the purpose of meeting balance payment due to the P.W.D. for the installation of Services such as sewerage, electricity, water and steam (for kitchen) in the 3 new dormitories, kitchen and dining-hall in Changi Prison.

The sum of \$56,000 for Item (ii) of the same Sub-head is for the extension of Kitchen at Changi Prison so as to bring it up to date and capable to cope with the heavy demand for preparation of food for the increasing muster. The capital expenditure is for purchase of 4 new rice cookers, 2 new deep fryers, 1 baking oven, installation of steam pipes and improvements to ventilation.

Under Item (iii) of the same Sub-head a sum of \$13,000 is required for the project on extension of Visits Room in Changi Prison. In view of the increasing muster, it is necessary to extend the Visits Room and improve Visits facilities to members of the public, and to re-organise visits so that all prisoners will be able to get the full quota and time of visits which

they are entitled to under the Prisons Regulations.

The sum of \$100,000 for Expansion of Industries in Changi Prison is to be utilised on Works and Buildings and purchase of Machinery and Equipment for the newly-expanded industries in that Prison, such as laundrying, carpentry, printing, tailoring and rattan work. This project will play an important part in the rehabilitation of the prisoners, provide employment whilst they are in Prison and train them vocationally so that they can earn a living after release.

The sum of \$9,000 under Sub-head 5 is required so that the Prisons Department will have sufficient funds to carry out necessary minor repairs and improvements to all the existing prison buildings and grounds throughout the year.

Coming now to Sub-head 6 "Medium Security Prison" Item (i) Refractory Block; the proposal is to build in 1965 a Refractory Block and Punishment Cells with Baths and toilet facilities in the Medium Security Prison. As part of the usual Prison paraphernalia, it is essential for a major Prison with 500 inmates like the Medium Security Prison, to have its own Refractory Block and Punishment Cells for the use of and to deal with its refractory inmates who have committed breaches against Prison discipline.

The sum of \$10,000 required under Item (ii) of the same Sub-head is for the purpose of carrying out works on Conversion of the Administration Block, construction of Records Block with Store, Block Office with Prison Canteen and Prison Store, Day-Room for Officers and Warders, Public Waiting Room and Classrooms. These works are a necessity as the Medium Security Prison is to become a major Prison for the trainable adult-male first and second Offenders. About 500 inmates are expected to be accommodated in the Prison by 1965-1966.

As regards Item (iii) of the same Sub-head a sum of \$6,000 is required for installation of perimeter lighting at the Medium Security Prison. As this prison is a Medium Security one

there are no walls round it but only a wire-net fence. It is essential that the $1\frac{1}{4}$ mile perimeter of the prison be lit effectively as the few odd dim lights that now exist there are not effective as a security measure.

On Item (iv) of the same Sub-head a sum of \$10,000 is sought for the installation of Alarm System in the Medium Security Prison. There is no alarm system in that prison at present and it is necessary from the security point of view that an alarm system be installed particularly when it is borne in mind that the prison is an open one covering an area of more than 40 acres with farms, workshops and many buildings scattered therein.

On Sub-head 7 "Reformative Training Centre", Item (i), "Construction of Store", I only wish to say that it is very essential, both from the security and administration points of view, for a store to be provided to that Centre as there is no store at present.

The sum of \$27,000 sought under Item (ii) of Sub-head 7 is for the Scheme designed to help the inmates to gain up-to-date practical knowledge of farming and animal husbandry. The provision will be utilised on purchase of farm essentials, such as vegetable seeds, fertiliser, animals' feed, farming equipment, construction of farm office, tools, store, shelter, sheds, chicken-pens, etc.

Finally coming to Sub-head 8 a sum of \$504,000 is required for the First Phase of Construction of Quarters for Prison Staff. It is proposed to build in 1965, 72 Warders' Flats at \$7,000 each. At the present time there is a shortage of Quarters for the Prison Officers and Warders and I wish to state that it is the long-term objective of the Government to provide each and every member of the Prisons Service, irrespective of ranks and grades, with a Quarter.

Sir, I beg to move.

Enche' Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Pengerusi, saya sukachita mengalu²kan peruntokan perbelanjaan ini dan saya ada satu dua perkara yang saya suka hendak sebutkan di-sini. Yang pertama sa-kali saya suka

hendak sebutkan di-sini berhubung dengan barek (barracks) polis. Saya menyeru kepada Menteri yang berkenaan supaya menyiasat dan mengkaji sa-mula kedudukan² balai polis dan barek yang lama, terutama sa-kali di-kawasan² luar bandar. Sa-panjang yang saya tahu, terutama sa-kali barek polis yang lama itu, keadaan-nya terlalu sempit dan susah lebeh² lagi bagi anggota² polis yang mempunyai banyak anak—keadaan-nya sangat menderita. Jadi, itu-lah yang saya suka menarek perhatian sa-bagai mengu-
langi ucapan² saya pada masa² yang telah lalu supaya dapat menyiasat sa-mula, dan tolong kira-nya mendirikan barek polis itu supaya lebeh sempurna, lebeh² lagi pada masa ini kita berkehendakkan tenaga polis lebeh banyak dan berlipat ganda pada masa konferantasi ini. Jadi, dalam masa mereka itu berehat, maka di-minta-lah kediaman-nya itu sempurna dengan tugas-nya pada tiap² hari. Sa-kian-lah sahaja. Terima kaseh.

The Minister of Home Affairs and Minister of Justice (Dato' Dr Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, bagi menjawab tegoran Yang Berhormat dari Perlis Utara, sa-bagaimana yang saya katakan dalam ucapan saya, ia-itu memang-lah dasar hendak membuat rumah² bagi ahli² daripada *rank and file*, dan saya juga telah berchakap ia-itu kita harap programme ini akan habis dalam tahun 1965. Dan jika pada masa ini pembenaan rumah² itu belum sampai lagi ka-Perlis, saya harap sa-belum habis tahun 1965 rumah² itu akan di-bena.

The sums of:

\$100,000 under column (10) for Head 111;
\$435,210 under column (10) for Head 112;
\$44,830,045 under column (10) and
\$1,950,010 under column (11) for Head 114;
\$321,300 under column (8) for Head 156;
\$1,081,213 under column (8) for Head 206

agreed to stand part of the Development Estimates, 1965.

Head 115—

Mr Chairman: I propose that the expenditure shown in Head 115 of the Development Estimates, 1965 be approved.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato'

Hussain: Tuan Pengerusi, saya menhadangkan supaya Kepala 115 Angkatan Tentera Persekutuan yang menunjukkan peruntukan wang berjumlah \$158,278,417 bagi Kementerian Pertahanan untuk tahun 1965 menjadi sa-bahagian daripada jadual.

Tuan Pengerusi, perbelanjaan² yang di-kehendaki ini ia-lah untuk membeli beberapa perkara², perkakas², alat², kapal²-terbang, kapal perang dan mengadakan tempat kediaman atau barracks dan sa-bagai-nya untuk tentera² kita yang sedang di-perbesar dan di-perluaskan pada masa ini. Wang yang di-masokkan di-dalam bidang pembangunan ia-lah lebeh lagi daripada angka yang telah di-untokkan bagi tahun 1964—sekarang sa-banyak \$91,728,879. Daripada jumlah semua sa-kali dalam Kepala 115 ini ada-lah sa-banyak \$82,423,474 ada-lah di-untokkan bagi membeli alat perkakas dan barang² tentera yang di-perlukan. Sa-banyak \$40,653,568 ada-lah di-untokkan bagi membeli kapal dan kapal-terbang yang di-perlukan bagi menambah kekuatan Tentera Laut dan juga Tentera Udara Malaysia. Sa-banyak \$34,107,375 ada-lah di-kehendaki untuk mendirikan bangunan seperti tempat kediaman dan juga pejabat bagi Pasokan Tentera. Sa-banyak \$1,094,000 ada-lah di-kehendaki bagi membeli tanah di-wilayah Borneo dan juga di-Pulau Pinang.

Sa-lain daripada itu peruntukan sa-banyak \$7.57 juta ada-lah di-kehendaki bagi menjalankan kerja² pembenaan di-Sabah dan Sarawak. Ini termasuklah pembenaan Markas² Tentera yang kekal seperti Pangkalan Udara, Markas Tentera Darat dan juga Pangkalan Tentera Laut di-tempat² yang tertentu.

Jadi wang yang sa-banyak \$26,537,375 ada-lah di-kehendaki untuk mendirikan bangunan di-beberapa tempat seperti di-Kota Bharu, Alor Star, Mentakab, Brigade Cantonment

Utara, Cantonment Batu, Cantonment Sungei Besi, Garrison Port Dickson dan Pengkalan Laut di-Woodlands, Singapura.

Sa-lain daripada wang peruntukan pembangunan, peruntukan ada-lah diminta juga untuk membeli alat bagi tentera kita seperti radio, kereta, meriam, senjata api, perkakas rumah, perkakas teknik dan juga perkakas 'am.

Bagitu juga-lah pembenaan Angkatan Tentera Wataniah menyebabkan banyak lagi alat perkakas yang di-kehendaki bagi Tentera itu. Perbelanjaan sa-banyak \$6,305,744 ada-lah di-untokkan bagi membeli kereta, barang² perumahan, perkakas teknik dan juga perkakas 'am bagi Askar Wataniah.

Berkenaan dengan Tentera Laut pula sa-banyak \$23.8 juta di-kehendaki bagi membeli kapal². Sa-lain dari itu wang di-kehendaki \$3.5 juta bagi membeli alat perkakas.

Dan lagi supaya Tentera Laut kita dapat menjalankan tugas² di-wilayah Borneo advance base ada-lah terpaksa di-adakan di-Labuan dan di-lain² tempat di-sana. Pekerjaan ada-lah di-kehendaki juga untuk membaiki dan menambah advance base dan juga jeti yang baharu di-Singapura.

Tuan Pengerusi, Tentera Udara di-Raja pula berkehendakkan wang yang banyak untuk membeli kapal²-terbang bagi menjalankan tugas-nya menjaga kawasan udara Malaysia. Sa-lain daripada itu Tentera Udara juga membuat banyak pengangkutan bagi membawa askar dari satu tempat ka-satu tempat yang lain. Alat perkakas Tentera ada-lah juga di-pindah dengan menggunakan kapal-terbang. Jadi bagi tahun 1965 sa-banyak \$16.9 juta di-perlukan bagi membeli kapal-terbang jenis Herald, helikopter jenis Aloette dan juga kapal-terbang pembinasas. Bagi menemui pembayaran kesemua kapal-terbang ini, wang sa-banyak \$23 juta di-kehendaki sa-lepas tahun 1965.

Tuan Pengerusi, bagi dua Pechahan-kepala yang baharu bagi Tentera Udara ada-lah di-masokkan bagi pembangunan dalam tahun 1965, ia-itu

Pechahan-kepala 73 yang menunjukkan peruntukan sa-banyak \$500,000 dan Pechahan-kepala 74 sa-banyak \$1.3 juta yang di-kehendaki bagi membeli alat perkakas tambahan bagi penggunaan Tentera Udara.

Sekarang saya suka menyentuh sedikit sahaja berkenaan dengan peruntukan lain, yang telah di-masokkan bagi Pechahan-kepala ini di-bawah Pechahan-kepala 102, Naval Bases sa-banyak \$1.32 juta di-kehendaki membeli tanah dan kerja pembinaan di-Labuan dan lain tempat.

Jadi ada banyak-lah perbelanjaan² yang lain satu persatu yang di-sebutkan di-sini yang tidak payah saya terangkan satu persatu, Tuan Pengerusi, sebab, seperti saya kata tadi, semua perbelanjaan ini di-kehendaki di-sebabkan kita terpaksa meluaskan tentera² kita, Tentera Laut, Tentera Udara dan juga Tentera Darat, dengan itu mustahak-lah kita membeli perkakas² dan mengadakan Markas² dan mengadakan juga advance base dan juga pengkalan kapal-terbang untuk Tentera Udara kita. Jadi dengan itu, Tuan Pengerusi, saya mohon mendapat persetujuan Head 115 ini menjadi sa-bahagian daripada jadual.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Pengerusi, saya perchaya Yang Berhormat Menteri Pertahanan tentulah lebih dahulu mengetahui bahawa saya akan menyokong permintaan peruntukan ini, tetapi saya harap janganlah saya di-tuduh sa-bagai sa-orang yang suka berperang. Ia-itu, Tuan Pengerusi, apa yang di-terangkan oleh Menteri Yang Berhormat itu, saya rasa, sudah-lah berpatutan tetapi ada sedikit sahaja saya hendak ulas ia-itu berkenaan dengan Tentera Wataniah ada juga peruntukan² yang di-ambil daripada Kepala 115 ini tetapi sa-tahu saya Tentera Wataniah ini di-bawah Kementerian yang lain, sebab itu-lah pada polisi speech saya meminta Tentera Wataniah ini di-masokkan di-bawah Kementerian Defence ini sa-chara langsung.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya perchaya bahawa wang yang di-minta ini atau Estimates yang ada di-hadapan kita ini akan sesuai-lah dengan dasar

barahu Kementerian Pertahanan yang mengikut seperti saya terbaca dalam sa-buah surat khabar hendak mengubah pendirian defensive kepada satu chara yang lain daripada sikap dan boleh jadi chara itu ia-lah offensive sebab tidak tahan-lah kita sekarang ini dengan keadaan yang sekarang kita selalu berkata "Berjaya", tetapi pendaratan selalu berlaku, dan saya minta-lah Menteri kita ini menegaskan dengan terang di-sini supaya hati saya senang, ia-itu kita benar-kah kita hendak ubahkan pendirian kita daripada defensive kepada offensive. Tuan Pengerusi, kalau-lah kita sudah merasa bahawa kita terpaksa mengubah pendirian kita daripada defensive itu dengan kemajuan yang ada pada kita ini, saya suka-lah pasokan² yang hendak di-luaskan itu, termasuk Tentera Wataniah sama, di-kerjakan untuk pembangunan negara dan kita ubah nama-nya menjadi Development Brigade sa-bagaimana di-Singapura mengadakan Works Brigade dan begitu bagini dan ini pernah di-buat di-negeri² yang lain dan saya rasa tenaga orang itu sa-lain daripada military-nya boleh di-gunakan untuk kemajuan negeri ini terutama dalam Development. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Mr Chairman, Sir, I am glad to note that the total allocation for the Ministry of Defence represents more than three-fourth of the total allocation for the whole Development Estimates for the year 1965. As we all know, the Indonesian aggression becomes worse every day, and it is becoming far too common to hear of Indonesian landings on mainland Malaysia. It is a measure of our determination to resist Indonesian aggression that we have such a big allocation for defence. However, I doubt whether a country of ten million can go on indefinitely allocating vast sums for defence without having to resort to some form of aid from people who have pledged to help us in our hour of need. We have heard just now the Minister of Defence clarify the position regarding the aid offered by the Americans, and it must be plain to

everyone that the terms are most unfavourable. This, Sir, is a most surprising attitude to be adopted by people who have been the "so-called" champions of democracy, who have always insisted that they would like to see democracy survive in every corner of this globe. We know, Sir, that in South East Asia there is no country that has shown that democracy can survive as Malaysia. It is, I think, the bounden duty of a country like America to give support along the lines that it should give. I can think of many other countries which have followed policies which are not consistent with the practice of democracy, which have shilly-shallied between the East and the West, but which have received a considerable amount of aid without any strings from the Americans. We on the other hand have been very careful to state our position, to be emphatic, that we adhere to democratic practices and intend to follow democratic practices and that our policy has, most of the times, been more or less pro-western democratic ideas. I think it is time that those who call themselves our friends should revise their thinking and should extend to us the type of aid that they should give to a country which is almost the last bastion of democracy in this part of Asia.

Tunku Abdullah ibni Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman (Rawang): Mr Chairman, Sir, I would like to touch particularly on Sub-heads 48, Purchase of Ships and 71, Aircraft, under Head 115. What we would like to know generally here is whether we are getting the best experts to advise us in our projects to build up our armed forces. I am not an expert in this, but from what I have heard and what I have read in several publications on the subject it is imperative that in the building up of our defence forces we should go along the right lines from the beginning bearing in mind that we have limited resources and that we have not got all the money in the world. In the case of aircraft, for instance, Mr Chairman, we would like to know whether we are building up a force to undertake an all-out

attack, maybe with bombers and fighters or whether we are building up a force of fighters to intercept any big invasion or whether we are purely building up a force for counter insurgency and ground support for our troops. Our resources are very limited, and I think that in the case of an invasion across the sea, or to intercept any invasion, we have to rely on our friends. I personally think, and I hope that the Ministry has taken the best experts to advise the Ministry on this, that we should concentrate more on counter insurgency and support for our ground troops. And the same with ships. Mr Chairman, Sir, the cost of a frigate or a cruiser is very high and the cost of a frigate, I understand, is equivalent to four torpedo boats or maybe even six. If we buy one frigate, for instance, and if something goes wrong with the engines or if it is under repair, then there is nothing else in the sea to fight any aggressive action from our neighbour, and probably it is better therefore to buy six torpedo boats or ten or twelve patrol boats.

What I am worried about is whether we are getting the best experts to advise us on this arms build-up and our general defence build-up. I understand that the experts we are getting now are not very senior officers, and not experienced enough in modern warfare. I sincerely hope that the Honourable Minister will make every effort to get the best experts he can from overseas such as America, India probably, Australia and Britain, so that we will build-up our armed forces in the right way.

Enche' Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan mengalu²kan peruntukan perbelanjaan pertahanan ini kerana saya perchaya dengan peruntukan pertahanan ini akan lebih menguatkan lagi pertahanan negara kita, sama ada dari laut, darat dan udara.

Satu perkara sahaja yang saya suka hendak mengambil perhatian di-sini bahawa saya mengalu²kan Perjanjian Pertahanan di-utara Malaysia, Perjanjian Pertahanan antara Thai dengan

Malaysia, dan kita patut-lah mengucapkan sa-tinggi² tahniah kepada Kerajaan Thai yang telah memberikan kerjasama dengan sa-tinggi²-nya bagi menjaga dan menchegeh kemaraan kominis dan juga lain² pencherobohan yang datang-nya daripada utara. Sapanjang yang saya tahu bahawa keadaan pertahanan atau jagaan yang ada sekarang ini hanya mengikut darat ia-itu berperenggan dengan Perlis, Kedah, Kelantan dan Perak. Tetapi saya mengeshorkan juga supaya satu angkatan yang berkawal di-laut dan pantai di-utara Malaysia juga perlu di-kaji dan di-beri perhatian dengan sa-penoh²-nya. Kerana kita sama² ma'alum bahawa penchubaaan yang telah di-lakukan oleh pihak Indonesia di-kawasan Selatan telah menemui gagal tetapi barangkali harus satu masa kelak penchubaaan itu akan datang-nya dari pihak² yang lain. Maka sa-belum hujan elok-lah di-sediakan payong, terutama sa-kali di-Perlis atau pun Kedah dan sa-bagai-nya, perlu sekarang di-lengkapkan dengan Tentera² Wataniah yang lebeh banyak dan lebeh kuat dan di-beri latehan yang chukup lengkap dengan senjata² api.

Perkara yang kedua saya juga telah menerima rayuan² daripada pihak tentera kita berhubung dengan nasib anak² tentera kita, kerana kita semua sedia ma'alum bahawa askar atau pun tentera kita sentiasa bertugas di-luar dan dalam negeri dan ada di-antara-nya juga yang menemui kemalangan hinggakan membawa maut. Jadi kita perhatikan keadaan anak² mereka itu, kebanyakan-nya terbiar begitu sahaja kadang² balek ka-kampong dan sa-bagai-nya. Jadi dengan sebab itu saya mengeshorkan supaya Menteri yang berkenaan mengkaji ia-itu mendirikan sa-buah sekolah dengan chukup asrama-nya atau pun hostel supaya menempatkan anak² askar itu supaya terus belajar di-situ walau pun ada kemungkinan akan terjadi pada ibu bapa-nya pada masa depan, tetapi nikmat pelajaran dan peluang² bagi mereka itu melanjutkan pelajaran sentiasa tetap ada dari satu masa ka-satu masa. Shor ini, saya fikir, perlulah di-kaji supaya mendapatkan

dengan sa-penoh² kebajikan sa-bagai menghormati tentera² kita yang berjuang, bertugas siang dan malam kerana menjaga, mempertahankan negara kita ini. Sekian, terima kaseh.

Enche' Tan Cheng Bee (Bagan): Mr Chairman, Sir, like many new independent nations, we too have an aggressive neighbour now in the form of Dr Soekarno and his colleagues who are prepared to resort to any device, fair or foul, to crush our nation. I feel, Sir, that it is only natural that we should be prepared to meet such dastardly acts, and retaliate every act of aggression with the same vigour and manner.

Sir, agents of Soekarno have been sent to our country to do espionage and subversive work and to cause internal disruption in our country; besides open acts of aggression like the paratroops landing in Labis and the landing in Pontian. Surely, our country cannot sit by and watch and hope only to report to the United Nations and the world of such acts of aggression and nefarious acts of subversion and sabotage by a dangerous and dastardly enemy? We must certainly take steps to give blow for blow and for this I am sure, Sir, the Government has an Intelligence Section in the Defence Services to train our loyal people in intelligence and espionage work. Sir, this service calls for expert and extensive training and I am sure our country is not lacking in young and loyal people, intelligent and courageous enough, to volunteer to be trained for this purpose. Sir, I realise that this is a top secret matter and it is not my intention here to embarrass the Honourable Minister of Defence to reply to my comments, but all I ask is that proper training should be immediately started, if this has not yet been done, by selecting a group of intelligent, courageous and loyal citizens, so that when it is necessary for us to send them to do the work for which they are trained, we could show our most unscrupulous enemy and the world at large that we can return blow for blow and that we will not tolerate being bullied.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap atas Kepala 114, Pechahan-kepala 50—Police Launches, peruntokan sabanyak \$2,999,635. Saya ada-lah menyambut baik di-atas peruntokan ini, kerana boleh ada banyak lagi motor² launches ini pergi meronda di-kawasan perayeran kita. Kerap kali kita dengar, nelayan² kita khas-nya apabila keluar menangkap ikan, selalu-nya di-ganggu dan di-tangkap oleh Tentera Laut Indonesia, ada yang sa-tengah daripada sa-tengah mereka itu ta⁷ di-lepaskan balek. Dari itu saya suka mengeshorkan supaya tiap² perahu, atau police launches ini di-adakan alat radio yang boleh mendapat perhubungan di-antara tiap² perahu nelayan yang di-bawa menangkap ikan, sa-bagaimana satu alat walkie-talkie yang kerap kali kita dapati boleh berhubung di-antara satu dengan lain yang berjauhan satu batu, atau dua batu. Jadi, perahu² nelayan ini, kalau ada walkie-talkie ini dapat-lah di-beritahu kepada rakan²-nya yang beliau itu di-dalam keadaan bahaya dan dengan itu dapat-lah kawan²-nya itu memanjangkan per-khabaran itu kepada pihak polis, dan dengan yang demikian dapat-lah ahli² nelayan itu mendapat kawalan. Saya harap mendapat perhatian daripada pihak yang berkenaan supaya di-adakan alat perhubungan dengan chara radio, mudah²an dapat-lah nasib nelayan² kita yang selalu di-ganggu oleh pihak Indonesia itu berkawal. Terima kaseh.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pandangan yang di-datangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok yang mengatakan bahawa kita telah menukarkan dasar pertahanan kita, ia-itu daripada menjadi defensive kepada offensive. Saya suka terangkan, hendak-lah kita jaga perkataan offensive, kita bukan hendak bermusoh dengan sa-siapa dan bukan hendak berperang dengan mana² pihak. Sebab kita di-cherobohi oleh Indonesia, kita terpaksa mengambil langkah yang sa-patut-nya untuk mempertahankan negara kita ini, dan telah di-terangkan bahawa mengikut dasar Bangsa² Bersatu, ia-itu dalam meng-

ambil langkah mempertahankan negara kita ini, kita ada hak, kata orang puteh menjalankan hot pursuit, ia-itu hendak mengejar tentera yang melanggar kita itu sampai luar daripada sempadan negara kita ini. Kita tidak hendak mengambil apa² langkah yang luar daripada yang patut bagi mempertahankan tanah ayer kita, dan keluar daripada yang di-luluskan oleh Piagam Bangsa² Bersatu.

Berkenaan dengan chadangan Ahli Yang Berhormat itu patut di-adakan Works' Brigade, ini bukan-lah pekerjaan Kementerian Pertahanan. Ini hal lain. Kementerian Pertahanan ini ialah menjaga hal tentera sahaja, bukan menjaga hal pembangunan—itu adalah tanggong-jawab Kementerian yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Perlis Utara menchadangkan patut-lah Kerajaan menguatkan lagi pertahanan di-sempadan dengan Siam—dari Perlis, dari Kedah. Jadi, Tuan Pengerusi, kita bukan hendak menjaga negeri Perlis, negeri Kedah sahaja, kita hendak menjaga semua negeri—pertahanan kita hendak kuat di-semua sempadan—Perlis, Kedah, Kelantan pun kita hendak pertahankan (*Ketawa*) sunggoh pun negeri PAS, kita pun hendak mempertahankan-nya juga, terutama sa-kali negeri Pahang, kita hendak pertahankan (*Ketawa*).

Berkenaan dengan anak² tentera, ahli² tentera yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Perlis Utara itu terbiar, Tuan Pengerusi, anak² ahli tentera itu tidak terbiar, ada di-jaga dengan sempurna-nya, dan anak isteri tentera² yang berkhidmat di-luar itu, kebiasaan-nya ada di-tempat kediaman yang sempurna di-berek² dan di-kem². Saya tahu bahawa kita tidak mempunyai berek yang chukup, pada masa ini kita sedang menambahkan lagi bilangan berek itu, tetapi dengan sa-berapa boleh-nya, keadaan anak² tentera ini ada-lah di-jaga.

Berkenaan dengan hal hendak mengadakan Sekolah Khas bagi anak² tentera ini, perkara ini telah lama di-timbangkan sa-masa saya menjadi Menteri Pelajaran dahulu pun sudah di-timbangkan perkara ini. Jadi, yang

susah-nya kalau kita beri timbangan yang istimewa kepada tentera, kita beri timbangan yang istimewa kepada polis, Police Field Force, begitu juga kita beri pertimbangan yang istimewa kepada pegawai² Kerajaan yang berkhidmat di-luar yang terpaksa pergi meninggalkan tempat kediaman dan sa-bagai-nya. Jadi, Kerajaan berpendapat sangat-lah susah hendak memberi keistimewaan kepada tentera sahaja dengan tidak di-beri keistimewaan kepada orang² lain juga. Jadi, dengan sebab itu-lah biasa-nya di-kem, di-tempat² kediaman tentera ini diadakan sangat untuk kanak² belajar, dengan tidak kita adakan satu masa sekolah khas untuk anak² tentera sahaja. Jadi, saya fikir, bagi pehak tentera pun dia tidak suka hendak ada Sekolah Khas bagi anak² tentera sahaja, mereka suka hendak berchampur dengan anak² orang lain, dan Military College Boys' Wing—Military College itu ada-lah keutamaan di-beri kepada anak² tentera bagi memasoki Boys' Wing.

Berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara, saya pun tidak faham dia berchakap fasal motor launches. Di-sini dalam Kementerian Pertahanan ta' ada motor launches. Ini ada-lah di-bawah polis—dia berchakap fasal polis, tetapi ta' apa-lah, sebab saya pun tidak hendak tegor dia. Jadi, dalam hal ini, kita ada-lah sentiasa mengambil langkah untuk mengawal penangkap² ikan di-dalam kawasan kita—our territorial waters. Kita tidak dapat hendak mengawal penangkap² ikan yang keluar daripada kawasan laut kita, atau pun yang pergi dekat dengan Sumatra menangkap ikan—itu susah sedikit kita hendak jaga, tetapi dalam kawasan territorial waters, kita boleh jaga dengan chukup, dan lagi saya faham laut kita terlampau luas, terlampau panjang, jadi ta' dapat-lah kita hendak kawal sa-tiap masa, tetapi dengan sa-berapa boleh-nya, pehak tentera laut kita bersama² dengan Marine Police ada-lah menjalankan tugas dengan menjaga keselamatan penangkap² ikan di-laut.

Sir, the Honourable Member for Kota Star Selatan raised the question

of aid from our friends from democratic countries. As I said this morning, the Government is indeed very disappointed with the terms of aid offered by the United States Government. I agree with the Honourable Member that as we are defending democracy in this part of the world our friends ought to look to us with more sympathy and ought to be able to help us more. It does seem that it is only when we are about to be drowned that people will come to our help willingly. However, it is no good helping us when we are about to be drowned. I think if our friends want to help us, now is the time. Of course, we are not begging for help on our knees. Our friends ought to know that we do need help, and it is for them to offer us help. We, on our part, will do our best to defend ourselves to our best of ability and within our available resources, because we firmly believe in democracy. We shall defend our country and our way of life even to the last man, and as has been said, to the last drop of our blood. However, our friends ought to know that if we are lost, then there is no hope for democracy in South-East Asia. We are not only defending ourselves but defending the whole democratic world, and if democracy is to survive here we must survive; and I hope our friends do realise what we stand for and that if they intend to help us now is the time to help us.

The Honourable Member for Rawang raised the question of the purchase of ships and aircraft and suggested that we should obtain the best available advice before we purchase the necessary ships and aircraft. I can assure him that we do accept every available advice we can get and we are extremely careful in choosing the types of aircraft and the ships that we buy. We have a small navy and a small air force, and we in the past have been expanding our navy and air force by phases; that is why we were able to choose the best type of ships and the best type of aircraft.

As regards the air force, quite naturally in the past we had been concentrating on transport aircraft for

the support of our troops on the ground. But as an independent nation, we must also have a complete air force; we must have an air force which is able to defend our country in case of need. Therefore, it is our intention to expand our air force, so that we can have all the components of a complete air force. I do not need to elaborate here what a "complete air force" means, because we do not wish to announce to the world, especially to our enemy, what sort of planes we intend to have. But, as I said, it is necessary, as an independent nation, for us to have a complete air force, navy and army to defend ourselves and to ask our friends for help when we are really in need of help. That is our policy. As I said, we are extremely careful in choosing the right type of aircraft and ships that we intend to purchase. Indeed, as far as we are concerned, we always go for the best and the cheapest. It is true that ships like the *Frigate* cost a lot of money, but for the sake of dignity and also for the defence of our country we need to have the *Frigates*—one, two or three *Frigates*—because we have long coastlines to guard and the distances from here to the Borneo territories are great, and it is not possible for us to defend all these coastlines merely with patrol crafts. I know that the costs of all these ships and aircraft are very great and the costs of armed forces are expensive, but they are necessary for the defence of our country, particularly at the present time when we are faced with the threat to our security by a bigger and stronger neighbour.

The Honourable Member for Bagan Serai raised a very delicate matter

about the training of devoted and loyal citizens to do offensive tasks against Indonesia. I am afraid I cannot say anything about this in Parliament, but I can assure the House that we do take whatever measures necessary to defend ourselves and you can all rely on this Government to do what we can for the defence of our country. That is as much I can say, because it is not in the public interest, and not in the interest of our country, for me to divulge publicly what measures that we intend to take for the defence of our country.

I think, Mr Chairman, Sir, that is about all the points raised by Honourable Members of this House, and I am grateful to Honourable Members for treating me very lightly and for allowing this debate to last only about half an hour.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, sa-minit kalau Menteri benar.

(He was not allowed to speak).

Question put, and agreed to.

The sum of \$158,278,417 for Head 115 agreed to stand part of the Development Estimates, 1965.

House resumed.

(Mr Speaker in the Chair)

Mr Speaker: Honourable Members, I have to report that the debate in Committee on the Development Estimates, 1965 has progressed up to Head 115. The Committee on Development Estimates will resume tomorrow.

Adjourned at 8 p.m.